


Jilid II
Bil. 6



Hari Rabu
7hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 589]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 628]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 668]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI DATUK V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., J.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMED SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

Yang Berhormat TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

Yang Berhormat RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 7hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

INSTITIUT PETROLIAM

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Institiut Petroliam untuk melatih rakyat Malaysia memperolehi pengetahuan di dalam segala aspek Teknologi Minyak, jika tidak, meng-apa; dan
- (b) jumlah permohonan-permohonan yang telah diterima untuk mencarigali minyak di Malaysia daripada sejak kelulusan Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan), 1975 dan daripada siapa.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sangat sedar tentang perlunya melatih rakyat untuk mempunyai kemahiran, dalam segala aspek teknologi minyak. Kerajaan telahpun mengarahkan Universiti Teknologi Malaysia, mengadakan beberapa kursus pengajian di dalam jurusan teknologi minyak. Petronas sentiasa bekerjasama dengan Universiti tersebut untuk menentukan jenis pengajian-pengajian yang patut diadakan, samada di peringkat ijazah ataupun di peringkat diploma—juga untuk menentukan bilangan penuntut-penuntut yang patut diambil bagi tiap-tiap bidang pengajian.

Bagi mukluman Dewan ini kursus-kursus yang diadakan di Universiti Teknologi Malaysia yang berkaitan dengan petroliam ialah Kejuruteraan

Petroliam (Petroleum Engineering), Kejuruteraan Mekanikal (Mechanical Engineering) dan Kejuruteraan Elektrikal (Electrical Engineering). Kursus-kursus ini mula diadakan dalam bulan Jun 1975 yang mempunyai penuntut di peringkat diploma seramai 34 orang dan peringkat ijazah 26 orang. Perbezaan di antara peringkat ijazah dan diploma terdapat dalam matapelajaran Ilmu Hisab (Mathematics). Selain daripada itu, mereka diajar matapelajaran yang sama majoring iaitu pengkhususan dalam kejuruteraan petroliam dilakukan dalam tahun ketiga penuntut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah bercadang hendak mengadakan sebuah Institiut Petroliam khas atau yang berasingan.

- (b) Sejak lulusnya Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan), 1975, Petronas telah menerima sebanyak 22 permohonan daripada syarikat-syarikat yang hendak mencarigali minyak di Malaysia. Oleh sebab maklumat ini perlu dirahsiakan saya tidak boleh memberitahu nama-nama syarikat yang telah mengemukakan permohonan itu.

**KERJASAMA DI KALANGAN
NEGARA-NEGARA ASEAN**

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN sebagaimana yang termaktub dalam Peristiharan Bali akan merupakan seperti kerjasama Persatuan Ekonomi Bersama Eropah ataupun samada ia akan merupakan bentuk dan cara kerjasama ASEAN tersendiri.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama kerjasama di antara negara-negara ASEAN adalah sama dengan apa yang terdapat di antara negara-negara

Persatuan Ekonomi Bersama Eropah iaitu untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran ekonomi menerusi usaha-usaha bersama. Walau bagaimanapun, Treaty Rome yang menubuhkan Persatuan Ekonomi Eropah membekalkan bentuk kerjasama ekonomi yang lebih rapat menerusi satu Customs Union dan juga pergabungan politik di antara negara-negara itu. Sebaliknya, Peristiharan Bangkok yang menubuhkan ASEAN serta Peristiharan Bali membayangkan kerjasama ekonomi dalam bentuk yang longgar sedikit sesuai dengan keadaan yang terdapat di dalam kemajuan dan priorities ekonomi negara-negara ahlinya.

Dari segi politik pula ASEAN tidak berusaha ke arah apa-apa penggabungan negara-negara ahli pertubuhan itu. Selain daripada faktor-faktor ini kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN adalah bersesuaian dengan ciri-ciri asli (indigenous character) di rantau ini. Ini adalah satu-satu unsur utama dalam perkembangan kerjasama ASEAN. Kesimpulan kata, kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN itu bolehlah dikatakan mempunyai bentuk dan cara kerjasama ASEAN itu sendiri.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjelaskan samada kerjasama ASEAN dan Deklarasi Bali mengadakan scope untuk mengintroducekan matawang yang sama (common currency) dalam negara-negara ASEAN, berhijrah di antara negara-negara ASEAN tanpa peraturan-peraturan yang tertentu.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana barangkali Ahli Yang Berhormat ketahui di dalam Deklarasi Concord ASEAN itu tidaklah menyentuh apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu bersabit dengan common currency. Buat permulaannya seperti ekonomi telahpun diistiharkan di dalam Deklarasi ASEAN Concord. Itulah yang boleh dikatakan buat permulaan kajian-kajian yang dibincangkan di sana.

BANK PEMBANGUNAN ISLAM

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan yang dicapai setakat ini mengenai konsep penubuhan Bank Islam dan

adakah konsep itu menghadapi sebarang halangan, sekiranya ada apakah halangan-halangan pokok yang terpaksa diatasi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa Bank Pembangunan Islam sudah ditubuh dan menjalankan urusannya. Bagaimanapun oleh kerana Bank ini sedang di dalam proses mengambil kakitangan, kegiatan memberi pinjaman belum lagi dimulakan. Sepanjang pengetahuan saya, tidak ada apa-apa halangan yang dihadapi oleh Bank itu setakat ini.

IKLAN ROKOK MELALUI RADIO/TV

4. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau bercadang hendak menghentikan pengiklanan rokok melalui siaran radio dan TV Malaysia sebagai menyelaraskan usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kempennya memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya dan akibat merokok.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua Kementerian Penerangan telah menimbangkan perkara ini dengan halus dan teliti dan berpendapat bahawa memberhentikan iklan-iklan rokok di radio dan TV tidak akan mengakibatkan kekurangan penghisapan rokok.

Adalah didapati bahawa publisiti mengenai bahayanya rokok yang dijalankan di negara-negara lain telah tidak mendatangkan kesan yang diharapkan, malahan pula bilangan orang yang menghisap rokok makin bertambah dari masa kesemasa walaupun mereka telah diberi amaran beberapa kali bahawa menghisap rokok mungkin membahayakan kesihatan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Untuk mencapai matlamat mengurangkan menghisap rokok, khasnya di antara pemuda-pemudi di kalangan rakyat kita sungguhpun Kerajaan tidak mahu mengharamkan iklan-iklan rokok di radio dan TV, bolehkah Kementerian menimbang untuk mewajibkan pengiklan-pengiklan apabila membuat iklan-iklan baik melalui radio atau TV menyebut bahayanya hisap rokok.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang ditimbang. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia tahu negara-negara lain sedang menimbang soal ini jadi kita ingin hendak mendapat pengalaman negara-negara lain itu dahulu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan iklan-iklan di radio dan TV Malaysia di dalam negara kita yang mempunyai agama Islam sebagai agama resmi bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberhentikan iklan untuk minuman keras dalam mass-media seperti radio dan TV.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa TV adalah menjadi tuntunan, terutama kanak-kanak dan pelajar-pelajar yang baharu sahaja besar dan mereka ini terdedah kepada iklan-iklan yang menggalakkan mereka merokok. Jadi, sepertimana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab tadi bahawa kalau dihentikan pun, maka kesannya sangat kurang, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar jika sekiranya kita hentikan, maka kita dapat menyekat penghisap-penghisap rokok yang baharu yang terdiri daripada kanak-kanak sekolah.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi "studies" yang telah dijalankan di negara-negara lain telah menunjukkan (kalau ada pun) very marginal effect of radio and TV advertisement kepada penuntun-penuntun. Jadi iklan menerusi radio dan TV bukan caranya yang effective untuk mengurangkan penghisap rokok. Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti cuba hendak mengimbangkan faktor itu dengan satu faktor yang lain, iaitu hak ataupun tugas tiap-tiap pihak yang mendirikan satu industri seperti Tobacco Industry mendapat saluran untuk memasarkan barang-barang yang diperbuat.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar banyak pendapat-pendapat

mengatakan di antara dua Kementerian Kerajaan ini tidak selaras, kerana Kementerian Kesihatan menggalakkan supaya dihentikan menghisap rokok, sedangkan secara tidak langsung Kementerian Penerangan menerusi TV dan radio menggalakkan jualan rokok dengan seberapa banyak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soalan lain sedikit. Dalam TV tidak menggalakkan cuma menceritakan bagus sahaja—kalau soalan tambahan, boleh.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Maksud saya secara tidak langsung. Ini pendapat rakyat. Walaupun tidak menggalakkan tetapi secara tidak langsung ini menggalakkan, sedangkan Kementerian Kesihatan menggalakkan supaya diberhentikan ataupun dikurangkan penghisapan rokok.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan apa dia?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Maksud saya adakah Yang Berhormat Menteri Penerangan sedar bahawa sebahagian besar rakyat berpendapat dengan adanya iklan rokok yang begitu meluas di dalam TV dan radio ini seolah-olah tidak ada penyelarasan di antara dua Kementerian Kerajaan, iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukan soal penyelarasan. Soalnya "the subtlety of the issues."

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa bendanya itu, saya tidak izinkan menggunakan bahasa Inggeris.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: "Subtlety"—saya tidak tahu apa istilahnya dalam Bahasa Kebangsaan—"subtlety of the issues" ataupun kerumitannya issue-issue ini untuk diterangkan sejelas-jelasnya. Saya telah mengatakan bahawa studies di negara-negara lain telah menunjukkan bahawa memberhentikan atau menerangkan bahaya rokok menerusi TV dan radio (bukan mass-media lain) tidak

memberi kesan seperti yang diharapkan. Tetapi ini tidaklah menghalang badan-badan lain seperti Kementerian Kesihatan atau Badan-badan Persatuan Doktor misalnya, untuk mendedahkan penerangan-penerangan kepada public yang menunjukkan kaitannya di antara penghisap rokok dengan satu-satu kejadian penyakit. Sebenarnya mereka ada hak berbuat ini, dan terserahlah kepada orang ramai untuk menimbangkan samada mereka percaya ataupun, sudah percaya, mereka hendak mengikut nasihat-nasihat daripada pihak yang sangat terbabit dalam kempen kesihatan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Mengikut Menteri yang berkenaan beliau menyatakan the subtlety of the issue tidak begitu berkesan katanya tentang mengharamkan iklan menghisap rokok di dalam radio dan TV. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar Persatuan Doktor-doktor Malaysia bukan sekarang, barangkali pada 10 tahun dahulu tiap-tiap tahun kirim resolusi kepada Menteri Kesihatan barangkali dan Menteri Penerangan untuk mengharamkan penghisap rokok supaya kita boleh mengurangkan akibat cancer antara penghisap rokok.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi Persatuan-persatuan Doktor dan Badan lain dan Kementerian Kesihatan bolehlah kempen bahayanya, tetapi TV hendak iklan juga. Sudah dijawab tadi, tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa lain-lain badan ada hak untuk kempen tentang hisap rokok, tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah pendirian Kementerian Penerangan mengenai perkara ini samada menggalakkan hisap rokok atau mengambil tindakan untuk menyertai kempen ini dan sekiranya sedar apakah tindakan yang diambil setakat hari ini untuk menyertai kempen mengurangkan menghisap rokok.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak menggalakkan orang hendak merokok. Tetapi kita sebagai satu daripada saluran siberan am terpaksa, melainkan bertentangan dengan undang-undang, memberi satu facilities ataupun kemudahan kepada pihak-pihak yang mempunyai commercial

rights untuk mempromotekan product yang mereka sedang buat. Dalam keadaan ini kita tahu beberapa buah negeri, terutama sekali Kelantan bergantung sangat kepada tobacco industries. Jadi seimbangan ini mesti kita selalu timbang, kecuali kita dapat satu penerangan yang benar-benar menunjukkan bahawa menghentikan iklan ini akan benar-benar mengurangkan penghisapan rokok.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah benar, Tuan Yang di-Pertua, tobacco lobby di tanahair kita begitu kuat dan oleh itu Kementerian Penerangan tidak mengharamkan iklan menghisap rokok di Radio dan TV.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian saya, kita tidak menganggapkan pembuat-pembuat rokok ini seperti golongan lobby. Sebenarnya, kita tidak ada sebab untuk menjalankan diskriminasi terhadap mereka dalam soal mereka mendapatkan facilities untuk mengiklankan product mereka.

LOAD SHEDDING OLEH L.L.N.

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah kehilangan pengeluaran di kilang-kilang di seluruh negara yang ditaksirkan sejak "load-shedding" oleh L.L.N.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyedari bahawa memang ada kehilangan pengeluaran tetapi tidaklah dapat dihitung kehilangan bagi seluruh negara kerana "load-shedding" yang dijalankan oleh L.L.N. mengakibatkan kilang-kilang yang terletak di beberapa buah tempat dalam negeri dan pada berlain masa pula. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengambil perhatian bahawa tidak ada satu kilang pun yang mendapat akibat yang buruk oleh "load-shedding" sungguhpun beberapa gangguan dalam jadual pengeluaran tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana tanggungan "load-shedding" telah diedarkan di atas dasar giliran dan pengumuman telah diberi terlebih dahulu, di mana praktikal supaya kilang-kilang dapat mengaturkan jadual pengeluaran mereka jika perlu.

Untuk menentukan bekalan barang keperluan tidak terputus kepada pengguna-pengguna dalam negeri, Kementerian ini telah dapat meyakinkan pihak L.L.N. untuk memberi keutamaan kepada kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang penting dan strategik. Pihak L.L.N. telah juga memberi jaminan bahawa "load-shedding" akan dijalankan sebagai langkah "last-resort" sekiranya ada kekurangan kuasa yang terdesak. Dalam hal ini, industri-industri telah diminta untuk bekerjasama dengan pihak L.L.N. dalam kempen mereka untuk mengurangkan kegunaan tenaga dengan mengelakkan pembaziran tenaga letrik.

X-RAY KELINIK PERSENDIRIAN

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa ada kelinik-klinik persendirian yang mempunyai mesin X-Ray, yang dijalankan oleh mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan ini akan membahayakan pesakit-pesakit, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telahpun menguatkuasakan Akta Benda Radioaktif 1968, di mana semua kelinik Perubatan Persendirian yang mempunyai peralatan X-Ray telahpun didaftarkan dan permit-permit dikeluarkan bagi mereka menjalankan operasinya. Sebelum sesuatu permit dikeluarkan, semua peralatan x-ray telah diperiksa untuk menentukan bahawa peralatan tersebut dalam keadaan yang baik dan sinaran yang bertaburan serta tembusan (leakage) kurang berlaku dan adalah terbatas. Bangunan-bangunan juga diperiksa untuk menentukan keperluan-keperluan keselamatan supaya sinaran yang bertaburan adalah terbatas dan dengan itu tidak akan membahayakan kesihatan kaki-tangan serta pesakit-pesakit yang sedang menunggu.

Kerajaan menyedari bahawa pada keseluruhannya semua Pengawas X-Ray di Klinik Perubatan Persendirian tidak mempunyai kelayakan tetapi mereka hanya dibenarkan bekerja di bawah penyeliaan langsung oleh ahli-ahli Ikhtisas Perubatan atau setaraf dengannya. Kerajaan sedang membuat peraturan untuk menganjurkan kursus jangka pendek bagi pengawas-pengawas tersebut. Kursus-kursus ini akan

dimulakan sebaik-baik sahaja ahli yang terlatih yang dijangka mungkin didapati pada akhir tahun ini atau awal tahun depan. Buat sementara waktu, Kementerian saya telah mengeluarkan peringatan-peringatan mengenai keperluan-keperluan keselamatan kepada semua pemegang-pemegang permit.

BANTUAN BUKU-BUKU TEKS

7. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah diketahui guru-guru atau sekolah-sekolah yang telah menyalahgunakan bantuan buku-buku teks untuk murid-murid dengan menjual buku-buku tersebut di kedai-kedai; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap mereka yang terlibat untuk mencegah berlakunya lagi kejadian itu pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini tidak ada kenyataan yang tepat bahawa ada guru-guru atau sekolah-sekolah menyalahgunakan bantuan buku-buku teks dengan menjual buku-buku tersebut di pasaran.

Semua buku teks yang dibekalkan ke sekolah-sekolah di bawah Sekim Pinjaman Buku-buku Teks adalah dicop dengan nama sekolah berkenaan serta perkataan-perkataan "sekim pinjaman Buku-buku Teks Kerajaan" di bahagian dalam setiap buku. Nombor kod juga diberi dan ini dimasukkan di dalam Buku Setok. Penjualan dan pembelian buku-buku teks Sekim Pinjaman ini adalah satu kesalahan yang besar dan tindakan mahkamah akan diambil ke atas sesiapa pun juga yang didapati melakukan perbuatan yang salah ini.

ELAUN BANTUAN KHAS

8. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan setakat manakah sambutan yang diberi oleh majikan di pihak swasta ke atas rayuan Menteriannya supaya pihak swasta membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sambutan yang diberi

oleh majikan-majikan di sektor swasta terhadap rayuan Kementerian ini supaya membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja mereka adalah memuaskan. Setakat masa ini dianggarkan seramai 23,340 majikan-majikan di sektor swasta seperti Ladang, Lombong, Kilang-kilang perusahaan sedang membayar Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja mereka. Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa tiap-tiap pertikaian berkenaan dengan pembayaran elaun bantuan khas yang dirujukkan kepada Kementerian ini, telah dapat diselesaikan.

Tuan S. Samy Vellu: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa setengah majikan di perusahaan perladangan (plantation industry) telah tidak memberi grant special relief allowance atau mengurangkan jumlah special relief allowance setelah diminta kerana kekurangan kewangan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang telah melakukan kesalahan-kesalahan ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak sedar tetapi jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang lanjut, Kementerian bersetuju menjalankan penyiasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan S. Samy Vellu: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar di dalam Mahkamah Perusahaan sekarang ada dua pembicaraan ke atas kes ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau di dalam Mahkamah tak usahlah dibangkitkan di sini.

Tuan S. Samy Vellu: Ini di dalam Mahkamah Perusahaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat berapa kes di dalam Mahkamah. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia sudah tahu ada dua kes sekarang. Sedar atau tidak sedar

Tuan S. Subramaniam: Tidak sedar, Tuan Yang di-Pertua.

9. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minit Menteri Pertahanan memberi penjelasan mengenai strategi pertahanan negara kita terutama di kawasan Sempadan Malaysia/Thai dan samada pihak berkuasa yang berkenaan sedang mengkaji kedudukan pertahanan kita terutama mengenai dengan alat-alat kelengkapan dan senjata dan jika ya, apakah rancangan dan tindakan yang sedang diambil.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): (Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memang senantiasa mengkaji kedudukan keselamatan negara di kawasan sempadan Malaysia/Thailand dan segala tindakan untuk menyesuaikan langkah-langkah, tindakan-tindakan dan sebagainya sewajar dengan keadaan keselamatan telah diambil. Walau bagaimanapun dukacita saya tidak dapat memberi butir-butir lanjut mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil itu kerana perkara ini adalah perkara rahsia.

CROWN AGENTS—ALAT-ALAT JENTERA DIBELI

10. Raja Naron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa masih banyak alat-alat jentera yang berat yang dibeli melalui Crown Agents, jika ya, samada suatu sistem akan disusun supaya barang-barang ini dapat dibeli secara langsung.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan sejak negara kita mencapai Kemerdekaan untuk membeli barang-barang Kerajaan secara terus dari pembuat dengan secara tender terbuka dan tidak melalui orang tengah seperti Crown Agents. Arahan-arahan telahpun dikeluarkan kepada Kementerian dan Jabatan Kerajaan berhubung dengan dasar di atas dan selaras dengan dasar itu pembelian melalui Crown Agents telah berkurang seperti ditunjukkan oleh angka-angka berikut:

Tahun	Jumlah Pembelian
1972	\$41,397,999.00
1973	\$11,866,463.00
1974	\$13,613,833.75
1975	\$ 6,303,788.00

Kebanyakan pembelian yang masih dibuat menerusi Crown Agents hanyalah bagi pembelian yang kecil-kecil jumlahnya dan untuk pembelian-pembelian alat-alat ganti barang-barang lama.

Berhubung dengan pembelian jentera-jentera berat seperti yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa pembelian itu ialah pembelian di bawah wang bantuan Kerajaan British (British Special Aid) di mana telah ditetapkan suatu peraturan kewangan bilateral yang mensyaratkan sebarang pembelian dengan wang itu hendaklah dihadkan kepada barang-barang buatan Inggeris dan dibeli melalui Crown Agents.

Peranan Crown Agents di sini ialah untuk memanggil tender bagi pihak Kementerian/Jabatan Kerajaan dan lain-lain institusi. Keputusan masih terserah kepada Lembaga Tender Kementerian/Jabatan Kerajaan.

Di antara pembelian yang dibuat di bawah bantuan ini ialah alat-alat untuk NISIR (Institusi Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara), MARDI (Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) dan Pusat Latihan Perindustrian, I.T.I. dan Sekolah Vokesyenal MARA, Maktab Rendah Sains MARA dan untuk lain-lain Kementerian dan Badan-badan Berkanun. Jumlah untuk pembelian dalam hal ini sejak bantuan diberikan dari 1968 hingga ke akhir tahun 1975 ialah kira-kira M\$65 juta sahaja.

BURUH BUMIPUTRA DI LADANG-LADANG

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar akan ramainya bilangan buruh-buruh Bumiputra yang bekerja di ladang-ladang bukan sebagai pekerja tetap tetapi atas dasar kontrak dan jika ya, adakah Kementerian akan menjalankan kajian pada keseluruhan supaya buruh-buruh ini ditetapkan dan dapat menikmati faedah-faedah sebagai pekerja-pekerja tetap.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya ladang-ladang menggaji pekerja-pekerja secara tetap. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedar ada sebilangan pekerja-pekerja dari semua bangsa dan bukan dari bumiputra sahaja yang bekerja di ladang-ladang atas dasar

kontrak. Kementerian saya telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji segala aspek-aspek mengenai sistem kontrak ini. Jawatankuasa khas ini terdiri dari pihak Kerajaan, dan wakil-wakil dari pihak majikan dan pekerja-pekerja.

Oleh yang demikian tindakan selanjutnya akan hanya dibuat selepas Jawatankuasa Khas tersebut mengemukakan syor-syor dan perakuannya kepada Kerajaan kelak.

Dr Tan Chee Khoo: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyatakan bahawa Menteriannya atau Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat perkara pekerja-pekerja kontrak. Soalan tambahan saya ialah, adakah siasatan ini hanya tentang pekerja-pekerja kontrak di dalam ladang-ladang sahaja atau pekerja-pekerja kontrak keseluruhannya?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Khas ini akan menjalankan kajian pada keseluruhannya.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan mengenai wakil pekerja-pekerja. Saya ingin mendapat penjelasan, biasanya pekerja-pekerja kontrak ini tidak mempunyai kesatuan, bagaimanakah wakil-wakil mereka itu boleh duduk bersama di dalam Jawatankuasa Khas ini?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil dari kesatuan pekerja-pekerja ada mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Khas dan dari satu masa ke satu masa Jawatankuasa ini memanggil dan mendengar suara pekerja-pekerja yang bekerja secara kontrak di beberapa tempat pekerjaan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada mengatakan bahawa Menteriannya telah melantik satu Jawatankuasa Khas. Pertanyaan saya ialah, Jawatankuasa Khas ini telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hampir setahun yang lampau, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi pengakuan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada persidangan yang akan datang

Jawatankuasa Khas ini mungkin akan dapat menyampaikan laporannya berkenaan dengan perkara ini, memandangkan lamanya Jawatankuasa Khas ini telah dilantik dan masih juga laporan itu ditunggu-tunggu.

Tuan S. Subramaniam: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

STESYEN KERETAPI BUKIT MERTAJAM

12. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Perhubungan iaitu oleh kerana hasil dari jualan tiket-tiket penumpang dan barang-barang adalah mendatangkan keuntungan di Stesyen Keretapi Bukit Mertajam, dapatkah Menteri menimbang membaiki rupa-paras dan kelusuan Bangunan Stesyen di Bukit Mertajam itu sebagai satu daya usaha menarik lebih ramai penumpang-penumpang ke Stesyen Bukit Mertajam sebagai satu penggerak bagi membaiki lagi perniagaan lalu-lintas dan menghasilkan lebih banyak keuntungan kepada pihak Keretapi.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu telah membuat satu cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperelokkan lagi beberapa buah stesyen keretapi termasuk stesyen Bukit Mertajam dan mengadakan kemudahan-kemudahan tambahan untuk penumpang-penumpang di stesyen-stesyen yang berkenaan. Projek ini dijangka akan dimulakan dalam tahun 1977, jika ahli-ahli Yang Berhormat meluluskan cadangan-cadangan itu.

PENGUNAAN SENJATAPI HARAM

13. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) samada Kerajaan berpuas hati atas keputusan-keputusan perbicaraan terhadap orang-orang yang telah menggunakan senjatapi secara haram yang tidak seberat dengan apa yang beliau umumkan semasa mengemukakan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 untuk diluluskan oleh Dewan;
- (b) samada Kerajaan berpuas hati atas keputusan-keputusan perbicaraan terhadap penyeludup dan pengedar dadah

yang tidak seberat dengan yang telah diumumkan oleh beliau semasa mengemukakan Undang-undang berkenaan;

- (c) samada Kerajaan sedar bahawa hukuman-hukuman bagi kes-kes dalam (a) dan (b) ini dianggap ringan sangat dan tidak menakutkan orang daripada melakukan kesalahannya;
- (d) samada Kerajaan sedar dengan lemahnya hukuman atas pengguna senjatapi haram dan penyalahguna dadah ini akan melemahkan semangat rakyat; dan jika sedar, berapa ramaikah penjenayah kes-kes itu dihukum berat dan apakah hukumannya sejak undang-undang berkenaan diluluskan oleh Dewan ini.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini Kerajaan berpuas hati di atas keputusan-keputusan yang dikenakan ke atas mereka yang terlibat dalam kes-kes sedemikian sejak Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 diluluskan oleh Dewan. Sekiranya keputusan-keputusan perbicaraan terhadap orang-orang yang telah menggunakan senjatapi secara haram tidak seberat dengan apa yang diperuntukkan oleh Akta Senjatapi maka Kerajaan Pendakwa Raya seterusnya akan meminta ulang-bicara diadakan sehingga ke peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.
- (b) Setakat ini Kerajaan berpuas hati di atas keputusan-keputusan perbicaraan terhadap penyeludup dan pengedar dadah seperti yang diperuntukkan oleh Ordinan Dadah Merbahaya, 1952. Sekiranya didapati keputusan-keputusan perbicaraan mengenai kes-kes ini tidak seberat dengan apa yang diperuntukkan oleh Ordinan tersebut, maka Pendakwa Raya akan seterusnya akan meminta ulangbicara diadakan sehingga ke peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.
- (c) Kerajaan tidak sekali-kali menganggap bahawa hukuman-hukuman bagi kes-kes dalam (a) dan (b) setakat ini ringan serta tidak menakutkan orang-orang dari melakukan kesalahan sedemikian.

Ahli-ahli Yang Berhormat diingatkan iaitu hukuman sahaja dari segi undang-undang walau berapa berat sekalipun walaupun hukuman itu mati tidak akan menghapuskan dalam dunia ini apa juga jenayah, itu hendaklah diingat bahawa mengurang dan menakutkan itu ada.

(d) Kerajaan memang sedar sekiranya hukuman-hukuman yang lemah dikenakan ke atas pengguna-pengguna senjatapi haram dan penyalahgunaan dadah, maka keadaan sedemikian akan melemahkan semangat rakyat, tetapi kita dengar dalam akhbar-akhbar selepas satu perbincaraan kebanyakan Tuan Hakim kita telah sedar perkara ini dan membuat kenyataan dan menambahkan hukuman yang lebih berat. Mereka yang telah dikenakan hukuman berat dalam kes-kes di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dan Dadah Berbahaya semenjak Akta dan Ordinan ini dipinda adalah seperti berikut:

Berkenaan dengan Senjatapi, 15 orang yang telah dihukum daripada 2 hingga 7 tahun penjara dan disebat sebanyak 6 rotan; 14 orang antara 2 dengan 3 tahun penjara dan disebat sebanyak 6 rotan; 2 orang dipenjara 21 tahun dengan disebat 6 rotan tiap-tiap seorang; 2 orang dihukum 10 tahun penjara tiap-tiap seorang; 3 orang telah dihukum penjara seumur hidup (bermakna hingga dia mati dalam jel) dan seorang dihukum gantung.

Berkenaan dengan Dadah Berbahaya pula setakat hari ini ada 8 kes yang di mana 14 orang, tidak lama lagi saya tambah 3 lagi, sudah ada di atas meja saya di sana, menjadikan 17 orang akan dibicarakan di bawah hukuman berat sejak Ordinan itu dipinda samada mereka itu jika didapati salah boleh dihukum dengan hukuman gantung atau penjara seumur hidup. Malangnya, hingga hari inipun satu kes pun

belum dibicarakan lagi dan saya dapat tahu preliminary inquiry atau siasatan awal kebanyakan kes telah siap dan telah dihantar ke Mahkamah Tinggi cuma kita menunggu perbincaraan. Selalunya perbincaraan ini pada mula berlaku sesuatu jenayah itu mengambil masa antara 1 hingga 2 tahun baru tiba di Mahkamah Tinggi. Selain daripada itu, kesalahan yang mempunyai 5 grams atau lebih yang dihukum tidak kurang daripada 3 tahun itu banyak bilangannya, jadi tidaklah saya berikan angkanya di sini.

LOTERI EMPAT NOMBOR EKOR

14. Tuan Lim Kiam Hoon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah hasil daripada cukai-cukai loteri Empat Nombor Ekor yang didapati dalam tahun 1973, 1974 dan 1975.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil cukai yang dipungut oleh Kerajaan dari Loteri Empat Nombor Ekor bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun 1973	...	...	\$40,605,538
„ 1974	...	...	\$47,332,627
„ 1975	...	...	\$59,801,784

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana didapati Empat Ekor Sendirian Berhad memperoleh untung yang agak banyak adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bercadang untuk mengambilalih Empat Ekor Sendirian Berhad agar keuntungan itu boleh digunakan untuk pembangunan negara kita.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sukar mengkaitkan soalan tambahan itu kepada soal pokok yang ada.

PERSATUAN-PERSATUAN BELIA

15. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kesatuan belia dan ahli-ahlinya di negara ini mengikut jenisnya seperti MAYC, Belia 4B, ABIM dan lain-lain lagi;
- (b) bilangan belia-belie di negara ini yang didaftarkan dalam kesatuan-kesatuan belia dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut keturunan kaum; dan
- (c) adakah Kerajaan menerusi Kementerian ini bercadang untuk menyatukan semua kesatuan belia negara ini bagi menubuhkan sebuah kesatuan belia sahaja.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan bagi (a) dan (b) adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kesatuan	Jumlah ahli	Melayu/ Bumiputera	China	India	Serani/dli
1.	Briged Putera	3,000	365	985	1,524	126
2.	Briged Puteri	1,200	44	872	264	20
3.	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	34,450	34,450	—	—	—
4.	Majlis Belia Hindu	8,375	—	—	8,375	—
5.	Majlis Belia Tamil Bell	6,863	450	174	6,239	—
6.	Pasukan Pertolongan Cemas St. John	21,500	12,092	7,591	1,657	160
7.	Persatuan Asrama Belia	8,000	2,500	4,000	1,000	500
8.	Persaudaraan Belia Buddhist	3,500	—	3,500	—	—
9.	Persatuan Kebangsaan Menggalakkan Kelab Budak-budak	500	150	250	80	20
10.	Pergerakan Pekerja Pemuda-pemudi Keristian	6,000	—	2,850	3,050	100
11.	Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC)	68,000	40,000	15,000	7,500	5,500
12.	Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	45,941	25,268	11,485	6,891	2,297
13.	Persatuan Pandu Puteri Malaysia	32,000	16,018	8,557	4,887	2,538
14.	Persatuan Pengakap Malaysia	74,191	47,482	18,547	6,677	1,485
15.	Pertubuhan Kebangsaan Belia Sabah (SANYA)	23,016	20,709	1,612	7	688
16.	SEBERKAS Sarawak	40,000	30,000	6,000	2,000	2,000
17.	Gerakan Belia Bersatu	9,916	505	9,001	350	60
18.	Pergerakan Pemuda Malaysia	5,546	400	5,026	160	—
19.	Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam	30,000	30,000	—	—	—
20.	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	9,000	9,000	—	—	—
21.	Persaudaraan Belia Methodist	3,688	—	3,000	600	88
22.	Pergerakan Joyful Vanguard Malaysia	503	23	440	30	10
23.	Gerakan Belia 4B Malaysia	121,630	114,600	1,935	5,040	15
24.	Persatuan Bekas Penuntut Sek. Latihan Semangat	222	92	89	61	—
	Jumlah ...	557,801	384,148	100,894	56,432	15,607

- (c) Asas kegiatan belia ialah sukarela. Oleh kerana itu, Kerajaan tidak berniat memaksakan penyertaan semua persatuan belia menjadi sebuah kesatuan sahaja. Tambahan pula lain-lain pertubuhan belia berlainan sedikit keutamaan dan corak kegiatan mereka. Misalnya Pengakap dan Pandu Puteri berlainan dengan Pergerakan Belia 4B atau Persatuan Kelab-kelab Malaysia (MAYC). Ada pertubuhan belia lebih banyak di bandar dan ada pula yang lebih banyak di kawasan-kawasan luar bandar. Ada pula pertubuhan-pertubuhan yang mengutamakan perkara-perkara pendidikan sahaja. Oleh kerana itu berbagai-bagai pertubuhan belia itu memanglah sesuai dengan peranan-peranan yang mereka itu mainkan.

Walaupun demikian badan penyelarar atau majlis adalah ditubuhkan untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan semua pertubuhan belia itu di peringkat masing-masing, seperti di peringkat Daerah, Negeri dan Nasional.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dengan tidak berhajat hendak menyekat kebebasan seorang Ahli Yang Berhormat, saya lebih suka pertanyaan yang seumpama ini diadakan pertanyaan bertulis, kerana kita hanya ada satu jam sahaja. Sangat berharga satu jam Pertanyaan Mulut. Jadi, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 21 (3) yang berbunyi:

“Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa ahli yang diarahkan pertanyaan itu.”

Kalau, perkara seperti ini mengambil masa yang panjang, satu jam yang sangat berharga itu digunakan dengan tidak begitu mendapat munafaat.

AKTA PROFESYEN UNDANG-UNDANG 1976

16. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) memandangkan keujudan Akta Profesyen Undang-undang apa tindakan akan diambil oleh Kerajaan terhadap peguam-peguam yang bertindak bagi pihak dua pihak, iaitu pemaju perumahan dan pembeli; dan
- (b) adakah beliau akan meminda Akta tersebut ini supaya menghalang seseorang peguam bertindak bagi pihak bank-bank dan pelanggannya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) seorang Peguambela dan Peguamcara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan dan juga bagi pihak

pembeli dalam penjualan harta takalih (immovable property) yang dibangunkan dalam kawasan perumahan adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib di bawah seksyen-kecil (5) seksyen 84 Akta Profesyen Undang-undang, 1976.

Jika kes itu dibawa kepengetahuan saya ada berlaku perkara itu akan dirujuk kepada Majlis Peguam bagi tindakan yang sewajarnya kepada Peguam itu.

- (b) Mengenai bahagian kedua kepada soalan ini saya tidak dapat menyatakan buat masa ini samada Akta Profesyen Undang-undang, 1976 perlu dipinda untuk mengelakkan seorang Peguambela atau Peguamcara daripada bertindak bagi kedua belah pihak; pihak Bank dan pihak pelanggan. Perkara ini saya telah rujuk kepada Majlis Peguam untuk pandangan.

ORDINAN PENJUALAN MAKANAN/DADAH 1952

17. Tuan Chin Hon Ngian (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah beliau akan mengemukakan ordinan baru bagi menggantikan Ordinan Makanan dan Dadah tahun 1952 oleh sebab ordinan ini ketinggalan masa dan menyebabkan kesusahan kepada pengilang-pengilang kecil terutamanya Pengilang-pengilang Serbok Kopi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah telah diadakan semenjak tahun 1952. Beberapa pindaan-pindaan kepada Ordinan itu telah diadakan pada tahun 1958, 1972 dan 1975. Kementerian saya sedar bahawa Ordinan itu perlu disemak sekali lagi untuk disesuaikan dengan masa. Tindakan ke arah ini telahpun dimulakan pada penghujung

tahun 1975 untuk mengadakan deraf awal. Tindakan seterusnya akan diambil oleh Kementerian saya untuk mengkaji deraf tersebut dengan kemungkinan mengadakan satu Akta Penjualan Makanan yang baru.

Saya fikir apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah sendiri tetapi Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Ordinan tersebut kerana Ahli Yang Berhormat itu ada menyebutkan kilang serbok kopi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Peraturan-peraturan di bawah Ordinan tersebut juga sedang dikaji oleh suatu Jawatankuasa Teknikal. Beberapa pindaan telah dibuat kepada Peraturan-peraturan itu di dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan pada tahun ini sebahagian daripada Peraturan-peraturan yang telah dipinda akan dikuatkuasakan.

Saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat apabila ia mengatakan Ordinan itu menyebabkan kesusahan kepada pengilang-pengilang kecil terutamanya pengilang serbok kopi. Sekiranya ada sesuatu bahagian tertentu di dalam Peraturan-peraturan itu di mana Ahli Yang Berhormat tidak berpuashati, silalah beritahu supaya ianya dapat dikaji dengan sempurna.

ELAUN JAWATAN GURU BESAR

18. Tuan Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau telah memastikan bahawa Guru-guru Besar sekolah berhak diberi sebarang elaun khas atas tanggungjawab-tanggungjawab:

- (a) jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil; dan
- (b) jika tidak, mengapa.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia, semua jawatan Guru Besar di Sekolah-sekolah bantuan penuh telah digredkan dan adalah merupakan jawatan kenaikan pangkat. Oleh itu sesiapa yang dilantik menjadi Guru Besar samada di sekolah rendah atau di sekolah menengah adalah dibayar elaun memangku atau elaun tanggungan kerja, sebelum mereka dinaikkan pangkat.

Di Sabah dan Sarawak semua jawatan Guru Besar belum lagi digredkan sebagai jawatan-jawatan kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, apabila jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak digredkan kelak, pembayaran elaun memangku atau elaun tanggungan kerja akan dibuat sebelum penyandang-penyandanginya dinaikkan pangkat iaitu serupa dengan yang dibuat di Semenanjung Malaysia pada masa ini.

KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan meng-apakah masalaah kekurangan buku-buku teks di sekolah-sekolah masih ada. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalaah ini awal, dan sama ada rancangan pinjaman buku-buku teks adalah lebih baik daripada mensubsidikan buku teks.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab mengapa masalaah kekurangan buku-buku teks di sekolah-sekolah masih ada. Antara sebab-sebab ini ialah:

- (1) Kemasukan murid di setengah-setengah sekolah adalah melebihi daripada apa yang dianggarkan semasa pesanan untuk mendapatkan buku-buku teks bagi tahun berikutnya dibuat. Ada juga kalanya di mana keputusan untuk mengadakan aliran baharu dibuat lewat dalam bulan Disember. Apabila ini berlaku usaha segera diambil untuk mendapatkan buku tambahan daripada sekolah-sekolah yang mempunyai buku teks yang berlebihan;
- (2) Ada beberapa buah buku teks yang akan digunakan hanya untuk setahun disebabkan pada tahun hadapannya sukatan pelajaran baginya bertukar atau bahasa pengantar bagi mata-pelajaran itu bertukar atau di sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan (yang dahulunya S.R.J.K. Inggeris) pertukaran ke buku-buku teks Kementerian Pelajaran dilaksanakan. Penerbit berhati-hati apabila mencetak buku-buku tersebut supaya mereka tidak ter-banyak sangat menerbitkan buku-buku teks sehingga setok mereka pada tahun hadapan berlebihan. Setelah diketahui

bilangan tambahan sebenar yang dikehendaki maka kerjasama penerbit berkenaan adalah diminta untuk menerbitkan bilangan buku yang mencukupi.

- (3) Pembekalan buku-buku teks yang diimpot mengambil masa disebabkan buku-buku tersebut dibawa masuk dengan kapal, bukan kapal terbang.
- (4) Di kawasan-kawasan pendalaman di mana kebanyakan murid menerima bantuan buku teks, kedai-kedai buku ada kalanya enggan menyimpan setok buku-buku teks tertentu yang penggunaannya tidak begitu meluas.
- (5) Ada beberapa sekolah terpencil yang sukar hendak dihubungi dan surat-menyerat perlu diusahakan beberapa kali sebelum sesuatu maklumat dapat disampaikan.

Tindakan yang telah diambil bagi mengurangi masalaah ini ialah:

- (i) Guru Besar melapurkan segera kepada penerbit berkenaan tentang buku-buku teks yang masih belum dibekalkan di bawah skim pinjaman dan/atau ibubapa tidak dapat membelinya di kedai buku.
- (ii) Guru Besar juga disuruh membuat pesanan terus kepada penerbit-penerbit berkenaan sekiranya Kedai Buku tempatan masih tidak mahu menempah buku dengan penerbit.

Bagi tahun hadapan pula perancangan adalah diatur supaya pesanan kepada penerbit dibuat lebih awal lagi iaitu dalam bulan September.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 20 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

RANCANGAN BEKALAN TENAGA (POWER SUPPLY PROGRAMME)

20. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada Kerajaan mempunyai satu rancangan bekalan tenaga jangka panjang untuk menampung keperluan

pertumbuhan perusahaan yang dijangka akan bertambah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; jika ya, apakah jenis rancangan tersebut; dan

- (b) mengapa terdapat kelambatan di dalam pembinaan stesyen Tenaga Tunku Jaafar di Port Dickson yang kini menjadi salah satu sebab yang mengakibatkan "Load-shedding".

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):

- (a) Kerajaan memang ada rancangan bekalan tenaga berjangka panjang untuk menampung keperluan perindustrian dan butir-butir pun telah diberi dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 5hb April, yang lalu.
- (b) Unit Kelima dengan kekuatannya 120 Megawatt yang bertempat distesyen Tunku Jaafar, Port Dickson telah dijadualkan siap pada November 1975. Sebenarnya, ia dapat bermula operasi pada Januari, 1976.

Saya telah diberitahu bahawa beberapa sebab telah mengakibatkan kelambatan itu. Pertama, kelambatan di dalam peralihan jurutera-jurutera perunding awam. Kedua, kelambatan di dalam pemberian Kontrek-kontrek kejuruteraan awam, piling dan steelwork. Ketiga, kelambatan mendapatkan besi baja dan bahan-bahan lain oleh kontrekter-kontrekter yang berkenaan. Kementerian saya mengambil berat tentang kelambatan tersebut. Arahan pun telah dikeluarkan bahawa segala halangan administratif ditanggalkan supaya kelambatan dalam pelaksanaan projek diminimalkan. Makluman pun telah diberi kepada kontrekter-kontrekter yang berkenaan bahawa tindakan-tindakan yang legal dan sewajarnya akan diambil atas kelambatan-kelambatan yang mereka sendiri bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua unit lagi sebanyak 120 megawatt sedang dibina di Stesyen Tunku Jaafar dan dijangka akan siap pada bulan Julai dan Disember tahun ini.

PUSAT KESIHATAN BESAR, MANTIN

21. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan bila sebuah Pusat Kesihatan Besar yang baru akan dibina di Mantin sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Timbalan Menteri beliau di Dewan Rakyat pada 18hb November, 1974.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rekabentuk bagi Pusat Kesihatan Besar jenis baru bagi Mantin telah disiapkan oleh Pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Negri Sembilan. Jadual Tawaran Tender sedang disediakan dan tender akan dipanggil secepat mungkin.

BEKALAN AIR DI KEPONG/JINJANG

22. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan bilakah masa yang tepat bagi kawasan-kawasan Kepong dan Jinjang mendapat bekalan air yang biasa, kerana tekanan air di kedua tempat ini amat rendah dan akibatnya kawasan-kawasan ini terkadang-kadang tiada berair langsung selama beberapa hari dan keadaan ini akan bertambah sulit lagi dengan siapnya projek perumahan sedikit masa lagi.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Bekalan air ke kawasan-kawasan Kepong dan Jinjang adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri Selangor. Saya diberitahu bahawa bekalan air ke kawasan Jinjang dan Kepong telah bertambah baik semenjak awal bulan Mac, 1976 apabila bekalan dari Kuala Lumpur dilencongan kearah Jinjang dan Kepong. Kecuali di kawasan kecil di Jinjang Utara yang mana agak tinggi sedikit, semua lain-lain kawasan telah mendapat bekalan air daripada bekalan air awam.

Tindakan juga sedang diambil untuk kerja-kerja pembaikan yang besar untuk memperbaiki bekalan air ke kawasan Jinjang dan Kepong. Saluran-saluran paip dan rumah pam sedang dipasang dan dibina dan adalah dijangkakan bekalan air yang cukup boleh diperolehi pada pertengahan tahun ini.

PERKHIDMATAN MEMUNGUT/ MEMBUANG SAMPAH DAN KESIHATAN

23. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, menyatakan samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk dalam Kawasan-kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, kawasan-kawasan perumahan, kampung-kampung bahru dan kampung-kampung di sekitar dan di dalam kawasan-kawasan yang di bawah pengelolaan Dewan Bandaraya merasa kurang senang atas perkhidmatan yang diberi oleh Pihak Dewan Bandaraya tentang memungut/membuang sampah dan perkhidmatan kesihatan lain, jika ya, nyatakan, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Kawasan Wilayah Persekutuan yang mendapat perkhidmatan memungut sampah dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, lainnya terbahagi kepada dua:

(i) *Kawasan Lama (36 batu persegi)*

Pada keseluruhannya sampah diambil selang sehari, melainkan di pusat bandar, di mana perkhidmatan dijalankan tiap-tiap hari.

(ii) *Kawasan-kawasan Baru (Wilayah Persekutuan)*

Mulai 1hb Januari, 1976 kerja-kerja memungut sampah di 25 buah kawasan perumahan swasta, telahpun diambil alih oleh Dewan Bandaraya. Walaupun, pada 2 bulan yang pertama, perkhidmatan tersebut diadakan 2 kali seminggu, tetapi ianya telah dapat diadakan selang sehari mulai dari awal bulan Mac ini, dan semenjak itu sungutan-sungutan dari orangramai jelas berkurangan.

Berkenaan dengan perkhidmatan perkhidmatan kesihatan pula, boleh dikatakan hampir ke semua perkhidmatan kesihatan di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya telahpun dipanjangkan kepada kawasan-kawasan

baru. Kakitangan yang diperlukan seperti berikut telah ditambah.

(1) Merinyu Kesihatan	...	15 orang	tambahan
(2) Merinyu Pencegah Malaria	13	„	
(3) Pemungut Jentik-jentik	...	14	„
(4) Buruh	...	149	„

Dari laporan-laporan yang diterima perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah memuaskan. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mengetahui kes-kes tertentu di mana perkhidmatan-perkhidmatan tersebut kurang memuaskan haraplah melaporkannya kepada pihak Dewan Bandaraya.

FELDA DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

24. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau bercadang hendak membuka suatu rancangan tanah FELDA di kawasan sempadan Malaysia/Thai, dan jika ya:

- (i) bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan; dan
- (ii) berapakah luas kawasan tersebut dan tempatnya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Sehingga sekarang FELDA telah membuka 2 buah rancangan tanah di kawasan sempadan Malaysia/Thai, iaitu projek tebu ($\pm 10,000$ ekar) di Cuping Perlis dan Projek Kemahang (Kelapa sawit) ($\pm 12,700$ ekar) di Daerah Tanah Merah, Kelantan. Kemungkinan Felda membuka projek-projek lain sedang dikaji dan dirundingkan dengan Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan.

KEGIATAN KOMINIS DI SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

25. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar bahawa Negeri Thai merupakan Negara di Asia Tenggara yang menghadapi masalah komunis yang serius, jika ya, apakah pandangan Malaysia dalam hal ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Seperti di Malaysia, Thailand juga adalah mengalami

masaalah komunis. Apakah sesuatu masalah keselamatan itu serius atau tidak terulang kepada kemampuan alat-alat negara untuk mengatasinya. Saya percaya negeri Thai mempunyai kemampuan dan keazaman yang cukup untuk mengatasi masalah komunis di dalam negerinya. Seperti Ahli Yang Berhormat ketahui Thailand dan Malaysia sama-sama merasa terancam oleh kegiatan komunis dalam negeri masing-masing dan telah membentuk satu rangka kerjasama di bawah Jawatankuasa Sempadan Am untuk mengatai masalah tersebut di dalam kawasan sempadan di antara kedua negara semenjak beberapa tahun yang lalu. Untuk menguatkan lagi kerjasama itu kedua negara telah pun sepakat untuk meninjau kembali strategi dan memperbaiki badan kerjasama di kawasan sempadan mereka.

OBJEKTIF ASEAN

26. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) objektif dan matlamat ditubuhkan ASEAN
- (b) peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam ASEAN
- (c) faedah-faedah yang boleh didapati oleh Malaysia dari ASEAN; dan
- (d) kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam Persidangan Kemuncak Negara-negara ASEAN yang diadakan di Bali baru-baru ini.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Pada ringkasnya, objektif dan matlamat utama ASEAN ialah untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan di negara-negara di rantau Asia Tenggara melalui kerjasama antara satu sama lain dengan bersemangat penuh persahabatan. Juga ASEAN bertujuan untuk memupuk ketenteraman dan keamanan serantau dan menggalakkan tindakan bersama dan saling membantu satu sama lain terhadap masalah dan kepentingan bersama di dalam segi ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, sains dan pentadbiran, bagi faedah bersama. Objektif dan matlamat ini

adalah menjadi asas pertubuhan serantau ini sebagaimana yang telah terisytihar di dalam Deklarasi Bangkok apabila ASEAN diwujudkan pada 8hb Ogos, 1967.

- (b) Dari mula-mulanya lagi, dalam usaha-usaha mengasas penubuhan ASEAN, dan seterusnya dalam segala aktiviti-aktiviti ASEAN yang kini sedang dilaksanakan, negara kita adalah memainkan peranan yang aktif dengan mengambil bahagian dalam segala aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan yang telah dilancarkan oleh ASEAN. Malaysia akan terus memberikan sumbangannya terhadap usaha-usaha kerjasama serantau bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditentukan itu. Peranan yang dimainkan oleh negara kita itu adalah secocok dengan dasar Kerajaan kita supaya menjalinkan persahabatan rapat dengan negara-negara lain, tambahan negara-negara tetangga.
- (c) Atas faedah-faedah yang boleh didapati oleh Malaysia, selain daripada keuntungan bersama dengan secara langsung yang diperolehi oleh tiap-tiap negara ahli ASEAN, termasuk Malaysia, sebagai hasil kerjasama ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan lain-lain itu, negara kita memberi kepentingan kepada suasana ketenteraman dan kestabilan yang akan timbul di rantau ini, iaitu hasil daripada persefahaman di antara negara-negara di rantau ini, khasnya di antara negara-negara ahli-ahli ASEAN dengan adanya pertubuhan seperti ASEAN itu. Suasana ketenteraman dan kestabilan ini akan membolehkan negara kita menumpukan tenaga kita terhadap usaha-usaha untuk pembangunan negara bagi kemakmuran rakyat.

Sukacita saya menyatakan juga bahawa melalui forum seperti pertubuhan ASEAN itu, negara-negara ahlinya dapat menghadapi sesuatu masalah dengan secara "collective" dengan mendapat hasil sebagai tambahan kepada langkah-langkah yang diambilnya dengan secara bersendirian bagi menghadapi masalah itu. Umpamanya, dalam masalah pengeluaran getah tiruan oleh negara Jepun, ASEAN

sedang menjalankan satu dialog dengan negara tersebut untuk mendapatkan kerjasama negara itu supaya pengeluaran getah tiruannya tidak akan mengganggu pengeluaran getah asli negara-negara ASEAN. Begitu juga keadaannya mengenai kemasukan barang-barang eksport ASEAN seperti kelapa sawit, nenas, dan kayu-kayu ke pasaran negara-negara E.E.C. dengan tindakan bersama negara-negara ASEAN secara "collective approach", maka barang-barang tersebut telah dapat dieksportkan ke pasaran negara-negara E.E.C. dengan memuaskan.

- (d) Saya telah menjawab soalan ini dalam jawapan saya kepada soalan yang sama yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu pada 31hb Mac, 1976.

PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN DI SABAH

27. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor terutama pakar-pakar bedah di Sabah;
- (b) samada beliau sedar bahawa pada masa ini hanya ada seorang pakar mata di Sabah dan samada Kerajaan akan menghantar lagi seorang pakar mata ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu; dan
- (c) samada benar bahawa doktor-doktor dari luar negeri dihendaki lulus peperiksaan Darjah Satu Bahasa Malaysia, jika tidak mereka tidak layak diberi sebarang kenaikan gaji, dan akibat dari dasar ini doktor-doktor terutama sekali pakar-pakar dari luar negeri tidak begitu berminat hendak bekerja di Malaysia.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Pada masa ini ada 62 jawatan pegawai perubatan di negeri Sabah. Daripada angka ini 40 jawatan telahpun diisikan dengan cara hakiki ataupun pemangku.

Tindakan yang telah diambil untuk mengisikan jawatan-jawatan yang kosong ialah dengan cara:

- (i) Melantik pegawai-pegawai perubatan daripada luar negeri dengan cara kontrak. Pada masa ini 14 jawatan pegawai perubatan adalah diisikan oleh pegawai-pegawai kontrak;
 - (ii) Meminjam pegawai-pegawai perubatan daripada Malaysia Barat. Pada masa ini 13 jawatan pegawai perubatan adalah diisikan dengan pegawai-pegawai yang dipinjamkan daripada Malaysia Barat;
 - (iii) Melantik pegawai-pegawai perubatan daripada warganegara Sabah yang telah diberi scholarship ataupun yang tidak terima scholarship. Ada 13 jawatan pegawai perubatan yang telah dipenuhi oleh pegawai-pegawai perubatan tempatan;
 - (iv) Permohonan telahpun dibuat oleh Jabatan Perubatan Sabah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan lagi banyak scholarship bagi ijazah M.B.B.S. dan juga bagi ijazah postgraduate;
 - (v) Menggalakkan penuntut-penuntut Sabah yang belajar dengan tidak menerima scholarship untuk balik ke Sabah dan berkhidmat dengan Jabatan Perubatan Sabah.
- Pada masa ini ada empat orang Pakar Bedah yang berkhidmat di negeri Sabah. Dua daripadanya berkhidmat di Hospital Besar Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, seorang di Hospital Daerah, Sandakan dan seorang lagi di Hospital Daerah, Tawau. Satu jawatan Pakar Bedah telahpun diluluskan bagi Hospital Daerah, Keningau dalam tahun 1976 dan tindakan sedang diambil untuk mengisikan jawatan ini.
- (b) Pada masa ini ada seorang Pakar Mata berkhidmat di Sabah. Beliau ini adalah ditempatkan di Hospital Besar, Kota Kinabalu dan melawat hospital-hospital lain di negeri Sabah mengikut jadual-jadual yang tertentu. Pada

fikiran saya Hospital Besar Queen Elizabeth tidak memerlukan seorang lagi Pakar Mata.

- (c) Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1966, semua pegawai-pegawai sementara dikehendaki lulus dalam peperiksaan-peperiksaan yang disyaratkan bagi pegawai-pegawai tetap sebelum dibenarkan melangkah Sekatan Peperiksaan dan juga Sekatan Kecekapan. Peraturan ini dikenakan kepada semua pegawai-pegawai sementara termasuklah doktor-doktor bukan warganegara yang dilantik secara sementara.

Walaupun bagaimanapun, Pegawai-pegawai Perubatan yang dilantik secara kontrak, tidak dikenakan sebarang syarat untuk menduduki peperiksaan Bahasa Malaysia Darjah I dan mereka dibenarkan menerima kenaikan gaji seterusnya hingga ke tingkatan gaji maksima dalam tempoh berlanjutan kontrak tersebut. Ini adalah kerana tawaran gaji bagi tempoh berlanjutan kontrak itu adalah berasaskan kepada jumlah pengalaman yang ada pada mereka itu.

PEJABAT POS PADANG SERAI

28. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Pejabat Pos Padang Serai akan digantikan dengan bangunan baru, oleh kerana bangunan yang ada sekarang telah terlalu lama dan sempit dan tidak sesuai untuk melayani lebih kurang 20,000 orang penduduk.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya sedar akan perlunya untuk menggantikan Pejabat Pos lama di Padang Serai. Seperti Padang Serai terdapat juga beberapa tempat yang mempunyai bangunan-bangunan Pejabat Pos lama yang perlu diganti. Ini akan diganti beransur-ansur berdasarkan di atas keutamaan tiap-tiap satu kes dan apabila peruntukannya terdapat. Pejabat Pos-pejabat pos lama yang mana tidak boleh digantikan dengan serta-merta akan diubahsuai untuk memenuhi kehendak-kehendak sekarang.

Kaunter pejabat pos di Padang Serai telah diubahsuai dalam bulan Disember, 1973 untuk memenuhi kehendak-kehendak sekarang.

ELAUN KEPADA ISTERI/ANAK ANGGOTA POLIS

29. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada isteri-isteri dan anak-anak anggota Polis menerima sebarang elaun apabila suami/bapa mereka bertugas di hutan. Kiranya tiada, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): isteri dan anak-anak anggota Polis tidak menerima sebarang elaun apabila suami/bapa mereka bertugas di hutan. Ini disebabkan tidak ada peruntukan baginya dalam syarat-syarat perkhidmatan Polis ataupun mana-mana perkhidmatan yang lain.

Sungguh pun demikian, anggota-anggota yang berkhidmat dalam Pasukan Polis Hutan menerima kemudahan-kemudahan, seperti catuan makanan percuma semasa menjalankan tugas-tugas operasi di hutan dan elaun Pasukan Polis Hutan.

DUTI IMPOT ATAS BARANG- BARANG

30. Datuk Stephen Yong minta Menteri Kewangan menyatakan apa perlunya bagi pengimpot-pengimpot Sarawak yang mengimpot barang-barang berasal dari luar negeri daripada Semenanjung Malaysia yang mana cukainya telah dibayar oleh pengimpot-pengimpot Semenanjung Malaysia, membayar semula cukai ke atasnya di Sarawak dan apakah sebab kelambatan memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah perlu bagi pengimpot-pengimpot di Sarawak membayar duti impot semula atas barang-barang buatan luar negeri dari Semenanjung Malaysia yang telahpun dikenakan duti impot, sekiranya barang-barang itu adalah barang-barang yang mana tarifnya tidak diselaraskan.

Walau bagaimanapun barang-barang impot boleh dibawa masuk daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya dengan tiada dikenakan lagi apa-apa cukai tetapi peraturan-peraturan Kastam yang telah ditetapkan mestilah dipatuhi. Satu daripada peraturan-peraturan ini ialah barang-barang itu, misalnya daripada Semenanjung Malaysia, hendaklah dibawa terus ke pelabuhan di Sabah atau

Sarawak. Ahli Yang Berhormat akan memahami bahawa peraturan ini adalah perlu untuk menentukan bahawa barang-barang yang dibawa dari kawasan di mana cukai-cukai telah dibayar sahaja diberi kemudahan pengecualian cukai ini.

Adalah tujuan Kerajaan untuk memudahkan sistem pengutipan cukai bagi barang-barang ini tetapi kemudahan tersebut adalah bergantung kepada kemajuan penyatuan tarif di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang pada masa ini sedang dibuat secara beransur-ansur. Kerajaan sedang mengambil langkah yang positif untuk menyelaraskan tarif di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan mengadakan satu undang-undang Eksais bagi ketiga-tiga wilayah. Rang undang-undang itu akan dibentangkan dalam persidangan Dewan sekarang.

ANGKATAN BERSENJATA— PENGAMBILAN

31. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan akan mengusulkan 30% quota di dalam angkatan bersenjata bagi orang-orang bukan Bumiputra.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Sepertimana yang pernah dimaklum kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat pada masa-masa yang sudah adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa perkhidmatan tentera di negara ini sejauh mana yang boleh, mencerminkan corak masyarakat berbilang kaum. Dasar ini telahpun dilaksanakan dalam segala Pasukan/Cawangan Angkatan Tentera kita, melainkan Pasukan Askar Melayu Diraja yang mana, oleh kerana sejarah penubuhannya, dikhaskan bagi orang-orang Melayu sahaja.

PEGAWAI-PEGAWAI PERGIGIAN

32. Tuan R. Rajasingam minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa para siswa pergigian dari Universiti-universiti yang diiktirafkan tidak diberi tawaran pekerjaan oleh pihak Kementerian semenjak dua tahun yang lalu sungguhpun didapati kurang Pegawai-pegawai Pergigian di negara ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya merasa hairan dari mana Ahli Yang Berhormat mendapat maklumat yang kononnya para

siswa perguruan dari Universiti-universiti yang diiktirafkan tidak diberi tawaran pekerjaan oleh Kementerian saya semenjak dua tahun yang lalu. Sebenarnya, Kementerian saya telahpun melantik seramai 63 orang siswa dari Universiti-universiti yang diiktirafkan, iaitu 37 orang dalam tahun 1974 dan 26 dalam tahun 1975 dan bilangan ini ialah perinohonan yang sebenarnya diterima oleh Kementerian saya.

IJAZAH PERTANIAN UNIVERSITI TAIWAN

33. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bekas Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa Kerajaan akan mengiktiraf Ijazah Pertanian daripada Universiti Taiwan; jika ya, nyatakan mengapa sebarang pengumuman tidak dibuat tentang perkara tersebut hingga sekarang;
- (b) samada Jawatankuasa Penilaian Ijazah-ijazah yang telah bermesyuarat baru-baru ini membincangkan hal pengiktirafan ijazah tersebut. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Setahu saya bekas Menteri Pelajaran (semasa itu Y.A.B. Datuk Hussein Onn) ada membuat kenyataan di Dewan Rakyat pada 21-12-1972 iaitu Kerajaan tidak akan mengiktiraf sebarang ijazah dan kelayakan dari mana-mana universiti di Taiwan.
- (b) Tidak, kerana jawapan seperti (a) di atas.

NEGERI-NEGERI YANG MAJU DALAM INDUSTRI PERKILANGAN/ PERTANIAN/TERNAKAN/PEM- BANGUNAN EKONOMI

34. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan Negeri yang paling maju dalam:

- (a) Industri perkilangan;
- (b) Industri pertanian;
- (c) Industri ternakan; dan
- (d) semua aspek pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri: Negeri-negeri yang paling maju dalam bidang perkilangan ialah Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Johor. Sumbangan dari Negeri Selangor kepada jumlah pengeluaran perkilangan Semenanjung Malaysia ialah lebih dari 45% berbanding dengan 15% dari Pulau Pinang dan 12% dari Negeri-negeri Perak dan Johor. Oleh itu peranan perkilangan adalah penting di Selangor dan Pulau Pinang. Pada masa ini, peranan perkilangan di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Kedah, dan Kelantan adalah lebih kecil.

Dalam bidang pertanian, kesemua negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia sudahpun mencapai kemajuan. Negeri Johor mempunyai pengeluaran pertanian yang tertinggi diikuti pula oleh Negeri-negeri Perak, Selangor dan Kedah. Selain dari getah dan kelapa sawit, tanaman-tanaman lain seperti padi, tebu, koko dan tembakau di Kelantan telah menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran pertanian. Kemajuan pertanian moden di Negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Sabah dan Sarawak adalah sedang dipergiatkan lagi.

Negeri yang paling maju dalam perusahaan ternakan moden bersabit dengan pemeliharaan ayam, lembu dan babi, sejak tahun-tahun ke enam puluhan ialah Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Johor. Jumlah pengeluaran ke semua negeri-negeri ini merupakan 70% dari jumlah pengeluaran ternakan Semenanjung Malaysia. Ladang ternakan lembu-daging cara moden telah mula dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dan sehingga pada masa ini 7 buah ladang lembu-daging dan susu telah ditubuhkan di Johor, Negeri Sembilan, Pahang Perak, Sarawak dan Trengganu. Kesemuanya lebih kurang 15,000 ekar tanah telah dibuka dan 10,000 ekor lembu telah dibawa ke ladang-ladang tersebut. Pada masa ini, berdasarkan kepada kadar-kadar anggapan kegunaan per kapita daging lembu dan daging kambing, Malaysia telah dapat memenuhi 85% dari keperluannya untuk daging lembu dan 25% daging kambing.

Negeri-negeri di kawasan tengah Semenanjung Malaysia seperti Selangor telah mencapai kemajuan yang lebih pesat dalam semua bidang yang mana pembahagiannya adalah disebabkan oleh faktor-faktor sejarah, corak pembangunan dan punca-punca pengeluaran. Negeri-negeri yang lain termasuk

Sabah dan Sarawak mempunyai bidang kegiatan yang terhad. Pelbagaian kegiatan ekonomi di Selangor telah membolehkan negeri ini mencapai satu kadar pendapatan per kapita yang lebih tinggi dari kadar bagi negara pada keseluruhannya. Sebaliknya, negeri-negeri yang kurang maju dalam bidang pertanian moden dan perkilangan mempunyai pendapatan per kapita yang lebih rendah dari kadar purata negara.

PENCEN KEPADA PASARA-PESARA

35. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengarahkan supaya satu pengkajian am pencen-pencen akan diadakan dengan tujuan menambahkan pembayaran pencen supaya menentukan pesara-pesara yang telah mengorbankan diri dalam perkhidmatan mereka kepada negara akan menikmati bayaran pencen yang memuaskan yang akan membolehkan mereka hidup dengan sempurna apabila mereka tua.

Perdana Menteri: Kerajaan baharu sahaja selesai mengkaji kadar bayaran pencen kepada pesara-pesara Kerajaan dan telah meluluskan kadar bayaran tambahan kepada pesara-pesara sebelum perlaksanaan Sekim Suffian yang pencennya tidak lebih daripada \$595 sebulan. Bayaran tambahan ini dikuatkuasakan mulai pada 1hb Januari, 1973. Pesara-pesara yang menerima pencen serta elaun yang jumlahnya kurang daripada \$500 juga dibayar Elaun Bantuan Khas mengikut kadar bayaran kepada kakitangan Kerajaan mulai daripada 1hb Oktober, 1973.

FATWA MENGENAI AJARAN ISLAM

36. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha menyamakan petua-petua dan Akidah-akidah Ugama Islam dengan berpanduan Al-Quran dan Hadith, dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah perbezaan undang-undang Islam di antara sesebuah Negeri dengan Negeri yang lain.

Perdana Menteri: Jawatankuasa Fatwa yang dianggotai oleh Mufti-mufti bagi negeri-negeri yang menjadi ahli kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersidang dari semasa ke semasa dalam usaha untuk menyamakan Fatwa dan fahaman mengenai ajaran Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Undang-undang Islam tidak ada perbezaan. Ada pun yang berbeza ialah pentadbiran Undang-undang tersebut di mana tiap-tiap negeri ada peraturan mereka sendiri. Usaha-usaha untuk menyelaraskan perkara ini sedang diusahakan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

JEMAAH HAJI

37. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang bertanggungjawab menanggung perbelanjaan Jemaah Haji yang terpaksa menunggu kerana kelewatan penerbangan dan pelayaran dan jika terkena ke atas LUTH nyatakan sebanyak manakah bayaran yang telah dibayar kepada Jemaah-jemaah Haji yang terlibat.

Perdana Menteri: Sekiranya berlaku sesuatu kegendalaan atau kelewatan bagi sesuatu penerbangan atau pelayaran kepada Jemaah Haji kita, maka pihak yang bertanggungjawab adalah terpaksa menanggung perbelanjaan Jemaah Haji yang tergendala itu, iaitu oleh pihak syarikat yang mengendali dan mengangkut (carrier) Jemaah Haji itu sendiri, seperti Syarikat Penerbangan MAS atau Syarikat Pelayaran Kapal G.M.L. (Great Malaysia Line). Maka pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh mengambil tindakan kepada sesuatu syarikat pengangkutan itu menurut Akta LUTH Pindaan 1973.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang

zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat." (6hb April, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam Dewan ini pada petang semalam bahawa Perbendaharaan telahpun mengemukakan dua cadangan di dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara baru-baru ini bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu cadangan bagi meminda kadar pemberian mengikut:

- (i) kiraan kepala; dan
- (ii) pemberian pertambahan hasil.

Pada keseluruhannya mesyuarat telah ber-setuju dengan cadangan-cadangan tersebut. Rang Undang-undang sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan dalam persidangan Dewan ini akan datang:

- (i) Cadangan bagi menambah pemberian mengikut:

kiraan kepala ini ialah dengan meminda kadar yang ada sekarang. Cadangan ini bukan sahaja membantu negeri-negeri yang miskin tetapi juga akan menguntungkan semua negeri;

- (ii) Pemberian pertambahan hasil pula adalah satu pemberian baru yang akan diberikan kepada negeri-negeri. Tujuan pemberian ini ialah untuk memberikan hasil Persekutuan yang lebih kepada negeri-negeri yang kurang pendapatannya tetapi tidak juga melupakan negeri-negeri yang kaya. Cadangan ini telah dibuat oleh kerana Perbendaharaan menyedari bahawa pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan adalah merupakan usaha bersama yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan adanya pemberian ini, adalah diharapkan akan membantu negeri-negeri yang miskin dan menggalakkan negeri-negeri tersebut terus membangun.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga ada membantu Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam projek-projek pembangunan samada dengan mengadakan projek-projek pembangunan di Negeri-negeri ataupun memberi pinjaman bagi projek-projek pembangunannya. Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini dalam sidang yang akan datang juga adalah melibatkan perkembangan besar mengikut kawasan. Ini bermakna peruntukan yang lebih akan diberikan kepada kawasan-kawasan yang kurang maju tetapi kawasan-kawasan yang maju juga tidak akan diabaikan. Dengan terlaksananya Rancangan Malaysia Ketiga nanti, negeri-negeri yang kurang maju akan mengalami kemajuan yang pesat supaya setaraf dengan negeri-negeri yang telah maju.

Mengenai teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat dari Arau berkaitan dengan penyeludupan saya sedar bahawa penyeludupan ada lagi berlaku di sempadan sempadan Negara ini terutama sekali di Utara di mana sempadan itu adalah terbuka. Penyeludupan adalah satu perniagaan curang yang menguntungkan dan ini telah menarik perniagaan-perniagaan yang tamak-haluba, yang tidak sayangkan negara. Walau bagaimanapun saya berasa syukur yang Jabatan Kastam dan Eksais di Raja telah banyak berjaya di dalam tugas mereka menentang penyeludupan dan di dalam tahun 1975 sahaja mereka telah mencapai kejayaan berikut:

- (a) Orang-orang diidakwa kerana berbagai penye-ludupan termasuk dadah 401 orang
- (b) Barang-barang dirampas:

Candu Mentah	...	1,650 lbs
Candu Masak	...	8 lbs
Heroin		85 lbs
Morphine		20 lbs
MX Pills		55,000 biji
Kenderaan		253 buah
Lanci-lanci dan bot-bot	...	36 buah
Kain-kain		\$740,000
Barang-barang lain	...	\$4,000,000

Selain daripada itu 2,646 orang telah dikompounkan kerana menyeludup dengan cara bersendirian, dengan cara kecil, dan mereka itu telah didenda sebanyak \$577,000.

Denda-denda yang telah dikenakan oleh Mahkamah-mahkamah berjumlah \$2,220,000 di dalam tahun lepas.

Semenjak awal tahun ini Jabatan Kastam juga telah menguatkan lagi perondaan di darat dan juga di laut di sempadan-sempadan dan kakitangan Bahagian Pencegah di sempadan-sempadan telah ditambah baharu-baharu ini. Tangkapan-tangkapan dan rampasan-rampasan barang-barang dan dadah semenjak awal tahun ini di sempadan sangatlah memuaskan.

Selain daripada itu Jemaah Menteri pada hujung tahun lepas telah menubuhkan satu Pasukan Penyelaras Aktiviti-aktiviti Menentang Penyeludupan yang bertanggungjawab terus kepada Majlis Keselamatan Negara. Pasukan Penyelaras atau Badan ini mengandungi Wakil-wakil daripada beberapa badan-badan perlaksanaan, termasuk Kastam, Polis, Tentera, Lembaga Padi Negara, Biro Narkotik Negara, Rela, Imigresen dan juga Wakil-wakil Kementerian termasuk Perbendaharaan. Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah Pengerusi bagi Badan itu. Tujuan penubuhan Badan itu ialah untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti bagi segala badan-badan pelaksanaan untuk mengetatkan lagi keselamatan di sempadan-sempadan dan juga mengatasi masaalah penyeludupan senjata, dadah, beras dan barang-barang lain. Tindakan juga diambil oleh beberapa badan-badan pelaksanaan untuk menyekat tempat kediaman penyeludupan-penyeludupan yang terkenal dan kakitangan mereka mengikut peruntukan di dalam Undang-undang Penyekatan Perumahan.

3.41 *ptg.*

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan berkenaan dengan Titah Ucapan Di Raja beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh Kementerian Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli yang membuat teguran-teguran dan saya tidak dapat menjawab satu-persatu kepada teguran-teguran yang telah dibuat di dalam Dewan ini, tetapi sebarang teguran yang telah dibuat akan diambil ingatan oleh saya, dan jika perlu tindakan akan diambil selepas dikaji teguran-teguran itu.

Di antara teguran-teguran yang telah dikeluarkan ada beberapa yang saya ingin sebutkan di sini iaitu berhubung dengan kemasukan penuntut keturunan India ke dalam universiti-universiti tempatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Saya ingin menerangkan bahawa tujuan kita memilih penuntut-penuntut untuk masuk ke universiti tempatan ialah supaya dapat kita mengeluarkan orang-orang yang terpelajar daripada berbagai kaum yang boleh mencerminkan kedudukan kaum di dalam negara kita ini. Kita sedar di dalam negara kita ini bilangan penuntut yang belajar di luar negeri adalah lebih banyak daripada penuntut yang belajar di dalam negeri. Keadaan penuntut-penuntut di luar negeri tidaklah mencerminkan nisbah kaum di dalam negara kita. Bilangan penuntut-penuntut bumiputra umpamanya amatlah berkurangan di luar negeri. Oleh sebab itu, maka perlulah kita memberi lebih banyak tempat di dalam universiti-universiti tempatan supaya pengeluaran daripadanya boleh mengurangkan kesan pengeluaran universiti-universiti luar negeri. Ini bermakna bahawa kemasukan penuntut keturunan India di dalam universiti-universiti tempatan tidak boleh mengikut nisbah kaum yang ada di dalam negara kita ini, kerana di India terdapat lebih 4,000 orang penuntut dari Malaysia dan di antara mereka terdapat 90% lebih dari keturunan India. Dalam pada itu pula pihak orang-orang keturunan India tidak suka dicampur-gaul dengan kaum-kaum yang lain seperti orang katurunan Pakistan, orang-orang keturunan Bangladesh dan orang-orang keturunan Ceylon yang ada di negara kita ini. Ini menimbulkan beberapa kesulitan oleh kerana pada masa-masa yang lampau orang-orang ini telah terjumlah dalam bilangan orang-orang keturunan India dan oleh kerana mereka ini banyak yang mencapai taraf pelajaran yang tinggi, maka ini menyebabkan peratusan orang-orang yang dikatakan keturunan India itu lebih tinggi daripada nisbah penduduk India atau keturunan India di dalam Malaysia. Usaha memisahkan mereka ini menimbulkan kesulitan kepada Kementerian Pelajaran. Orang-orang yang bukan keturunan India iaitu dari Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka, banyak juga bilangan mereka dan pencapaian mereka dalam peperiksaan agar lebih tinggi daripada penuntut keturunan India. Mereka akan berasa keciwa jika

mereka tidak diterima kerana ingin menyediakannya tempat untuk penuntut keturunan India sahaja. Walau bagaimanapun, saya akan cuba mengaturkan supaya keadilan wujud dalam perkara ini.

Berhubung dengan latihan guru bahasa Malaysia pihak Kementerian telahpun mengambil langkah pada tahun 1974 dan kita akan mengadakan bilangan guru bahasa Malaysia yang mencukupi tidak berapa lama lagi. Mereka sudah tentu akan ditugaskan kepada semua sekolah-sekolah yang memerlukan guru bahasa termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Berhubung dengan ejaan baru kita memang memberi peluang kepada semua pihak mengenali ejaan baru ini dan di waktu jangka masa itu dibenarkan juga ejaan lama.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan perkara tidak ada kesedaran kebangsaan setelah merdeka hampir 20 tahun. Ianya menyalahkan sistem persekolahan. Saya tertarik benar dengan apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran memang diberi tugas untuk mewujudkan satu jenerasi yang tidak membeza-bezakan keturunan mereka. Ini dapat dilakukan jika semua mereka dapat pergi ke sekolah yang sama. Malangnya, ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli politik tertentu telah menjejaskan usaha ini. Ahli-ahli Politik ini setengahnya lebih mengutamakan kepentingan parti politik mereka daripada kepentingan negara dan mereka membangkitkan issue perkauman dengan cara yang begitu berkesan di dalam bidang pelajaran. Usaha Kementerian untuk menempatkan murid berbagai kaum dalam sekolah yang sama ditentang hebat khususnya orang ahli politik tadi. Mereka menyebutkan tentang hak ibubapa memilih sekolah bagi anak-anak mereka. Kerajaan mengakui hak ini tetapi biarlah ibubapa memilih sendiri tanpa desakan dan tekanan daripada pihak yang ada vested interest. Kesan daripada kumpulan ahli politik inilah maka sekolah-sekolah Inggeris yang telah dijadikan sekolah Kebangsaan tidak mendapat murid seperti dahulu. Dengan ini peluang murid semua kaum untuk bercampur sejak kecil dan menjalin perpaduan serta menyemai semangat kebangsaan yang sama telah terjejas. Jika sesiapa patut disalahkan kerana tidak Malaysian minded, maka ialah ahli politik yang "ultra" yang tidak suka melihat anak mereka bercampur dengan anak orang lain

mengikut keturunan. Tiap-tiap soalan dan ucapan "ultra" ini tertumpu kepada perpisahan murid sekolah dan bukan perpaduan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri akan menolong Kementerian ini dalam usahanya untuk mengumpulkan murid-murid daripada semua kaum di dalam sekolah kebangsaan yang dahulunya sekolah Inggeris.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyebutkan tentang pelajaran agama di sekolah-sekolah. Dalam konteks ucapannya pelajaran agama bolehlah difafsirkan sebagai pelajaran dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak. Memanglah pelajaran dalam bidang-bidang ini boleh membentuk peribadi yang lebih sesuai untuk kaum kita. Tetapi apa yang harus diingatkan ialah di dalam agama Islam tidak ada perbezaan antara secular dan religious. Ini bermakna semua pelajaran dan ilmu yang berfaedah patut dituntut. Tetapi apa yang patut ditentukan ialah masa pelajaran akidah dan ibadah hendaklah ditetapkan supaya berkesan di dalam membentuk peribadi. Di samping itu pelajaran yang lain yang juga penting di dalam agama mestilah diberi perhatian dan masa yang sewajarnya. Kalau oleh kerana kita semata-mata menumpukan perhatian kepada pelajaran akidah, ibadah dan akhlak, maka pelajaran yang lain dibelakangkan, ini juga tidak akan membentuk satu masyarakat yang bahagia dan adil. Apa yang akan berlaku ialah masyarakat Islam tidak akan dapat berkembang di dalam berbagai bidang yang perlu dan ini akan menimbulkan perasaan iri hati terhadap golongan-golongan yang lain yang telah berjaya di dalam bidang-bidang ini. Kita ingin melihat supaya orang-orang Islam di dalam negeri kita ini bukan sahaja di galakan mempelajari dan mengetahui tanggungjawabnya terhadap ugamanya dan juga hukuman-hukuman agama terhadap semua kegiatan hidupnya, tetapi ingin melihat supaya mereka terpelajar di dalam bidang-bidang yang sama penting untuk membangun ugamanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan sekali lagi masalah pelajar-pelajar kita yang pergi keluar negeri yang tidak ingin balik selepas tamat pelajaran mereka. Memanglah kalau mereka tidak balik berkhidmat di dalam negara kita ini kita akan mengalami kerugian, tetapi masalah ini bukanlah satu masalah yang baru. Sejak beberapa tahun yang lampau kita telah

lihat orang-orang yang terpelajar, terutamanya orang-orang professional dengan mudahnya berhijrah ke sana ke sini untuk kepentingan diri mereka. Ini bukanlah sahaja berlaku di Malaysia tetapi berlaku juga di negara-negara lain. Di England umpamanya, apabila Kerajaan mengadakan National Health Service, banyak doktor-doktor daripada England telah pergi ke Amerika dan lain-lain negara. Di samping itu pula oleh kerana Health Service yang sama di England, maka banyak pula doktor-doktor daripada Pakistan dan India pergi bekerja di England.

Berhubung dengan perkara sekolah di kawasan Ahli Yang Berhormat ini telahpun dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, saya tidak berniat untuk menambah penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Rengam dalam ucapannya telah menyentuh masalah pelajaran bahasa ibunda dengan menyebutkan bahawa kita memerlukan approach yang liberal dalam interpretasi Artikel 152 Perlembagaan kita oleh pihak yang berkuasa mengenai pelaksanaan dasar pelajaran ini. Saya tidak dapat menjawab tentang perkara ini kerana saya tidak dapat memahami apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika Ahli Yang Berhormat dapat menerangkan maksudnya saya akan dapat memikirkan tentang perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan perkara kenaikan pangkat guru besar, beliau menyatakan bahawa guru besar bumiputra terdapat dalam sekolah hanya Grade C, sedikit dalam Grade B dan tidak ada langsung dalam Grade A.

Yang pertama, ini tidak benar guru besar bumiputra terdapat dalam semua grade sekolah.

Kedua, dalam bidang pelajaran, keutamaan mestilah diberikan kepada kepentingan murid-murid. Kita perlu memilih guru-guru yang cukup kelayakan. Jika guru-guru bumiputra ada cukup kelayakan pihak Kementerian tetap memberi peluang kepada mereka naik pangkat. Tetapi jika semata-mata mengutamakan kepentingan guru besar dengan tidak mengutamakan kepentingan murid ini tidak akan membawa kepada kebaikan. Saya mengawasi perkara ini sendiri dan jika benar-benar berlaku penyelewengan di dalam kenaikan pangkat, saya harap Ahli

Yang Berhormat dapat berhubung dengan saya supaya dapat saya menentukan keadaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyebut tentang "brain drain" di kalangan tokoh-tokoh professional. Saya telah menyentuh perkara ini dalam menjawab teguran Ahli Yang Berhormat daripada Kepong. Saya tidak perlu menerangkan lagi perkara mobility di kalangan orang professional. Ini tidaklah menjadi masalah yang melibatkan Malaysia sahaja, tetapi melibatkan semua negara-negara dan apa juga yang kita lakukan tidak akan memuaskan hati mereka, kerana mereka ini memang mengutamakan kepentingan diri mereka sahaja. Di samping itu mestilah kita ingat walaupun orang ini banyak pergi keluar negeri, ada banyak pula yang ingin datang ke sini serta banyak pula ahli-ahli professional yang telah berada dalam negeri kita yang tidak ingin keluar daripada negeri ini walau apapun yang berlaku. Kepada mereka yang begitu sanggup taat setia dan berkhidmat dalam negara kita ini, saya mengucapkan syabas dan terima kasih.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan tentang Instituti Teknologi MARA. Saya ingin membuat pengakuan di sini bahawa pendapat-pendapat mereka akan ditimbang oleh pihak saya. Di samping itu, Kementerian Pelajaran telahpun menubuhkan dua buah jawatankuasa. Jawatankuasa yang satunya diberi tugas untuk menyiasat pentadbiran kewangan di I.T.M. sejak beberapa tahun yang lalu hingga sekarang supaya dapat kita menentukan apakah peruntukan yang diberi kepada I.T.M. itu digunakan dengan cara yang cukup berkesan.

Jawatankuasa yang keduanya diberi tugas untuk mengkaji tentang kejayaan dalam bidang akademik oleh Instituti Teknologi MARA, ini bermakna juga mereka akan mengkaji bagaimana satu-satu kursus itu dimulakan samada kursus itu disediakan dengan kemudahan-kemudahan yang mencukupi dari segi alatan dan juga pensyarah-pensyarahnya. Kita ingin tahu juga apakah kemungkinan kursus-kursus itu diperluaskan. Dengan adanya jawatankuasa-jawatankuasa ini saya yakin banyak masalah I.T.M. dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyebutkan tentang kejadian di

sebuah sekolah di Lembah Bilut, Pahang yang mana tidak sebuah pun buku teks yang diberikan. Saya berasa dukacita kerana Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini begitu lambat dalam Dewan ini. Beliau sepatutnya menyebutkan kepada saya dengan mudah supaya kita dapat mengatasi masalah ini dengan seberapa segera yang boleh. Kementerian Pelajaran akan menyiasat perkara ini dan akan cuba mengatasinya.

Berhubung dengan teguran-teguran yang lain yang telah dibuat oleh lain-lain Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan akan mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

3.56 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung selama empat hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan, komen-komen dan teguran terhadap perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka mengucapkan terima kasih dan segala pandangan, komen dan teguran yang ikhlas itu dan juga cadangan-cadangan yang dibuat adalah mendapat perhatian serta kajian dan yang mana didapati praktikal, dan menasabah insya Allah akan dilaksanakan demi menafaat negara kita.

Kerajaan amat sedar bahawa kedudukan keselamatan negara adalah serious tetapi sepertimana yang dikatakan beberapa kali terkawal. Kalau kita lihat balik atau kaji semula kepada tahun 1975, Parti Komunis Malaya telah mengisytiharkan tahun 1975 sebagai "tahun bertempur" atau "the year of combat" dan melancarkan berbagai tindakan dan aktiviti di Semenanjung Malaysia bagi mengisir rancangan mereka itu. Maka itu kita dapati berbagai kejadian yang dicetuskan oleh Parti Komunis Malaya yang berlaku sepanjang tahun 1975 sebagai usaha mereka menaikkan semangat pengikut dan penyokong; apa lagi memandangkan bahawa Parti Komunis Malaya telah berpecah tiga maka masing-masing pihak cuba membuktikan kepada yang lain bahawa dialah yang paling berjaya dan dialah yang paling berkesan dalam tindakannya masing-masing.

Akibat dari tindakan mereka, dengan sedihnya saya mengatakan bahawa 31 anggota Pasukan Keselamatan telah gugur dan 87 telah cedera kebanyakannya kena perangkap samar (booby-trap). Juga dengan pengisytiharan tahun 1975 sebagai "tahun bertempur" anggota M.N.L.F. dari Parti Komunis Malaya telah melakukan pembunuhan ke atas empat orang pegawai polis, dan seorang pegawai penjara, dan melancarkan lima belas gerakan sabotaj termasuk mengebom Tugu Negara. Anggota apa yang dipanggil M.P.L.L. (C.P.M.-Marxists-Leninists) pula cuba membuktikan kehandalan mereka dengan melakukan empat pembunuhan (termasuk mending Ketua Polis Perak), dan sebelas gerakan sabotaj termasuk mengebom markas Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur. Itulah caranya masing-masing pihak cuba menunjukkan kemampuannya. Tetapi bagi pihak Pasukan Keselamatan ianya telah membunuh 7 pengganas dengan 5 orang menyerah diri dan 1 orang ditangkap sambil mengamankan 99 orang penyokongnya. Di samping itu kita mempunyai bukti bahawa ramai lagi anggota parti Komunis Malaya yang telah dibunuh tetapi mayatnya diseret oleh rakan-rakannya masuk ke kawasan perbatasan Thailand. Di pihak Pasukan Keselamatan tidak ada satu mayat atau anggota yang cedera yang tidak dapat dikesan atau jatuh ke tangan musuh, dan tiada seorang pun yang menyerah diri kepada pihak musuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang kita semua fahami ialah janganlah kita mengukur kejayaan atau kegagalan semata-mata berlandaskan kepada bilangan anggota pengganas komunis yang dapat dibunuh atau diamankan dibandingkan dengan bilangan anggota Pasukan Keselamatan yang gugur dan tercedera. Apa yang wajib kita sedari ialah hasil dari tindakan Pasukan Keselamatan kita telah berjaya mematahkan rancangan Parti Komunis Malaya untuk melancarkan peperangan bersenjata di negara kita. Setakat ini pihak Kerajaan telah berjaya membendung kekuatan pihak Parti Komunis Malaya yang membolehkan mereka membuat serangan-serangan dairek ke atas Pasukan Keselamatan. Keperluan-keperluan penting iaitu infrastruktur, United Front dan Pasukan Penggempur bagi meningkatkan aktiviti mereka ke peringkat peperangan bersenjata tidak terdapat pada masa ini di negeri kita. Infrastruktur seperti bases dan logistic

yang boleh menampung keperluan mereka belum lagi ujud. Dalam tahun 1975 sejumlah 30 kem-kem kecil dan 125 tempat berihat yang didirikan oleh pengganas kominis telah dijumpai dan telah dimusnahkan oleh Pasukan Keselamatan. 22 bekalan tersembunyi "food dump" telah dibongkar. Organisasi masses untuk membantu kumpulan bersenjata yang dahulunya ujud dalam bentuk United Front, pada masa ini adalah dalam keadaan lumpuh disebabkan gerakan besar-besaran yang dilancarkan oleh Polis. Gerakan-gerakan ini telah merobohkan penyusunan United Front dalam tahun 1967. Sejak itu Pertubuhan Komunis telah giat berusaha membangun semula organisasi bawah tanahnya. Tetapi hasil dari operasi yang bertubi-tubi dilancarkan oleh pihak Polis, ramai penyokong pengganas kominis dari kumpulan bawah tanah berjaya diberkas, dan dalam tahun 1975, 383 anggota organisasi bawah tanah telah diberkas oleh Polis. Satu lagi "ramuan" yang penting yang perlu ada bagi melancarkan perang gurila, selain dari infrastruktur dan United Front, ialah Unit Penggempur (Assault Units). Sehingga ini kita tahu cuma antara 250—300 sahaja anggota Parti Komunis Malaya yang berjaya sebagai pengganas kominis menyeludup masuk ke Semenanjung Malaysia, dan akibat dari tindakan rapi Pasukan Keselamatan, mereka ini bercempera di Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang, dan mereka itu sentiasa diburu. Adalah pada hemat saya mustahil bagi mana-mana pihak mahu melancarkan perang gurila dengan tujuan menguasai negara dengan hanya 300 orang anggota penggempur. Oleh yang demikian, kita mesti terus memburu mereka dan di samping itu memusnahkan infrastruktur dan United Front puak pengganas kominis. Selagi ketiga unsur ini terus kita nafikan kepada pihak pengganas kominis, insya Allah kita akan dapat mengawal ketenteraman dan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut arahan Parti Komunis Malaya bahawa tahun 1976 adalah tahun meningkatkan pertempuran (the year of acceleration). Tetapi nampaknya kegiatan mereka dibantut oleh pihak kita. Sebagai satu ukuran biasanya pada 1hb Februari tiap-tiap tahun semenjak pemerintahan Jepun dahulu lagi hari itu ialah Hari Tentera Pembebasan dan disambut dengan cara besar-besaran membunuh, menyerang

Pasukan Keselamatan atau sekurang-kurangnya menaikkan bendera. Tetapi pada tahun ini nampaknya perkara ini tidak berlaku, alhamdulillah.

Di Sarawak sejak kejayaan Operasi Sri Aman hanya tinggal 160 anggota North Kalimantan Communist Party (N.K.C.P.) dari jumlah asalnya 800 anggota. Kejayaan Sri Aman telah melemahkan semangat saki baki pengganas kominis yang masih di hutan di samping kegagalan mereka mendapat sokongan dari rakyat. Dalam tahun 1975 Pasukan Keselamatan telah berjaya membunuh 3 pengganas, menangkap 3, 16 menyerah diri dan seramai 199 penyokongnya telah ditangkap. Di pihak kita 6 anggota Pasukan Keselamatan telah gugur dan 12 tercedera. Kalau dahulu penyokong bawah tanah N.K.C.P. hampir berjumlah 7,000 orang maka akibat gerakan tubi oleh Polis ketika ini bilangannya kini jauh berkurangan dan mereka langsung tidak dapat bergerak kerana dilumpuhkan oleh pihak Polis.

Adalah nyata, Tuan Yang di-Pertua, kegagalan yang dialami oleh pihak pengganas kominis itu telah menyebabkan Parti Komunis Malaya mengutarakan semula "thesis protracted struggle" iaitu perjuangan yang tidak berhabisan. Bagi pihak kita perkara ini hendaklah kita faham betul-betul. Pertubuhan Komunis tidak akan berundur dari perjuangan. Mereka menunggu masa sahaja yang sesuai untuk melancarkan balik angkara mereka itu. Sementara itu mereka akan cuba menghakiskan tekad kita, melemahkan semangat kita, mengeksploitasikan perselisihan dan retak-retak dikalangan kita terutama dikalangan pucuk pimpinan, mengeksploitasi perasaan tidak puas hati dari segi ekonomi, sosial ataupun politik. Pihak pengganas kominis tidak mempunyai sebarang kekuatan mereka sendiri, tetapi memperolehi kekuatan daripada akibat kelemahan kita. Untuk menentang musuh ini maka menjadi tanggungjawab kita untuk menguatkan perpaduan kita dan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan kita terhadap nilai yang menjadi asas sistem negara kita. Dalam hal ini janganlah sangat kita mementingkan kebendaan, kerana kebendaanlah menjadi ideologi pihak kominis. Rukunegara mesti menjadi panduan hidup kita untuk kebaikan dan kebajikan rohani dan jasmani, dunia dan akhirat.

Oleh kerana saya rasa kurang fahaman atau pengertian tentang perjuangan pihak kominis pada masa lampau yang kita tahu sekarang tidak akan berhenti sehingga tercapai cita-citanya, maka pada tahun 1960, dengan tamatnya darurat maka keanggotaan Pasukan Polis yang pada tahun lima puluhan hampir berjumlah 178,000 telah dikurangkan hingga tinggal 51,000 orang dalam tahun 1963, dan dalam tahun 1969 tinggal 31,000 orang sahaja yang mengawal wilayah yang lebih besar dari dahulu kerana kemasukan Sabah dan Sarawak. Hari ini kekuatan Polis ialah 40,717 orang dibandingkan dengan 178,000 dahulu. Inilah bilangan anggota yang ada yang dipertanggungjawabkan bukan sahaja memerangi pihak kominis di hutan dan bandar, inilah juga orangnya yang ditugaskan memerangi penjenayah, penyeludup dan penjual dadah, penjual senjata dan juga mengawal ketenteraman. Tetapi alhamdulillah, walaupun kekuatannya terhad, kejayaan yang dapat dicapai amatlah memuaskan, contohnya di Kelantan sahaja kejadian jenayah pada masa ini adalah berkurangan 30% orang ramai sudah berani keluar pada waktu malam bermain machok dan di Johor walaupun 85% anggota Polis berumur lebih 45 tahun Polis Johor telah berjaya merampas sebilangan banyak senjata sambil mematahkan beberapa kumpulan haram. Di Kuala Lumpur sendiri kejayaan Polis mengamankan kumpulan Botak Chin umpamanya adalah satu kejayaan yang harus dipuji. Memang benar apabila dikaji statistics jenayah bahawa bilangan peristiwa rompakan bank bertambah pada bulan Januari/Februari, 1976 kalau dibandingkan dengan bulan Januari/Februari 1975, walaupun kejadian jenayah seluruhnya sudah berkurangan sebanyak 30%. Ini adalah disebabkan bank-bank ini seperti orang ramai yang masing-masing bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda sendiri dan mereka menginsurenkan wang-wang mereka. Kalau mereka pun tidak begitu rapi, kadang-kadang seorang dua jaga (tua pula) sahaja digunakan. Pihak Polis baru-baru ini sudah mengadakan mesyuarat dengan pihak bank-bank seluruh negara membincangkan langkah-langkah dan telah menasihatkan bank-bank menguatkan langkah keselamatan mereka berdasarkan Modus Operandi kes-kes samun yang telah berlaku. Umpamanya:

- (i) Sistem Amaran (Alarm System) yang patut bersambung terus langsung dengan Balai Polis;

- (ii) Ramaikan jaga-jaga (watchman) yang bersenjata dengan cara menjaga dengan lebih rapi lagi dengan lebih baik lagi;
- (iii) Mengadakan "Remote Control Cameras" kalau boleh, kalau mereka mampu.

Jadi kelambatan Polis berkejar ke tempat kejadian samun biasanya ialah sebab lambat menerima pengaduan bukan lambat pergi. Saya minta agar Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membaca akhbar tentang kejadian jenayah, harap bacalah juga tentang kejayaan yang dicapai oleh pihak Polis.

Umpamanya saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa tidak berapa jam yang lalu hari ini gang yang merompak kedai tukang emas di Petaling Jaya semalam sudah diamankan, empat daripada anggota mereka telah dapat dibunuh dalam tembakan-menembak dan sebahagian besar daripada barang kemas yang dirompak itu dapat balik. Ini dalam tempuh 24 jam sahaja. Hanya yang sedih sedikit D.S.P. Kulaisingam dahulu kena tembak, kali ini kena tembak sekali lagi, tetapi alhamdulillah tidaklah cederanya itu parah dan di luar daripada keadaan bahaya. Ini adalah satu perkara yang patut kita ucapkan tahniah kepada pihak mereka.

Baharu-baharu ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah meluluskan supaya Pasukan Polis di perbesarkan dan saya mengucapkan sangat terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat kita menambahkan bilangan anggota Polis seramai 22,000 orang lagi, dan pengambilan orang baharu secara berperingkat sudah pun dimulakan, tetapi urusan ini akan mengambil masa juga kerana semua kakitangan baharu khususnya dan terutama sekali pegawainya perlu menjalani latihan. Rancangan Pembesaran Pasukan Polis ini termasuklah pembesaran Pasukan Polis Merin yang ketika ini kalau saya sebutkan sedih mendengarnya hanya mempunyai 1,600 orang anggota yang mesti menjaga pantai daripada Perlis, daripada Kelantan sehingga ke Sabah ke Tawau. Tetapi saya sungguh berbangga dengan kebolehan dan kecekapan yang ditunjukkan oleh anggota Polis terutama sekali saya hendak sebutkan di sini Polis wanita yang telah masuk di dalam P.P.H., di dalam Polis Hutan, masuk dalam F.R.U., masuk dalam Terafik dan masuk dalam Pancaragam. Dan saya sudah pun mengarahkan kepada pihak Polis supaya mengambil anggota wanita

untuk Pasukan Polis Merin, saya harap Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tentu ber-setuju. Juga di kalangan Orang Asli ada rancangan pihak Polis menambahkan anggota Pasukan Senoi Prak. Jadi dengan adanya tambahan anggota ini dan di perbesarkan anggota Polis, adalah peluang dan kesempatan promotion dan sebagainya.

Dan seiring dengan rancangan pembesaran Pasukan Polis, hasil dari cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang menimbangkan satu sekim gaji baru untuk anggota-anggota Polis pada pangkat rendah. Saya dapat tahu pagi tadi sekim cadangan yang dikemukakan itu sekarang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Perjawatan (Establishment Committee) dan insya Allah keputusannya akan diumumkan dalam beberapa minggu sahaja. Dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Marilah kita sama-sama berdoa biar lekas kita dapat.

Satu perkara yang ingin saya lahirkan di sini ialah tentang betapa erat dan kuatnya kerjasama antara Pasukan Polis dan Angkatan Bersenjata yang memikul tanggungjawab serta menjalankan tindakan dan gerakan membasmi musuh sebagai satu unit. Ini adalah satu esset, satu keuntungan besar yang ada pada kita, dan dengan semangat yang cecal serta berani yang ditunjukkan oleh anggota Polis dan dibuktikan oleh Angkatan Bersenjata, insya Allah keselamatan negara kita akan terpelihara. Dan diperingkat antarabangsa pula, kita mendapat kerjasama yang cukup baik dari Singapura, Indonesia dan juga Thailand. Banyak maklumat penting telah kita terima dan selalu kita terima dari mereka yang membolehkan kita melancarkan berbagai-bagai gerakan hingga membawa kepada kejayaan. Kita juga banyak memberi maklumat kepada mereka. Sebagai timbal, balas, cuma saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya faham betul-betul, iaitu khususnya berkenaan dengan negara Thailand, jiran yang baik dengan kita, walaupun seperti kata saya tadi kerjasama antara kedua negara ini sangat baik, tetapi pihak Thailand ada mempunyai masalah-masalahnya sendiri dan juga mempunyai prioriti sendiri. Ini mungkin memberi gambaran seolah-olah kita

kurang mendapat kerjasama dari mereka khususnya di kawasan perbatasan. Selain dari maklumat yang banyak yang kita terima dari mereka dari Thailand yang mereka sampaikan kepada kita, Kerajaan Thailand mengizinkan kita dengan syarat-syarat yang tertentu Pasukan Polis Hutan kita bergerak dan bertindak di dalam Wilayah Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun seperti kata saya tadi aktiviti-aktiviti pengganas kominis adalah terkawal, sekiranya kita lalai atau cuai ianya boleh menjadi suatu unsur yang menyebabkan tergendalanya projek-projek pembangunan. Seterusnya jika keganasan dan aktiviti sabotaj itu tidak dibendung ianya boleh membawa kepada suatu suasana yang boleh menjejaskan kesetabilan dan keyakinan pelabur khususnya di negara kita ini. Kerajaan sedar pihak pengganas kominis sungguh giat untuk menimbulkan suasana sedemikian dan salah satu sasaran tamanya ialah rancangan Empangan Temenggor dan Lebuhraya Timur-Barat, dan berbagai percubaan sabotaj telah dilancarkan, tetapi insha Allah gagal kerana kawalan rapi oleh Polis dan Tentera. Kejayaan kedua rancangan ini amatlah penting kepada negara kita dari segi pembangunan ekonomi juga dari segi pertahanan dan keselamatan. Dengan kedua rancangan ini ia bukan sahaja akan menafaatkan penduduk-penduduk di situ bahkan memberikan kesempatan untuk rakyat lain pergi tinggal di situ atau Kerajaan sendiri bahkan kita tahu mempunyai rancangan untuk menempatkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Ini dengan sendirinya akan menjadi benteng kepada sebarang kemaraan pihak pengganas kominis yang cuba menyusup masuk ke Semenanjung dari perbatasan.

Jadi nyatalah bahawa perjuangan kita menentang pengganas komunis ini bukanlah semata-mata harus dipikulkan atau dipertanggungjawabkan kepada Pasukan Keselamatan sahaja tetapi rakyat semua mestilah terlibat sama kerana sekiranya pengganas kominis berkuasa rakyatlah yang akan merasakan kecelakaannya. Dengan memahami hakikat bahawa perjuangan ini adalah perjuangan rakyat maka Kerajaan telah merancangkan berbagai sekim di mana rakyat boleh menyumbang bakti ke arah pertahanan negara. RELA adalah satu dari alat penyertaan rakyat, dan apa yang diharapkan dari RELA ialah supaya ia menjadi mata dan menjadi telinga kepada

Kerajaan, dan tidak semestinya tiap-tiap anggota RELA dibekalkan dengan senapang patah atau senjatapi. Ada tempat-tempatnya di mana RELA boleh bertindak tanpa menggunakan senjatapi dan ada tempat-tempatnya di mana RELA perlu dibekalkan dengan senjatapi. Dan lagi Rukun Tetangga umpamanya adalah satu penyertaan rakyat sekiranya pertahanan negara dan ketika ini Kerajaan sedang mengkaji untuk menyelaraskan tugas RELA dan tugas Rukun Tetangga supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan lagi. Satu lagi sekim yang diadakan ialah menubuhkan Pasukan Kedet Polis dan menubuhkan Kedet Asykar di sekolah-sekolah. Ini bukan untuk berjuang tetapi ialah untuk menambahkan lagi fahaman mereka terhadap kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara dan saya suka mengumumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan menambahkan penubuhan platoon Kedet Polis di sekolah-sekolah pada tahun ini. Inilah caranya kita mendidik anak-anak kita, rakyat kita yang muda-muda dari bangku sekolah lagi tentang peri mustahaknya memahami kedaulatan undang-undang dan juga keselamatan negara.

Mengikut thema Rancangan Malaysia Ketiga peranan Polis ialah menjadi pengaman dan pembangun. Maka itu menjadi tanggungjawab anggota Polis supaya membantu rakyat di setiap peringkat ke arah pembangunan diri umpamanya dan pembangunan masyarakat. Saya sudah pun merancang untuk menempatkan seorang anggota Polis di tiap-tiap kampung di seluruh negara sebagai satu strategi baru strategi Polis sebagai Pengaman dan Pembangun. Buat ketika ini saya cadangkan kerana kita tidak cukup orang, sebelum kita dapat yang 22,000 ini kampung-kampung tertentu di beberapa negeri tertentu dipilih dulu untuk rancangan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya penuh percaya satu senjata yang paling mustajab untuk menentang penganas komunis ialah memperkukuhkan ketahanan kita dari segi akhlak dan rohani dan berpegang teguh serta mengamalkan prinsip Rukunegara. Seperti kata saya awal tadi pihak penganas komunis tidak mempunyai kekuatannya sendiri tetapi memperolehi kekuatan akibat kelemahan kita sendiri. Selagi kita kuat semangat, selagi kita tabah dan yakin kepada diri kita dan berpanduan kepada nilai-nilai kerohanian dan akhlak

yang tinggi sambil mengimbangkannya dengan nilai kebendaan, dan selagi kita memahami betul-betul tindak-tanduk dan ideologi komunis yang ada ketikanya bertopengkan ugama, ada masanya bertopengkan budaya, dan ada masanya bertopengkan nasionalisma, dan selagi rakyat memberi sepenuh kerjasama kepada Kerajaan insya Allah negara kita akan terpelihara, dan negara kita akan selamat.

4.21 ptg.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua tiga perkara sahaja yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang saya fikir patut saya jawab atau beri penerangan.

Yang pertamanya ialah Yang Berhormat dari Kangar, Perlis yang telah menyatakan masaalah dadah berbahaya dan mencadangkan satu undang-undang yang lebih kejam, lebih ketat dan lebih kuat daripada apa yang ada.

Yang kedua, beliau bertanya apakah tindakan Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang memakan atau mengguna dadah atau menjadi penagih dadah.

Berkenaan dengan perkara yang pertama, suka saya maklumkan di Dewan ini, iaitu Undang-undang Dadah Berbahaya telah kita pinda tiga kali dalam tempoh dua tahun yang lepas dan sekarang undang-undang ini telah mengadakan peruntukan-peruntukan hukuman yang cukup berat. Boleh dikatakan hukuman-hukuman yang ada di dalam undang-undang yang ada ini semenjak kita pinda adalah yang berat sekali di dalam dunia ini termasuk Singapura iaitu boleh di-hukum gantung terhadap seseorang yang mengedar dadah. Saya fikir Kerajaan dan saya juga pada masa ini belum lagi bercadang hendak meminda Undang-undang Dadah Berbahaya pada masa ini.

Berkenaan dengan masaalah yang kedua, iaitu kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai yang menggunakan dadah maka sekiranya mereka itu dapat ditangkap, ada mempunyai dadah di tangan atau di badan atau yang dipunyainya maka mereka itu boleh dituduh di mahkamah di bawah undang-undang yang ada seperti orang-orang lain dan boleh dihukum. Tidak ada beza samada dia itu

pegawai Kerajaan atau orang awam sekiranya didapati menyimpan dadah menyalahi undang-undang.

Tetapi sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan pula atau kakitangan-kakitangan Kerajaan menjadi penagih dadah, saya telah menyemak Peraturan Am (General Orders), tidak ada dalamnya itu peruntukkan menyatakkan seorang itu dibuang kerja kerana penagih dadah. Ini masalaah baru. Tetapi ada peruntukan di dalam Peraturan Am menyatakkan sekiranya seorang pegawai atau kakitangan Kerajaan itu inefficient, malas, kerjanya tidak teratur atau tidak boleh menjalankan kerja, maka tindakan boleh diambil di bawah tatatertib. Saya percaya kalau sekiranya mereka memakan dadah atau menjadi penagih dadah merosakkan efficiency dalam menjalankan tugas-tugasnya, saya percaya tindakan tatatertib (disciplinary action) boleh diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Public Services Commission) terhadap mereka itu atas kelemahan-kelemahan mereka menjalankan kerja. Tetapi yang kita bimbang, takut d'a makan dadah itu sekali-sekala di waktu malam, pada waktu siang dia sangat efficient pula. Bagaimanakah caranya? Adakah hendak diambil tindakan pula? Tetapi saya fikir ini pun merbahaya juga kerana dia seorang yang sudah menjadi penagih dia berkehendakkan wang. Kalau tidak ada cukup wang boleh jadi mereka akan mengambil wang rasuah. Ini satu perkara yang akan ditimbangkan.

Perkara yang kedua, di dalam Peraturan Am seseorang yang mengidap penyakit T.B. (batuk kering) boleh masuk hospital selama 6 bulan dengan bergaji. Adakah kita fikir seseorang itu dimasukkan di Pusat Pemulihan enam bulan atau setahun dengan sebab ketagih dadah hendak dibayar gaji juga? Saya fikir perkara ini akan ditimbangkan kelak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam supaya diperbaiki Peraturan Am yang ada sekarang.

Berkenaan dengan menambahkan pegawai-pegawai Pusat Biro Narkotik, saya telah membuat permohonan kepada Treasury supaya diluluskan tambahan pegawai-pegawai kerana masa ini malu saya hendak menyatakkan di dalam Dewan ini, pegawai-pegawai Biro Narkotik kita di seluruh Malaysia ialah 23 orang sahaja. Sepuluh pegawai dan 13 kakitangan biasa. Tetapi saya rasa bangga dengan kejayaan yang telah dicapai selama

ini. Kita akan tambahkan lagi, akan diadakan satu cawangan di Ipoh dan di Kota Bahru dan patut diadakan satu cawangan.

Perkara yang kedua ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh berkenaan dengan kelulusan oleh Kerajaan Negeri Melaka seluas 3,300 ekar tanah Kerajaan kepada Syarikat Seri Lengggar Sdn. Bhd. dengan premium \$10.00 satu ekar. Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Melayu Negeri Melaka yang mana enam orang Pengarahnya ialah orang-orang Melayu dan sebilangan besar daripada enam orang itu ialah ahli UMNO yang diberi tanah pada syarikat itu dan masing-masing Pengarah ini masih ada satu syer sahaja. Tujuan Kerajaan Melaka, pada pendapat saya, yang saya dimaklumkan iaitu tanah seluas 3,300 ekar itu kalau diberi kepada tiap-tiap seorang, kalau lima ekar sahaja seorang, baru dapat 660 orang sahaja yang mendapat tanah. Dan kalau diberi 10 ekar seorang, 330 orang sahaja. Pada hal kita semua maklum negeri Melaka itu memanglah sangat kekurangan tanah dan boleh dikatakan sesak dengan manusia khususnya orang Melayu. Dan orang-orang Melayu pula di sini kebanyakannya apabila kita lalu ke negeri Melaka, semuanya estet. Kalau ada pun orang Melayu di rumah itu, mereka berkumpul. Kalau tanah setengah ekar, ada lapan buah rumah. Di belakangnya sawah. Memanglah orang-orang Melayu di Melaka itu sangat dhaif dalam hal tanah kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain kerana Negeri Melaka sangat lama di bawah penjajah dan negeri Melaka pula sangat sedikit tanah Kerajaan yang tinggal. Maka adalah hasrat Kerajaan Negeri Melaka memberi seluas 3,300 ekar ini kepada Syarikat Seri Lengggar yang disebutkan tadi, supaya tiap-tiap orang Melayu dalam negeri Melaka boleh membeli saham atau syer daripada syarikat itu. Dan syarikat itu akan mengelola dan menjalankan sebagai estate dan orang-orang Melayu perseorangan dan juga co-operative yang kecil-kecil di kampung-kampung boleh bersatu dan berkumpul membeli saham-saham daripada tanah itu. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, tanah seluas 3,300 ekar itu akan dipunyai sebanyak-sedikit oleh sekalian atau sebilangan besar orang-orang Melayu kita di Negeri Melaka. Adalah lebih baik kalau misalnya kita hadkan yang seseorang itu tidaklah lebih daripada \$5,000. Dengan cara

ini tanah seluas 3,300 ekar itu dapatlah dirasakan oleh ramai penduduk-penduduk di Melaka. Inilah yang dibangkit-bangkitkan sangat oleh Ahli-ahli Pembangkang, bukan sahaja di Dewan ini, kita dengar di dalam akhbar, di mesyuarat Dewan Undangan Negeri Melaka pun perkara ini dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, beliau ada menyebutkan seorang daripada Ahli EXCO ada mempunyai satu saham (one share) yang membolehkan dia menjadi Director. Perkara itulah yang dibangkit-bangkitkan sangat. Walaupun begitu B.S.N. telah menjalankan siasatan di Negeri Melaka berkenaan dengan perkara itu supaya apabila sudah diselesaikan siasatannya baharulah kita dapat memberi pertimbangan apa masalaahnya. Tetapi yang saya nampak, yang setahu saya sendiri ialah cuma satu syer supaya membolehkan dia seorang di dalamnya memandangkan yang pengarah lain dapat menjalankan tugasnya dengan lebih sempurna. Saya fikir memandangkan dari segi ini adalah tidak patut dan tidak wajar bagi Ahli-ahli Pembangkang Negeri Melaka membangkitkan perkara itu kerana perkara itu akan menyakitkan hati orang-orang Melayu di Negeri Melaka.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh pula berkenaan dengan pemindahan B.S.N. dari Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Peguam Negara, kononnya ini adalah merendahkan taraf B.S.N. dan juga B.S.N. mempunyai kuasa bebas (independant) dalam menjalankan tugas-tugasnya. Ya, semenjak 1hb Januari, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah bersetuju memberikan B.S.N. di bawah jagaan Peguam Negara. Saya tidak nampak dari mana B.S.N. termasuk Kementerian saya kurang tarafnya. Yang sebetulnya Allahyarham telah berbincang dengan saya adalah lebih sesuai B.S.N. itu diletakkan di bawah jagaan Peguam Negara bukan di bawah jagaan Perdana Menteri, kerana saya merujuk Ahli Yang Berhormat kepada Perlembagaan dan saya ingin membacanya dalam bahasa Inggeris kerana saya membawa naskah bahasa Inggeris:

"145. The Attorney General.

- (3) The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, . . ."

Perlembagaan telah menyatakan di sini terang dan nyata Peguam Negara adalah diberi kuasa penuh menjalankan tugas-tugasnya untuk mendakwa, menjalankan perbicaraan, menarik perbicaraan atas apa-apa kes jenayah pada sesiapa juapun dalam Malaysia ini melainkan Raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong atas timbangtilik. Maka terang dan nyata adalah lebih wajar, saya bersetuju dengan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak menyatakan B.S.N. ini kuasa menyiasat dan juga mendakwa sesiapa juapun adalah di bawah Kementerian saya dan jagaan Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya. Dan sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya, saya pun telah memberi (delegate) kuasa kepada Pengarah B.S.N. dan juga pegawai-pegawai perundangan dalam B.S.N. menjalankan apa-apa dakwaan dengan tidak payah bertanya kepada saya.

Walau bagaimanapun, kalau ada perkara-perkara yang besar yang mereka itu bimbang dan takut hendak menjalankan, dia boleh refer atau hantar kepada saya. Dan lagi di bawah Undang-undang berkenaan dengan rasuah ada tersebut; tiada satu kes pun boleh dibawa ke mahkamah atas seseorang itu dituduh melainkan ada kebenaran bertulis atau dipersetujukan oleh Pendakwa Raya. Di sini mereka itu boleh juga memberi persetujuan bertulis dan kadang-kadang kalau besar punya, dia minta saya pula sendiri menyainkan persetujuan itu. Saya sainlah. Ini tidak bermakna pihak B.S.N. itu tidak bebas menjalankan tugas-tugasnya. Pihak saya dan B.S.N. menjalankan kuasa dan tugas saya dengan teliti, dengan rapi, dengan adil dan tidak mengikut atau menjalankan kerja apa-kala kes-kes itu ditonjol oleh seorang, khususnya ditonjolkan oleh Ahli-ahli Pembangkang di hadapan saya kerana pihak B.S.N. dan saya juga tidak menari mengikut gendang mereka itu.

Kita sedar B.S.N. dan saya juga bertanggungjawab kepada negara, kepada rakyat jelata dan khususnya kepada ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Segala perjalanan sekiranya tidak betul boleh dibangkitkan dan dibawa balik, sehinggakan boleh dibawa undi tak percaya kepada diri saya sendiri dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya dan pihak pegawai-pegawai dalam B.S.N. akan menjalankan tugas-tugas dengan tiada siapa jugapun boleh cuba menghalang ataupun cuba mengganggu tugas-tugas ini kerana adalah hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk

menghapuskan rasuah di negara ini dan kita tidak akan menjalankan tugas itu dengan mendengar gendang siapa juga khasnya daripada pihak Pembangkang.

Mereka sebutkan kurang mendapat kes-kes yang kita bawa ke mahkamah, saya suka menerangkan di sini bukanlah kes rasuah ini senang hendak dibawa ke mahkamah kerana kalau kita bandingkan rasuah ini boleh dikatakan lebih kurang macam kes rogol juga. Kalau suka sama suka, siapa pun tidak boleh report. Consent maknanya bukanlah rogol. Tetapi kalau salah seorang tidak ada consent, tidak memberi persetujuan maka baharulah mereka itu dihukum. Mula-mula suka sama suka, tetapi apabila sakit sangat baharu dia report. Begitu juga rasuah, kalau suka sama suka, kedua-dua dapat faedah atas perkara itu, salah seorang tidak akan dikemukakan. Tetapi apabila seorang itu perit sangat kerana dengki tidak dapat apa yang dipohonkannya, duit sudah beri banyak kali, baharulah dia datang menghantar report kepada Pejabat Polis, Pejabat B.S.N. ataupun kepada saya. Inilah kesusahan bagi B.S.N. menjalankan tugasnya. Saya dan B.S.N. banyak mendapat surat-surat melayang sebulan boleh dikatakan dua tiga ratus tetapi 70%-80% yang ada itu karut kerana sakit hati. Ada orang yang hantar surat kepada saya, bila disiasat rupanya kedai di sebelahnya itu korap, pada hal dia bimbang kedai di sebelah itu sangat laris perniagaannya. Bila datang Pegawai-pegawai B.S.N. orang pun takut bila masuk ke kedai itu, tersenyum orang sebelah. Tetapi kita menjadi perkakas pula. Jadi boleh dikatakan kalau 100 surat-surat itu cuma 10 atau 5 yang kita fikir ada alasan yang patut disiasat. Saya ingatkan di sini, perkara menyiasat satu kes rasuah ini khasnya kepada orang Kerajaan dan lain-lain juga hendaklah kita jalankan dengan sangat teliti kerana kalau kita dapat sahaja satu aduan walaupun dengan surat melayang dengan tidak semena-mena disiasatlah seorang itu samada di rumahnya, akaun banknya dan lain-lain. Tiba-tiba semua itu tidak ada alasan yang betul, nama baik seseorang itu sudah rosak walaupun tidak ada kes kepadanya. Itulah sebab kita hendak siasat halus-halus sebelum kita ambil tindakan menyiasat atas perkara itu sehingga kita fikir ada cukup bukti dan kalau disiasat boleh dikatakan 95% akan boleh ditangkap. Selagi belum ada bukti macam itu

kita pendamkan dahulu seperti kata orang Melayu: biarlah banyak lemak, disimpan satu masa, baharu kita bertindak.

Satu perkara lagi yang saya mesti juga jawabkan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, teruk sangat nampaknya saya dikerjakannya dalam ucapannya itu. Beliau telah membawa perkara surat yang disebut dalam ucapannya itu mengatakan saya mencerca profesyen-profesyen peguam membuat tuduhan keterlaluan kepada peguam-peguam mengatakan semua peguam-peguam itu adalah penipu termasuk peguam-peguam macam Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri semuanya penipu, itu dituduhnya kepada saya dengan sebab satu surat. Di sini terpaksa saya menjelaskan dengan sejelas-jelasnya supaya tidak ada keliru lagi di mana-mana jua pun. Surat jawapan yang ada padanya itu dia menyebutkan jawapan surat saya sahaja. Saya bacakan di sini surat orang yang mula menulis daripada Perak itu kepada saya bagaimana timbul jawapan macam ini. Begini bunyinya surat itu:

“Mohd. Ibrahim b. Sulaiman,
Kampung Batu Dua,
Jalan Stesyen,
Tapah, Perak.
30hb Jan, 1975.

Kepada,
Y.B. Menteri Undang-undang
dan Peguam Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Tuan Yang Berhormat,

*Minta Nasihat dan penjelasan,
apa yang patut dibuat*

Dengan hormatnya adalah saya seperti nama dan alamat yang tersebut di atas memaklumkan kepada Tuan Yang Berhormat, iaitu pada 7-3-74 yang lalu, saya telah mendapat kemalangan dilanggar oleh sebuah bas di hadapan Pejabat Pos, Tapah.

Setelah saya diberi rawatan kecemasan di Hospital Daerah, Tapah saya terus dihantar ke Hospital Besar, Ipoh pula untuk rawatan sepenuhnya.

Saya telah tinggal di Wad Hospital kerana rawatan itu mulai dari 7-3-74 hingga 24-4-74 dan kemudian sebagai Pesakit Luar (Outpatient) pula hingga 4-9-74.

Sungguhpun demikian, penderitaan saya belumlah pulih seperti sediakala, saya tak boleh duduk bersila dengan sempurna, apatah lagi untuk menunaikan fardu sembahyang, kerana kaki (bahagian lutut) saya belum lagi boleh dilipat-lipat dengan rapatnya—sakit.

2. Semasa saya dalam rawatan di Wad Hospital itu, saya telah didatangi oleh orang tengah (peguam)—orang tengah (peguam) itu tout—saya ingat Yang Berhormat itu menuduh saya tout juga; ini yang saya hendak jawab—yang mengaku untuk menolong saya, untuk mendapatkan wang bayaran saguhati di atas penderitaan saya daripada pihak Syarikat Assurance yang berkenaan.

Pada 6-1-75 (iaitu 13 hari sebelum kes kemalangan itu selesai di Mahkamah pada 18-1-75) yang lalu, saya telah dihubungi oleh seorang tengah (peguam) yang tersebut dengan mengatakan, iaitu wang bayaran saguhati kerana penderitaan saya hanya boleh dapat \$1,250 sahaja, termasuk sekali wang bayaran komisen kepadanya (peguam) sebanyak 25%.

Pada 18-1-75 barulah kes kemalangan saya itu dibicarakan di Mahkamah Majistret, Tapah di mana pemandu bas itu didapati bersalah dan dihukum denda.

3. Oleh itu, besarlah harapan saya kepada Tuan Yang Berhormat, saya memohonkan nasihat dan pertolongan penjelasan berkenaan dengan wang bayaran saguhati tersebut.

Sekianlah sahaja dimaklumkan, disudahi dengan berbanyak-banyak terima kasih, adanya.

Saya yang benar,

t.t.

(MOHD. IBRAHIM BIN SULAIMAN)

Saya jawab begini:

“Pada menjawab surat saudara saya menyatakan iaitu saudara jangan melayan atau menerima nasihat orang tengah (peguam) yang saudara sebutkan itu, kerana kebanyakannya ialah penipu dan bayaran gantirugi dan sakit itu terlampau kecil. Dari itu saya nasihatkan saudara pergi jumpa salah satu dari dua orang peguam yang saya kenal baik dan boleh menolong saudara”

(Soalan No. 31 bertarikh 31-3-1976)

Saya sebut di sini orang tengah (peguam) itu yang kebanyakannya ialah penipu dan bayaran gantirugi itu amat sedikit, itu saya referkan orang tengah (peguam).

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jadi bukanlah Yang Berhormat Menteri mengatakan semua peguam penipu?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tidak. Ada ditulis huruf yang dia kata “tout” itu makna orang tengah (peguam), kalau orang tengah, orang tak faham. Orang tengah ini orang hendak kahwin pun orang tengah juga. Bila orang tengah pergi berjumpa dengan peguam maknanya tout.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jadi orang tengah (peguam).

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ya. Orang tengah (peguam) dalam *Hansard* ini pun ada. Kemudian dia menuduh saya mengatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini termasuk Perdana Menteri, loyar-loyar di sini pun semuanya penipu. Tuduhannya tidak patut. Takkanlah Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebagai seorang loyar tidak faham atas bahasa ini sebagai seorang peguam. Macam-mana? Kalau dia seorang peguam tidak faham makna orang tengah (peguam) itu bukan peguam, saya tidak tahulah bagaimana dia menjadi loyar. Kemudian katanya, saya tambah lagi, kita boleh menganggap pada orang biasa itu touting iaitu apakala hendak mencari kes. Kita rekomen pergi jumpa peguam ini, peguam sana, peguam itu, sebab peguam dia bagus dan lain-lain, ini dalam bahasa kasar touting. Apabila touting dijalankan oleh Menteri maka amat mendukacitakan kita, Menteri sudah menjadi tout pula. Tout itu maknanya saya rekomen kerana di Perak belum lagi kita tubuhkan Biro Bantuan Guaman tetapi di negeri lain sudah ada. Dengan sebab tidak ada Biro Bantuan Guaman maka sebagai Peguam Negara adalah kewajipan saya (I am duty bound), saya patut menasihatkan orang yang miskin, orang tua itu pergilah jumpa seorang dua peguam yang saya kenal di sana yang boleh menolongnya dengan bayaran yang tertentu mengikut peraturan mahkamah, sebanyak-banyaknya \$100 atau \$200.

Ini mengambil komisyen 25%. 25% itu adalah salah dan seorang peguam sekiranya didapati boleh dibuktikan yang dia mengambil komisyen 25% boleh digantung lesen-nya daripada practice. Sekarang saya sudah dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, pada 1hb April dia mengirim surat kepada saya dan saya kata saya sudah kena soal: awak punya fasal, saya kena soal di Parlimen, dia tulis surat kepada saya. Dia kata di sini—ada suratnya pada saya, kerana saya akan ambil disciplinary action nama loyar tersebut. Loyar itupun datang ke hospital dan menetapkan 25%. Saya akan mengambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua. Ini lagi berat, loyar bersama-sama tout yang kedua pula datang. Nama sudah diberi kepada saya dan katanya dia sudah puas hati sekarang kerana loyar baru hendak menuntut \$6,000. Cuba, Tuan Yang di-Pertua, tengok betul-betul sebagai seorang loyar \$1,250 dengan \$6,000. Rupanya dalam surat itu tout menyatakan iaitu pak cik ini sudah tua, hidup tidak lama lagi, cukuplah \$1,250. Ini kita tahu orang tengah (tout) ini dia mendapat komisyen daripada loyar itu. Kalau saya rekomen satu orang berjumpa dengan saya misalnya, ada seorang kena langgar, mengirim surat kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengatakan dia kena langgar, saya teringat Yang Berhormat itu dari Permatang Pauh. Saya tak kenal yang lain-lain, cubalah pergi berjumpa dengan peguam daripada Permatang Pauh, maka takkan hendak dikatakan saya tout, kerana seorang tout itu ada mengambil upah (komisyen). Perkara seorang yang berkehendakkan bantuan loyar daripada mana-mana loyar yang dia kenal adalah bukan satu kesalahan. Hakim-hakim sendiri pun saya bertanya, bila seseorang itu berkehendakkan layar, pergilah berjumpa ada 3-4 orang loyar yang nama-namanya disebutkan. Ini adalah kewajipan kita membantu seorang yang miskin.

Saya hendak terangkan di sini sebab saya banyak menerima surat-surat daripada kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat, dia fikir saya ini Menteri Undang-undang semualah nasihat Undang-undang itu datang daripada saya, bukan Ahli-ahli Yang Berhormat di tiap-tiap kawasan. Saya menolong mereka itu, misalnya, daripada Kelantan, Johor, Negeri Sembilan jumpalah loyar ini atau Biro Bantuan Guaman. Kalau ini dikatakan tout dan saya tak layak menjadi Menteri oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang

Pauh, saya pulangkan kepada Ahli Yang Berhormat di sini untuk menimbangkannya. Bagi saya terpaksa saya menjelaskan dengan sejelas-jelasnya kerana kalau tidak dijelaskan maka Ahli Yang Berhormat sendiri memikirkan betul pula diri saya ini menjadi tout dan juga ada upah daripada mereka itu.

Perkara yang kedua yang dibangkitkannya ialah tiap-tiap undang-undang seberapa yang boleh hendaklah direferkan kepada Bar Council atau Majlis Peguam. Saya sudah banyak kali bercakap di sini bahawa tiap-tiap undang-undang yang kita buat adalah rahsia dan surat-surat itu dijadikan cabinet paper, rahsia besar sehingga diluluskan oleh Kabinet. Kalau sebelum dihantar kepada Kabinet hendak dihantar kepada Majlis Peguam dibincangkan lebih dahulu, kalau dia tidak puas hati, dia masukkan dalam suratkhbar, bercakap sana-sini, kertas itu belum dibawa kepada Jemaah Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat pun belum tahu apa akan jadi kepada kita ini pada hal Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat, mewakili rakyat yang berkuasa dalam Perlembagaan membuat dan membincangkan undang-undang, yang membuat undang-undang ini ialah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, bukan peguam.

Saya berjanji di sini iaitu berkenaan dengan undang-undang menyentuh professionnya, saya pulanglah kepada peguam membuatnya dan ada perkara-perkara lain yang saya fikir menyentuh profession peguam itu, kita refer, tetapi selain daripada itu saya tidak akan hantar lebih dahulu kepada Majlis Peguam melainkan mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri atau Kabinet. Biasanya apabila telah lulus, kita cetak, kita hantar terus lima salinan kepada Majlis Peguam, itupun Ahli Yang Berhormat belum dapat lagi, dia sudah dapat dahulu. Maka mereka itu bolehlah membuat pandangan-pandangan dan kadang-kadang pandangan-pandangan itu boleh diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini untuk dibincang dan dibangkitkan di sini. Daripada pandangan-pandangan itulah kita dapat tahu pada dua tiga perkara yang lepas setelah kita pinda undang-undang itu selepas mendapat pandangan daripada Majlis Peguam. Tetapi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak bersetujui segala undang-undang hendaklah kita hantar lebih dahulu untuk dibincangkan dan mengambil pandangan mereka itu sebelum dibawa kepada Jemaah

Menteri ataupun diberikan naskahnya kepada Ahli Yang Berhormat dan seberapa yang boleh saya akan cuba juga rujuk kepada Majlis Peguam dan perkara ini saya beri jaminan di sini, saya akan berjumpa dengan Majlis Peguam dan membincangkan perkara ini apakah undang-undang yang patut kita rujuk kepadanya supaya mendapat pandangan sebelum kita bawa ke Dewan ini. Tetapi bukanlah semua undang-undang mesti dihantar kepada Majlis Peguam sebagaimana cadangan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

4.51 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan jawapan-jawapan yang telahpun dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perbahasan dalam masa empat lima hari tatkala membincangkan usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya suka menjawab kepada teguran-teguran yang dibuatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Kepala Batas dan juga Seberang Prai yang telah mengesyorkan supaya Malaysia mengambil tindakan bagi menghapuskan apa-apa kekhuatiran atau salah faham di kalangan negara-negara Indo-China dan Burma mengenai ASEAN. Saya suka menyatakan bahawa usaha-usaha sedemikian sedang dijalankan oleh perwakilan-perwakilan diplomatik Malaysia di negara-negara itu. Perwakilan-perwakilan kita sentiasa memberi keterangan yang lengkap kepada Kerajaan itu mengenai dasar luar kita termasuklah kegiatan Malaysia di dalam ASEAN serta tujuan-tujuan ASEAN sendiri. Di sini saya suka menambah iaitu buat masa sekarang di dalam negara-negara Indo-China kita ada kedutaan kita di Burma, di Laos dan di Hanoi dan kita berharap dengan tiga perwakilan kita yang ada di sana itu kita akan dapat memberikan keterangan yang jelas lagi selepas daripada Perisytiharan Bali baru-baru ini, dan juga di Hanoi baru sahaja kita tubuhkan dengan menghantarkan perwakilan kita yang pertama di sana semenjak dua bulan yang lepas iaitu di dalam bulan Januari tahun ini. Jadi kita harap dengan adanya kedutaan kita di Hanoi ini akan memberikan lagi penjelasan di atas kegiatan-kegiatan ASEAN, tujuan dan hasrat yang sebenar dasar tujuan ASEAN ini.

Sepertimana barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan ASEAN ini seperti mana yang telah diterangkan pada masa-masa yang lepas ialah untuk memupuk kerjasama ekonomi dan kebudayaan di antara negara-negara yang ada di dalam Asia Tenggara ini dan ternyatalah di dalam Deklarasi ASEAN Concord yang telahpun diputuskan oleh Ketua-ketua Negara-negara ASEAN yang bersidang di Bali baru-baru ini yang hasratnya bertujuan untuk memberikan kerjasama dan memberikan kemakmuran kepada rakyat yang ada di dalam negara-negara ASEAN ini. Adalah terang iaitu usaha ASEAN tidak sekali-kali seperti mana yang telah dinafikan beberapa kali oleh Ketua-ketua dan juga Menteri-menteri Luar ASEAN bahawa tidak ada kaitan dengan kerjasama keselamatan hanya semata-mata seperti mana yang tercatat dalam Concord ini ialah kerjasama ekonomi yang ditubuhkan dan ini akan diusulkan oleh negara-negara ini yang telahpun selepas daripada kemuncak itu diadakan Menteri-menteri Perdagangan ataupun Menteri-menteri Ekonomi yang telahpun bersidang di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk kerjasama supaya kerjasama ekonomi pada masa-masa yang akan datang dapat dipereratkan lagi supaya memperbaiki taraf hidup rakyat yang ada di dalam negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit yang mana telahpun ditegur oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat yang telah membangkitkan persahabatan dasar luar negeri. Untuk menjawab teguran-teguran itu, Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil perhatian atas keadaan-keadaan yang terdapat dalam negara kita. Keadaan keselamatan dalam negara kita tentulah menjadi panduan dalam membentuk dasar luar kita. Sekiranya keadaan dalam negeri berubah maka dasar luar negeri kita seharusnya akan disesuaikan dengan perubahan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga telah menyentuh mengenai ucapan tahniah dari Parti Komunis China kepada Parti Komunis Malaysia tahun lalu. Saya suka menyatakan bahawa saya telahpun menjawab pertanyaan ini di masa-masa yang lepas. Kita telahpun membuat bantahan kepada Kerajaan China menerusi Duta Besarnya di Kuala Lumpur. Beliau telah dipanggil oleh Kementerian Luar Negeri dan telah diberikan penerangan atas sikap Malaysia terhadap

perkara ini. Pihak Kerajaan China telahpun mengambil perhatian atas bantahan Kerajaan kita sepertimana teguran itu tidaklah benar iaitu tidak ada penjelasan daripada pihak Kerajaan kita ataupun Kementerian Luar Negeri di atas kedudukan apakah tindakan yang dibuat oleh pihak Kementerian Luar Negeri.

4.57 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab teguran, pandangan dan syor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja di Dewan ini. Terlebih dahulu, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan itu dan semua pandangan tersebut adalah diberi perhatian oleh Kerajaan menurut sewajarnya.

Ahli dari Kota Melaka, telah membangkitkan, antara lain soal perpaduan negara sama ada negara sudah lebih bersatupadu atau sebaliknya menjadi sebuah negara yang berpecah-belah. Ia juga menyebut pemuda-pemudi sekarang sudah ketiadaan Malaysian Minded. Beliau seterusnya mencadangkan supaya sebuah Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan bagi menyiasat masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa sedar pencapaian matlamat perpaduan, di kalangan rakyat Malaysia ini, adalah satu matlamat yang sangat penting dan memakan masa yang panjang. Proses mencapai matlamat itu, bukan sahaja memerlukan masa dan persefahaman, tetapi juga amat kompleks. Kerajaan berusaha giat supaya mencapai tujuan perpaduan negara itu, dan insaf bahawa segala rancangannya, tidak akan memberi sebarang makna sekiranya rakyat kita tidak bersatupadu. Dasar Kerajaan, dari semua aspek, telah digerakkan ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara. Sejak tahun 1970, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan yang lebih dinamis dan perimbangan guna tenaga bagi menjadikan rakyat berbilang kaum ini, satu masyarakat yang bersatupadu. Langkah ini diambil hasil dari pelajaran pahit peristiwa 13 Mei dahulu.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat itu juga patutlah sedar, tanggungjawab mencapai matlamat perpaduan negara bukanlah

terletak kepada usaha Kerajaan semata-mata. Setiap rakyat, setiap golongan masyarakat, termasuklah parti Pembangkang seperti D.A.P., wajib memainkan peranan mereka dalam menghadapi masalah perpaduan dan membantu mengatasi rintangan yang timbul, dalam melaksanakan usaha ini. Perpaduan parti-parti politik dan pembentukan Kerajaan Barisan Nasional, merupakan satu langkah ke arah matlamat perpaduan negara dibidang politik. Pendek kata, Kerajaan telah berbuat apa sahaja untuk perpaduan ini. Tetapi bagaimana halnya dengan D.A.P. yang bertempik menyebut perpaduan tetapi rekodnya menunjukkan dialah yang menjadi punca pecah-belah menyemaikan perasaan bencikan Kerajaan, menggunakan setiap issue yang boleh menarik orang ramai menyokongnya di bawah topeng demokrasi. Satu contoh yang menarik, Tuan Yang di-Pertua, bila parti-parti politik di Sarawak setuju bersatu, D.A.P. mengumumkan ia mahu buka cawangan di sana untuk menanggung di air keroh dan cari kesempatan. Inilah yang dikatakan hendakkan perpaduan?

Dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat itu patut meninjau dan memikirkan apakah peranan positif yang sesuai dimainkan oleh partinya dalam membantu usaha mencapai perpaduan negara ini. Seperti yang diketahui umum, D.A.P. tidak putus-putus menimbulkan issue yang boleh memecah-belahkan rakyat yang inginkan perpaduan. Sehingga perasaan sentimen perkauman mudah sangat tersinggung oleh kata-kata dan hasutan daripada parti itu. Saya sebutkan hal ini Tuan Yang di-Pertua, kerana pada ketika kita giat menggalakkan rakyat mempelajari Bahasa Malaysia, D.A.P. masih berkempen dengan slogan multi-lingualismnya. Ketika Kerajaan berusaha menyelesaikan masalah tanah, rumah dan lain-lain kemudahan bagi orang-orang setinggan, D.A.P. sibuk menghasut golongan itu dengan menyatakan Kerajaan tidak sungguh-sungguh dengan usahanya. Bahkan semasa Ahli Yang Berhormat itu berucap, Tuan Yang di-Pertua telah menegurnya beberapa kali, kerana menggunakan perkataan yang boleh menaikkan perasaan marah atau bermusuhan. Saya sukalah mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu tiap-tiap orang yang mendokong cita-cita perpaduan rakyat hendaklah membuktikan keikhlasannya, bukan sahaja dengan kata-kata manis tetapi

penuh beracun bahkan juga pada amalannya. Janganlah cuba menjadi pahlawan dengan mencari kesalahan orang lain sahaja.

Mengenai ketiadaan Malaysian minded pemuda-pemudi sekarang ini, pada hemat saya, tidaklah baik membuat perbandingan kerana keadaan telah berubah. Namun demikian, dalam beberapa aspek, seperti sukan dan lain-lain pemuda-pemudi kita sekarang lebih Malaysian minded dari angkatan pemuda 20 tahun dulu.

Menyentuh cadangan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja menyasiat keperluan perpaduan rakyat, ini tidaklah perlu kerana semua Dasar Kerajaan telahpun digerakkan ke arah perpaduan. Di samping itu Lembaga Perpaduan Negara telah juga diwujudkan untuk memupuk perpaduan rakyat di negara ini dan membantu usaha pembentukan satu masyarakat yang bersatupadu, demokratik, adil, liberal dan progresif, sejajar dengan prinsip Rukunegara. Bagi mencapai tujuan ini, satu Panel Penasihat, terdiri dari 16 orang pakar dengan ini dipengerusikan oleh Pengerusi Kerja Lembaga telah ditubuhkan. Ahli-ahli Panel ini, bukan sahaja mewakili berbagai-bagai kaum, tetapi juga mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang kemasyarakatan dan perkhidmatan awam. Panel Penasihat ini telah memberi nasihat berfaedah kepada Kerajaan mengenai masalah perhubungan kaum. Satu penyelesaian yang menasabah yang bercorak jangka panjang sedang dibincangkan untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai perkara kemiskinan di luar bandar dan di bandar. Beliau mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan penyelidikan segera mengenai masalah sosio-ekonomi untuk keamanan dan kestabilan negara. Beliau berpendapat supaya Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, dikekalkan dan tidak diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya penyelidikan masalah sosio-ekonomi di negara ini seperti kemiskinan, setinggan, kampung-kampung baru dan penaja dapat diberi perhatian sewajarnya. Bagi menjawabnya, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa sedar pentingnya menjamin keamanan dan kestabilan negara supaya rakyat dapat hidup dalam aman dan bahagia. Kerajaan telah dan sedang memberi

tumpuan dan perhatian penuh terhadap penyelidikan sosio-ekonomi supaya langkah yang lebih berkesan bagi menyelesaikan masalah perumahan, kemiskinan, pengangguran dan sebagainya dapat dititikberatkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai syor supaya Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya suka memberi jaminan bahawa susunan baru ini tidaklah menjejaskan perjalanan dan "performance" Bahagian ini, malah akan membolehkan tugas-tugas dan fungsinya dikukuhkan dan diselaraskan, secara "integrated".

Ahli Yang Berhormat itu juga berpendapat supaya Biro Pengaduan Awam diberi kuasa penuh untuk membolehkan Biro menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan dalam menyelesaikan aduan-aduan orang-ramai. Kerajaan sedar terhadap batasan kuasa dan kesulitan yang dihadapi oleh Biro di dalam menjalankan tugasnya pada masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat sebuah Pasukan Petugas telahpun ditubuhkan untuk mengkaji semula fungsi Biro tersebut dan membuat syor supaya Biro ini dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Sementara itu Biro tersebut telahpun mengambil tindakan yang perlu supaya semua pengaduan dari rakyat mendapat perhatian dan tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh, antara lain, masalah kemiskinan yang beliau anggap sebagai satu faktor penting mengatasi masalah keselamatan negara. Beliau juga menyatakan kebimbangannya kerana terdapat rasa tidak puashati di kalangan satu golongan tertentu bahawa pelaksanaan dasar menghapus serta membasmi kemiskinan itu hanya memberi faedah satu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa dasar membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya semua golongan miskin dapat menikmati faedah sepenuhnya. Pelaksanaan dasar dalam bidang keselamatan diselaraskan dengan usaha supaya gerakan menghapuskan ancaman pengganas komunis tidak akan terjejas. Kerajaan berazam akan meningkatkan lagi usaha di bidang ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan

memperbaiki lagi tarf hidup rakyat, menyediakan kemudahan perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah khususnya memastikan bahawa harga rumah-rumah itu adalah dalam kemampuan mereka yang berkenaan, membanyakkan lagi kemudahan pelajaran, kesihatan dan sebagainya, akan diperhebatkan lagi dalam kawasan bandar dan desa.

Kerajaan sedang mengkaji jentera pelaksanaan rancangan pembangunan, khasnya di peringkat "grass root" supaya Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat akan berpeluang meneliti dengan lebih mendalam mengenai hal ini apabila Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan di Parlimen ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan peranan rakyat dalam menyalurkan permohonan mengenai projek-projek tertentu dari rakyat telah ditolak oleh pegawai Kerajaan. Saya suka menjelaskan bahawa pegawai Kerajaan semasa menimbangkan projek dan rancangan adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan tertentu. Oleh yang demikian, adalah penting bagi wakil rakyat apabila menerima permohonan sesuatu projek daripada penduduk di kawasan masing-masing hendaklah meneliti dan menimbangkan samada projek itu sangat perlu dan sesuai untuk dikemukakan kepada Kerajaan. Sekiranya, pada hemat seseorang wakil rakyat itu, permohonan yang dikemukakan itu difikirkan tidak dapat dilaksanakan, adalah menjadi tugas mereka memberi penerangan dan penjelasan kepada penduduk yang telah mengemukakan permohonan tersebut mengenai kedudukan sebenarnya dan membantu mereka merancang projek yang munasabah dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah menyentuh tentang kemajuan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dikatakannya telah tidak dibuat dengan teratur dan memuaskan. Beliau telah mencadangkan supaya kedudukan monopoli syarikat besar dikaji dan diteliti. Beliau mahu diadakan suatu jadual menentukan penyampaian perkembangan ekonomi bumiputra; dan menghapuskan faktor yang boleh menghalang perkembangan penyertaan bumiputra dalam semua bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang perlu untuk menentukan penyampaian Dasar Ekonomi Baru, dengan pesatnya. Kedudukan monopoli syarikat besar sentiasa dikaji dari masa kesemasa untuk menentukan supaya kepentingan rakyat ramai sentiasa terjamin dan tertakluk kepada dasar pelaburan negara untuk menarik pelaburan yang boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Dasar Kerajaan ialah untuk menentukan perlindungan atau protection yang diberi kepada perusahaan itu selaras dengan Dasar Ekonomi dan sosial negara kita.

Dalam soal jadual menentukan penyampaian objektif Dasar Ekonomi Baru, saya suka menyatakan Kerajaan mempunyai matlamat atau targets untuk sektor-sektor yang strategik, supaya kemajuan perlaksanaannya dapat disukat dari masa ke semasa. Sungguhpun kita tidak mempunyai Master Plan yang menunjukkan semua matlamat dalam semua sektor, tetapi dalam sektor strategik, kita mempunyai matlamat tertentu. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, strategi pelaksanaan ini akan diperbaiki bagi menghasilkan faedah yang lebih berkesan. Pada masa ini, Jabatan Perdana Menteri sedang mewujudkan satu sistem "monitoring" yang digunakan untuk memperbaiki dan melicinkan lagi proses pelaksanaan objektif Dasar Ekonomi dan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha menghapuskan masalah yang boleh menghalang penyertaan Bumiputra dalam sektor ekonomi, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memudahkan penambahan penyertaan Bumiputra dalam semua sektor. Kemudahan kredit telah diadakan dengan lebih banyak lagi. Demikian juga khidmat nasihat untuk bimbingan. Perkara yang lebih penting ialah keistimewaan yang diberi dalam sektor-sektor tertentu. Kemudahan dan peluang ini telah banyak membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, perhatian yang lebih akan diberi untuk menolong lebih ramai Bumiputra, dalam semua sektor.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam, antara lain, telah menegur Kerajaan terlalu bergantung kepada

pakar-pakar asing dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua dan berharap tidak dilakukan lagi dalam merangka Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya suka menjelaskan sungguhpun pakar-pakar asing telah digunakan bagi Rancangan Malaysia Kedua, tetapi sumbangan mereka adalah dalam lapangan teknikal sahaja. Dengan adanya penyediaan pengalaman perancangan atau build up in planning experience, pergantungan atau dependence kepada pakar asing telahpun dikurangkan. Dasar sekarang tidak lagi menempatkan pakar asing di Bahagian Perancang Ekonomi. Apa yang ditekankan ialah tugas mereka bersifat perunding atau consultant dalam bidang penyelidikan. Peranan pakar asing yang ditempatkan di Bahagian Perancang Ekonomi ialah untuk menyelaraskan kerja penyelidikan bersama-sama Badan-badan Antarabangsa, seperti Bank Dunia, United Nations Development Program dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh berkenaan dengan aktiviti penyeludupan barang termasuk dadah. Beliau juga menyatakannya di kawasan Kuala Selangor terdapat pegawai Kerajaan kerap kali di jamu oleh peniaga tempatan. Beliau mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan terhadap amalan ini.

Bagi menjawabnya saya suka menyatakan bahawa di bawah Perintah Am Pegawai Kerajaan adalah dilarang menerima sebarang jemputan keraian daripada orang awam sekiranya keraian tersebut boleh mempengaruhi tugas-tugas mereka.

Saya suka memberi pengakuan bahawa perkara ini akan disiasat dan sekiranya kejadian itu benar berlaku, pegawai yang berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib sewajarnya. Untuk memudahkan siasatan ini saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi keterangan lanjut seperti nama-nama pegawai yang terlibat serta tarikh dan tempat peristiwa ini berlaku.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh tentang adanya musuh negara iaitu agen atau kader komunis yang berjaya menjadi orang penting dalam pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingati Ahli Yang Berhormat berkenaan

supaya jangan secara melulu dan tanpa sebarang penyiasatan melempar tuduhan ke atas orang yang tidak mempunyai peluang membela diri di Dewan ini. Janganlah menggunakan keistimewaan Ahli Dewan ini untuk menabur fitnah dan melepaskan dendam hati menyelar pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas tulus ikhlas itu, melaksanakan arahan pemimpin atau dasar yang telah ditetapkan. Saya berharap jagalah kehormatan dan kemuliaan Dewan ini dan lebih berhati-hati dan tidak menggunakan keistimewaan Dewan ini mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung perasaan orang. Tuduhan menjadi kader komunis atau menuduh tempat penting dalam Kerajaan dirasuki komunis amatlah berat. Tujuan membuat tuduhan ini, pada hemat saya, kerana tidak dapat tanduk, telinga di pulas.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa sedar akan bahaya anasir anti-nasional dan agen komunis yang mengancam keselamatan negara kita. Setakat ini, Kerajaan belum lagi mempunyai bukti tentang adanya pegawai atau kakitangan Kerajaan yang telah digunakan oleh komunis sebagai agen mereka. Kerajaan sentiasa meneliti kegiatan pegawai dan kakitangannya Kerajaan menjalankan tapisan keselamatan atau security vetting atas tiap-tiap pegawai sebelum mereka memegang jawatan penting.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan soal-soal parti dalam Dewan ini sambil mengesyorkan supaya saya dan Kerajaan mengambil nasihat dan teguran dari pemimpin lama yang telah banyak berkorban. Saya tidak berhajat hendak komen mengenai hal itu di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Rantau Panjang merasa kesal kerana kegiatan dakwah tidak memberi kesan yang diharapkan. Saya suka menyatakan bahawa dakwah yang telah dijalankan oleh Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri meliputi kursus dakwah di Instituti disertai oleh siswa-siswi, belia-belie, murid-murid sekolah menengah, guru mubaligh, polis, tentera dan lain-lainnya.

Kejayaan dakwah tidaklah boleh dilihat sebagai kesan pelaksanaan projek berbentuk kebendaan. Junjungan kita, Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam menjalankan dakwah Islam, memakan masa yang begitu lama baru dapat dilihat kesannya. Jelaslah

kejayaan pembangunan rohani itu adalah satu usaha yang tidak dapat dikira dengan angka, atau mengikut perhitungan kemajuan manusia sendiri.

Urusan dakwah dan reformasi Islam bukanlah satu kerja yang mudah kerana tugasnya bukan sekadar mengubah sistem politik atau ekonomi sahaja. Ia adalah merupakan dakwah Islam seluruhnya, yang meliputi akidah, akhlak dan urusan politik, ibadat, tingkah laku perseorangan dan masyarakat.

Kerjasama dari semua pihak amatlah perlu dalam melaksanakan tugas dakwah ini. Berkerjasama, sebagai satu barisan yang teratur rapi, bukan hanya dipikul oleh ahli-ahli dakwah sahaja, tetapi setiap orang Islam bertanggungjawab terhadap tugas dan peranannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menyeru Kerajaan supaya satu agensi khas dibentuk untuk membantu orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Bagi menjawabnya, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar atas masalah ekonomi dan sosial orang-orang Melayu di Pulau Pinang yang serba ketinggalan. Kerajaan sedang memberi perhatian serious atas masalah itu. Satu pasukan Petugas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat pada akhir bulan September tahun lalu dan ia telahpun menyiapkan laporannya, dan saya percaya akan dikemukakan secara rasmi. Pasukan Petugas itu bertanggungjawab mendapatkan segala pandangan dan pendapat orang Melayu di Pulau Pinang dan telah mengkaji secara mendalam masalah ekonomi dan sosial mereka. Pasukan Petugas itu juga akan menentukan projek-projek yang boleh dilaksanakan serta mencadangkan bantuan bagi disalurkan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat itu bolehlah dipertimbangkan oleh Kerajaan bersama-sama dengan laporan Pasukan Petugas jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap mengenai kedudukan keselamatan negara, dan memberi sokongan di atas langkah yang telah diambil oleh Kerajaan menentang ancaman pengganas kominis dan anasir anti-nasional. Setengah-setengah pendapat itu lebih mementingkan usaha Kerajaan sahaja tetapi tidak

menitikberatkan sangat peranan mereka dan rakyat seluruhnya. Titah ucapan di-Raja menyebut keselamatan negara adalah keselamatan adalah keselamatan rakyat sendiri. Oleh itu, mustahaklah rakyat melibatkan diri sepenuhnya dalam semua usaha Kerajaan bagi menjamin keselamatan negara. Penglibatan rakyat ini haruslah dipelupuri sendiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil rakyat. Dalam menghadapi keadaan keselamatan sekarang ini, tidak seorang pun rakyat negeri ini patut mempunyai sikap menjadi pemerhati sahaja. Saya suka melihat supaya Ahli-ahli Yang Berhormat selaku wakil rakyat mengambil bahagian aktif dalam gerakan mengembeling tenaga dan membulatkan semangat rakyat di kawasan masing-masing, dalam perjuangan menentang ancaman pengganas kominis.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya suka sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan itu. Saya berasa puas hati kerana didapati ramai ahli-ahli semasa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja itu menunjukkan kesedaran mereka betapa pentingnya keselamatan negara dan telah memberi perhatian penuh kepada ancaman yang kita hadapi ini. Dalam menghadapi masalah keselamatan negara ini, Kerajaan akan menggunakan segala daya-upayanya dan kekuatan yang ada padanya untuk mencapai keamanan dan kestabilan.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan ada pada kita. Semangat dan keazaman juga ada pada kita. Gunakanlah kekuatan ini untuk menentukan masa depan negara kita supaya negara tetap bahagia, aman dan makmur. (*Tepuk*).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manikavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan atas usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai dipertimbangkan atas usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

5.31 *ptg.*

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan beberapa buah fikiran dan teguran terhadap badan-badan berkanun dan perbadanan awam di bawah kawalan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyentuh berkenaan dengan bas-bas MARA yang diserahkan kepada syarikat-syarikat bumiputra adalah tua dan buruk. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menyatakan dengan tepat mana-mana syarikat yang dimaksudkan itu, saya tidaklah dapat memberi penjelasan yang lebih jelas tentang perkara ini. Walau bagaimanapun dalam menjalankan penyerahan kepada syarikat-syarikat itu pihak MARA hanya dapat menyerahkan apa yang ada pada syarikat pada masa itu. Harga-harga yang dinilai adalah berdasarkan kepada harta-harta syarikat semasa persetujuan di antara pihak MARA membuat penyerahan dengan pihak syarikat bumiputra yang membelinya. Pihak MARA dalam menentukan syarikat-syarikatnya yang akan dijual adalah berasaskan bahawa syarikat-syarikat itu sedang berjalan dengan baik dan mempunyai keupayaan untuk mendapat keuntungan selanjutnya. Penyerahan itu adalah dibuat setelah kedua-dua pihak bersetuju dengan harga dan syarat-syarat lain.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh tentang cadangan mengenai pembubaran Lembaga Kraftangan. Sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini Kementerian saya sedang dalam proses memperkemas perjalanan Lembaga ini melalui beberapa pindaan dan peraturan dan adalah diharapkan melalui pindaan tersebut, kuasa Lembaga akan diperkemas lagi dan perjalanan Lembaga akan lebih licin. Di samping itu juga Kementerian saya sedang mengkaji dan meneliti perjalanan Lembaga ini untuk membolehkan ianya memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada masyarakat dan kepada ahli-ahli kraftangan khususnya. Oleh itu pada hemat Kementerian saya penubuhan satu perbadanan yang lain adalah tidak mustahak.

Berhubung dengan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau yang menyatakan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) mengambil pendapat dari pengilang-pengilang dalam menentukan harga padi adalah tidak benar. Harga tawaran Lembaga Padi dan Beras Negara adalah ditentukan oleh Jemaah Lembaga itu sendiri dan diluluskan oleh Kerajaan setiap kali sebelum musim menuai hendak tiba. Dari segi mempertahankan harga beras yang berpatutan dan stabil, Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga Beras di mana harga-harga maksima telah ditetapkan menurut kelas, panjang, sederhana dan pendek dan harga-harga ditetapkan di peringkat pengilang, borong dan runcit mengikut zone-zone di mana ianya dijual. Tentang mengambil fikiran dari petani-petani, sebenarnya Kerajaan memanglah dalam menentukan harga padi ini mengambil juga kepentingan petani-petani. Dan dalam Jemaah Lembaga L.P.N. adalah mengandungi orang-orang berkaitan secara langsung dengan penanaman padi. Di antara Ahli-ahli Jemaah L.P.N. adalah terdiri:

Timbalan Pengerusi,

Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.

Pengurus, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, serta seorang Ahli tidak rasmi yang lain.

Sayugia ditegaskan bahawa dalam menetapkan harga tawaran pihak L.P.N. sentiasa menimbangkan kedua-dua objektif yang disebutkan ini iaitu pertamanya untuk memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani, dan kedua harga

beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, petani-petani di kawasan-kawasan Jelapang padi negeri Kedah/Perlis telah menikmati harga padi yang lebih tinggi dari harga tawaran padi L.P.N. dalam musim menuai yang baru lepas sepertimana harga yang mereka perolehi di musim-musim menuai pada tahun-tahun yang lalu.

Seperkara lagi yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau ialah berkenaan dengan penyeludupan iaitu tentang tindakan-tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Saya sukacita memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memanglah memandang berat di atas perkara penyeludupan beras melalui sempadan Malaysia/Thai. Sungguhpun Kerajaan telah mengadakan sekatan-sekatan jalan yang tertentu di kawasan-kawasan sempadan dan kesan-kesan kekurangan penyeludupan telah dirasakan dalam masa dua tiga bulan yang lalu, nampaknya aktiviti-aktiviti penyeludupan ini telah meningkat semula. Memanglah benar bahawa untuk mengurangkan dan seterusnya memberhentikan penyeludupan beras ini memerlukan kerjasama di antara beberapa agensi Kerajaan yang tertentu, Kementerian saya akan menyelidiki perkara ini dengan badan-badan Kerajaan yang tertentu supaya hasrat Kerajaan untuk mencegah penyeludupan yang berleluasa itu dapat dirasai. Dalam perkara ini, sukacita saya menyatakan tindakan adalah dibuat secara coordinated, iaitu dijalankan di bawah satu pasukan penyelarasan aktiviti-aktiviti menentang penyeludupan. Beberapa tindakan yang berkesan telahpun diambil seperti merobohkan setor-setor haram di kawasan sempadan serta tangkapan-tangkapan ke atas beras dan barang seludup yang lain. Kalau ada Ahli Yang Berhormat dapati tak ada koordinasi di kalangan pihak yang bertugas mengawal penyeludupan, silalah Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan saya dan Kementerian saya akan berusaha membetulkan keadaan yang tidak diingini itu.

Saya juga ingin menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengenai prestasi anak-anak syarikat dan projek-projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang kurang memuaskan serta cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh beliau, ingin saya menyatakan di sini bahawa tiap-tiap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

mempunyai masaalah-masaalahnya yang tersendiri yang mana terbesar sekali ialah masaalah pengurusan dan kewangan. Berhubung dengan ini satu Seminar akan diadakan di akhir bulan ini untuk mengkaji masaalah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan projek-projek mereka serta mencari jalan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi yang telah membuat pandangan dan teguran mengenai beberapa perkara yang telahpun diambil ingatan oleh Kementerian saya dan mana-mana yang perlu dan berkenaan akan diambil pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya.

5.43 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah jagaan Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Grik telahpun menyebut dalam ucapan beliau dalam persidangan ini supaya jentera Kerajaan khususnya di bawah Jabatan Penerangan di perkokohkan lagi supaya dapat lengkap menjalankan peranan untuk menolong Kerajaan menjalankan tugas-tugas yang ada kaitannya dengan keselamatan. Beliau juga mengemukakan kepada Kementerian ini supaya mengambil perhatian atas masaalah elauun yang mengikut beliau tidak begitu sesuai bagi menggalakkan pegawai-pegawai kita bekerja di dalam kawasan-kawasan sensitif. Sebenarnya perkara keselamatan memanglah menjadi satu perkara yang sangat penting dalam Jabatan Penerangan maka oleh sebab itulah satu daripada tugas yang dijalankan dengan sendirinya apabila mengambil tugas menyusun dan memperkuatkan satu bahagian daripada Kementerian yang ada kaitannya dengan keselamatan. Sekarang ini Bahagian Penyelidikan kita telahpun diberi satu sistem baharu yang akan membolehkan kita melihat beberapa perkara yang mungkin ada kaitan dengan keselamatan dan yang boleh kita anggap sebagai asas merancang strategi-strategi untuk counter insurgency activities. Mengenai elauun untuk pegawai-pegawai, saya sukacita menerangkan di sini bahawa

pegawai-pegawai yang bekerja di dalam kawasan yang sensitif seperti Kroh, Grik dan Baling adalah dibayar elaun khas.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telahpun memberi dua cadangan iaitu satu untuk memperbanyakkan lagi rancangan-rancangan yang bercorak banyak dakwah supaya mengukuhkan iman rakyat kita. Kedua, dicadangkan supaya pegawai-pegawai berkecualan ugama ditambahkan supaya Jabatan Penerangan mempunyai penerangan-penerangan yang bercorak ugama lebih banyak lagi. Bagi jawapannya ingin saya memberi penjelasan di sini bahawa daripada segi rancangan TV dan Radio sekarang ini pun Kementerian saya sedang membuat satu rancangan iaitu plan dengan mana kita dapat mengemukakan satu presentation persembahan di TV dan Radio mengenai soal ugama tetapi di persembahkan dengan cara yang boleh menarik minat dan mempertahankan minat penonton-penonton sekalian. Rancangan ini saya harap akan dapat kita siapkan dalam masa enam bulan lagi.

Soal menyentuh Islam dan communism sedang ditimbang kerana kita pun sedar sekarang ini bahawa ada orang yang ingin hendak menerangkan ideologi komunis menerusi kononnya ajaran-ajaran Islam, kita akan kaji soal ini sedalam-dalamnya dan kita akan cuba mencari satu strategi dengan mana kita dapat menerangkan bahawa Islam dan communism itu tidak dapat bercampur seperti minyak dengan air.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan Ahli Yang Berhormat dari Matang telahpun menyentuh soal pengimpotan filem-filem daripada Barat dan mencadangkan supaya Kementerian saya berhati-hati dalam menayangkan filem-filem ini. Kita memanglah berhati-hati dalam memilih filem-filem yang kita impot daripada Barat dan saya terpaksa menyatakan bahawa kebanyakan filem-filem daripada Barat memanglah mengandungi banyak adegan-adegan keganasan dan adegan-adegan mengandungi sex dan lain-lain. Payah sekali kita hendak mendapat filem-filem yang tidak ada reference rujukan kepada sex dan violence pada masa ini. Jadi untuk menjalankan program kita, kita telah mengambil dua langkah: satu, memilih filem-filem yang mempunyai paling kurang adegan-adegan keganasan dan memotongkan sebahagian daripada filem-filem yang kita fikir akan mengajar penonton-penonton

bagaimana cara menjalankan keganasan. Langkah yang kedua ialah kita cuba hendak menayangkan segala filem-filem yang ada berupa keganasan tetapi tidak mengajar keganasan pada larut malam iaitu selepas daripada pukul 11.00 malam. Ini adalah dikehendaki supaya ibu-bapa dapat menghalang anak-anak mereka melihat filem-filem ini kerana anak-anak semua patutlah tidur sebelum pukul 11.00 malam.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telahpun mengatakan TV Malaysia menyiarkan cerita-cerita yang baharu sedikit ditayangkan dan janganlah cerita-cerita yang lama. Ini terpaksa berlaku pada masa sekarang ini kerana apakala kita membeli satu-satu series filem, kita terpaksa membayar harga ataupun sewa untuk the whole series iaitu daripada satu siri hingga tiga puluh ataupun lima puluh. Kalau kita tidak tayangkan pun, kita mesti bayar semua kepada kontrek itu, melainkan dengan jalan menambah banyak lagi belanja-belanja untuk menyewa filem, maka terpaksalah kita menghabiskan siri-siri yang kita sudah sewa dan kita bayar dan siri-siri ini pun kadang-kadang panjang dan tidaklah dapat kita mengambil bahan-bahan baharu dengan cepat sangat. Walau bagaimanapun, saya fikir dalam tahun ini kita akan dapat memperkenalkan tiga ataupun empat siri baru yang kita sudah dapat kesanggupan. Sekarang ini kita telah cuba hendak mendapatkan filem-filem baharu tetapi belum mendapat jawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah faham bahawa kita di Malaysia ini adalah satu daripada negara-negara yang sedang membangun yang tidak mampu untuk membayar sama banyak dengan negara seperti Jepun dan negara-negara barat yang berani membayar sewa filem sampai 10 kali ganda tingginya. Jadi, kita selalu terpaksa menanti sampai giliran yang lepas daripada setengah, hampir-hampir ke hujung mengikut rupa tender kita sendiri samada kita boleh membayar tinggi atau rendah. Kalau rendah kita terpaksa menanti lambat sedikit dan kalau kita berani bayar lebih tinggi lagi barangkali giliran kita akan dapat diawalkan lagi. Inilah latar belakang dengan mana kita dapat menyewa filem itu.

Filem-filem feature atau filem-filem yang menggambarkan satu cerita yang tidak ada berupa atau berkait-kait dengan series (serial) telahpun ditawarkan kepada kita dengan

satu group iaitu kalau kita hendak menyewakan dua tiga filem yang paling baik maka terpaksa kita membayar semua filem-filem lain dalam group itu samada digunakan untuk ditayangkan atau tidak. Jadi ada package filem yang selalu tawarkan dan kalau kita hendak mendapatkan filem yang cukup baik daripada beberapa group terpaksa kita membayar dua tiga group untuk mendapat dua tiga filem yang baik betul. Inilah sebenarnya faktor-faktor yang menghadkan kebolehan kita untuk mendapatkan filem-filem yang paling baru ataupun filem-filem yang benar-benar first class cukup banyak. Saya fikir kerana kita ada batasan kepada kebolehan kita membayar terpaksa kita bersyukur dengan adanya program-program yang first class ada juga program sedikitnya second class dan ada juga filem yang kita dapat lebih awal dan ada filem yang kita terpaksa mendapat akhir sedikit kerana sewa terlalu tinggi.

Inilah sahaja penjelasan yang saya ingin kemukakan kepada Dewan yang mulia. Perkara-perkara lain tidak berkehendak kepada jawapan, jadi saya hanya dapat menutupkan dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak jawapkan dengan khasnya.

5.55 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menunjukkan minat tentang perkara Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Pada hakikatnya, beberapa perkara yang dibangkitkan, walaupun secara tidak langsung ada berkaitan dengan perumahan—umpamanya rumah-rumah haram dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian-kementerian lain ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri. Sememangnya perumahan telah menjadi perkara yang sering diperbincangkan samada di dalam mahupun di luar Dewan yang mulia ini.

Kerajaan adalah sedar sepenuhnya akan kekurangan rumah dan usaha-usaha yang perlu telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini. Membina rumah-rumah adalah tidak serupa dengan membuat kueh, terutamanya pembinaan rumah yang beribu-ribu bilangannya, memerlukan masa. Ia juga

memerlukan wang, tanah dan kesanggupan untuk membina (construction capacity).

Apabila saya mengambil alih Kementerian ini dalam tahun 1974, kesemua 85.242 juta ringgit yang diperuntukkan bagi perumahan di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah habis dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Perbekalan tanah tidak mencukupi, begitu juga kesanggupan untuk membina.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adalah diharapkan lebih banyak lagi peruntukan diberi bagi tujuan perumahan. Untuk mengatasi masalah kesanggupan untuk membina, kerjasama serta pertolongan daripada pemaju-pemaju perumahan akan diminta sebagai langkah jangka pendek. Tetapi, saya harap, Ahli-ahli Yang Berhormat akan sedar bahawa dalam hal perumahan, adalah lebih sukar untuk menyediakan tapak dari membina rumah. Dalam perkara inilah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menolong dan memainkan peranan yang berguna. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dari Kerajaan-kerajaan Negeri, namun demikian ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi pemimpin-pemimpin politik di peringkat Negeri. Dengan ringkasnya, jika Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menolong menyediakan tempat tapak bagi rancangan perumahan, maka rancangan tersebut bolehlah dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai garis-garis panduan pembahagian rumah-rumah kos rendah kepada pemohon tiap-tiap satu kes itu bergantung kepada keanggotaan dan pendapatan keluarga pemohon itu. Selain daripada setinggan-setinggan yang terlibat ataupun sebarang kes tertentu, pada umumnya, keluarga yang mempunyai ramai anggota dan yang mempunyai pendapatan rendah lebih berpeluang untuk mendapat rumah. Dari segi pendapatan pula, pertimbangan adalah diberi kepada mereka yang berpendapatan keluarga dari sebanyak \$300 sebulan dan ke bawah, dan atau kepada pendapatan maksimum keluarga sebanyak \$800 sebulan.

Saya harap jawapan ini akan menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Mengenai perumahan di Pulau Pinang, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Kerajaan Pusat telah memberikan sebanyak \$8.604 juta di

bawah Rancangan Malaysia Kedua tetapi cuma \$1.1 juta telah digunakan, kerana sebab-sebab yang hanya diketahui sendiri oleh Kerajaan Negeri tersebut.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari kawasan Permatang Pauh mengenai pembayaran elaun \$80 setahun kepada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tidak mencukupi itu, saya ingin menerangkan iaitu sebenarnya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung telah ditubuhkan atas kesediaan Ahli-ahlinya memberi perkhidmatan secara sukarela, dan, sehingga kini masih tetap berdasarkan secara sukarela. Oleh itu perkara elaun tidak harus timbul. Namun demikian terpujanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan samada hendak memberi bayaran imbohan atau "token" kepada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya menjawab semua pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat satu persatu akan mengambil masa yang panjang. Oleh itu saya rasa cukuplah penerangan yang saya sudah berikan ini, kerana ada pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun diberi jawapan beberapa kali dalam Persidangan-persidangan Dewan ini yang lalu.

6.00 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah membangkitkan beberapa masalah berkaitan dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai. L.P.K.T. (Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan) Seberang Perai sebenarnya telah menguntukkan sebanyak \$10,000 dalam anggaran belanjawan mereka bagi tahun 1976. Peruntukan \$10,000 ini ialah untuk pembangunan masyarakat dan digunakan di atas kerja-kerja kecil sebagai memperbaiki jalan-jalan kampung, memperbaiki parit-parit dan membersihkan tempat-tempat yang digunakan oleh orang ramai dengan cara gotong-royong. Sebahagian daripada peruntukan ini diuntukkan kepada Pegawai Daerah Butterworth, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal supaya mereka dapat menggunakannya untuk tujuan yang sama.

Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai sedang merancang beberapa langkah untuk melanjutkan perkhidmatan-perkhidmatannya ke kawasan-kawasan di luar bandar. Sebagai satu langkah yang pertama, mereka telah memberi lampu jalan ke beberapa kawasan di luarbandar, di samping itu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai juga menggalakkan dan membantu penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luarbandar mendirikan "tandas curah" masing-masing supaya keadaan kesihatan akan bertambah baik. Selain daripada itu, perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti mengutip sampah-sarap akan diperbaiki kelak iaitu secara berperingkat-peringkat.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Selayang telah menyentuh tentang masalah setinggan. Kementerian saya memang sedar tentang masalah tersebut. Salah satu daripada langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memperbanyakkan lagi rumah-rumah murah di seluruh negara kita seperti yang telah diterangkan baharu sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Adalah dijangka masalah kekurangan rumah-rumah murah akan dititikberatkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana peruntukan-peruntukan akan disediakan supaya rumah-rumah murah akan dapat dibina dengan lebih banyak lagi dan ini akan mengatasi masalah-masalah setinggan yang terlibat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa masalah berkenaan dengan Wilayah Persekutuan. Di antara lain, beliau menyatakan bahawa penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah yang tinggal di Kuala Lumpur masih lagi menghadapi masalah kenaikan sewa yang terlalu tinggi yang mendatangkan kesusahan kepada mereka. Berkenaan dengan ini, ingin saya menjelaskan di sini bahawa masalah ini ialah salah satu daripada masalah-masalah yang telah timbul akibat inflasi. Kerajaan berharap bahawa keadaan inflasi ini mungkin dapat diatasi dalam masa setahun lagi, dan sewa rumah akan jatuh semula. Bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa masalah sewa rumah pada asasnya adalah bergantung kepada banyaknya rumah murah yang sedang dan akan dibina dan seperti yang saya

telah sebutkan tadi, usaha-usaha akan diambil untuk mempergiatkan lagi pembinaan rumah-rumah murah. Dengan adanya "supply" yang cukup, adalah diharap masalah ini akan dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur ini juga telah menyentuh perkara-perkara bersabit dengan masalah-masalah perumahan bagi orang miskin dan golongan yang berpendapatan rendah; masalah pemberian tanah kepada orang yang tidak bertanah untuk bercucuk tanam dan berternak; masalah memperbaiki taraf hidup setinggan-setinggan di kampung-kampung dan kampung-kampung baru dan masalah setinggan-setinggan yang terpaksa diusir tanpa diberi tempat tinggal yang memuaskan. Dalam perkara ini, Kerajaan adalah sentiasa mengikut perkembangan dari segi kesulitan-kesulitan, yang dialami oleh golongan-golongan yang disebutkan tadi dan berusaha sedaya-upaya untuk mengatasinya.

Dalam usaha mencapai matlamat membina lebih banyak rumah-rumah untuk golongan atau bekas-bekas setinggan ini, sedikit sebanyak dari kesulitan-kesulitan ini tidak dapat dielakkan dan ini adalah merupakan keadaan sementara sahaja kerana apabila dapat dihasilkan rumah-rumah murah dalam jumlah yang besar sebagaimana di bawah rancangan pembinaannya samada oleh Dewan Bandaraya dan pihak yang lain sudah pasti setinggan-setinggan ini akan ditempatkan kembali di rumah-rumah ini dalam keadaan yang lebih baik dan lebih sempurna lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah menyentuh tentang masalah banjir di United Garden, Jalan Kelang Lama. Ingin saya menjelaskan bahawa Jabatan Parit dan Taliair sedang membincangkan dengan pihak-pihak pemaju perumahan di kawasan yang berkenaan untuk mengadakan satu rancangan mencegah banjir di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adapun teguran-teguran yang lain saya tidaklah berhajat menjawabnya satu persatu, tetapi Kementerian saya akan mengkaji satu persatu dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh urusan-urusan Kementerian ini.

6.11 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih di atas hujjah-hujjah, pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam masa pembukaan Parlimen ini.

Terlebih dahulu saya ingin memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara umum sahaja bagi memelihara masa. Yang pertama, saya ingin menyentuh berhubung dengan perkara Bank Pertanian. Memanglah menjadi tujuan kepada tugas Bank Pertanian yang pertamanya melaksanakan kemajuan pertanian yang sempurna di dalam negara ini. Yang keduanya, menyelaras dan menyelia bantuan kredit dari kumpulan-kumpulan wang awam untuk maksud-maksud pertanian bagi kumpulan-kumpulan wang awam untuk maksud-maksud pertanian bagi berbagai-bagai orang atau kumpulan, samada diperpadankan atau tidak. Yang ketiga, mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman bantuan dan kredit untuk kemajuan pertanian termasuk penghasilan dan pemasaran. Yang keempat, menyelenggarakan wang simpanan khusus di dalam bidang pertanian bagi mencapai tujuan ini menerima wang-wang simpanan dan deposit daripada orang ramai.

Di dalam kegiatan-kegiatan di dalam rancangan ini Bank Pertanian semenjak ditubuhkan telahpun memberi pinjaman:

- (1) Kredit pengeluaran padi;
- (2) Kredit pengeluaran pemasaran tembakau;
- (3) Pinjaman jentera;
- (4) Pinjaman di rancangan-rancangan tanaman;
- (5) Pinjaman ternakan;
- (6) Pinjaman perikanan;
- (7) Pinjaman pembelian dan memajukan tanah;
- (8) Pinjaman perusahaan pertanian; dan
- (9) Pinjaman kemajuan ladang.

Segala kegiatan-kegiatan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada seluruh petani-petani dan sehingga Ogos tahun 1975 Bank ini telahpun meluluskan wang sebanyak

\$140.8 juta untuk berbagai-bagai jenis pertanian. Kemudahan ini semata-mata adalah untuk menolong petani-petani yang memerlukan kemudahan-kemudahan daripada Bank ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berhubung perkara impot bahan makanan yang masih dijalankan sehingga hari ini, suka saya menyatakan terutamanya berkenaan dengan impot beras ke dalam negara ini. Memang menjadi dasar Kementerian Pertanian untuk mengisi keperluan negara bagi mencukupkan makanan rakyat di negara ini. Begitu juga buah-buahan, tetapi oleh kerana bagi mengadakan satu-satu kawasan tanaman padi adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan terpaksa memakan masa bagi menyediakan kemudahan-kemudahan perairan. Maka oleh itu kita terpaksa mengatasi masalah ini dengan cara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, kemajuan-kemajuan yang telah dicapai daripada semasa kesemasa adalah menggalakan. Dalam pada itu, Kementerian ini berharap pada petani-petani akan terus dapat memberikan kerjasama dan sambutan di atas usaha bagi melipatgandakan hasil bahan makanan. Sebagaimana gerakan bumi jaya di bawah Rancangan Buku Hijau akan dapat diteruskan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat ada menyentuh berhubung dengan impot ikan, sebenarnya negara kita pada hari ini lebih banyak mengeksport ikan daripada impot. Oleh kerana itu berhubung masalah keperluan ikan bolehlah dikatakan negara kita ini telahpun melebihi daripada keperluan. Satu contoh, dalam tahun 1974 kita telah mengeksport sebanyak 107,176 tan yang bernilai \$159,175,931 dan hanya mengimport sebanyak 75,165 tan yang bernilai \$67,629,566. Ini adalah merupakan ikan-ikan yang diimport yang merupakan ikan-ikan dalam tin seperti sardin dan sebagainya yang tidak boleh didapati dalam negara kita.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berhubung dengan pandangan supaya Kerajaan memberi tekanan kepada pembangunan pertanian, ini memanglah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada pembangunan pertanian supaya negara kita dapat mengisi keperluannya sendiri. Dan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan sedang

menyediakan rancangan-rancangan pertanian bagi meninggikan taraf hidup petani-petani dan mengisi keperluan negara.

Kepada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung rancangan-rancangan Kerajaan lambat supaya dapat disegerakan, ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Oleh kerana di dalam pembangunan pertanian, misalnya, rancangan tanaman padi, maka Kerajaan terpaksa mengadakan terlebih dahulu rancangan-rancangan perairan di kawasan-kawasan sawah. Di dalam rancangan perairan ini juga adalah memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk menyediakan keperluan-keperluan pengairan di dalam satu-satu kawasan. Saya merasa puas hati di atas kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk mengadakan saluran-saliran yang mana sejumlah 46 buah rancangan telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang kedua dengan jumlah peruntukan sebanyak \$51.24 juta untuk memberi kemudahan-kemudahan saluran kepada kawasan lebih kurang 258,000 ekar. Sebahagian besar matlamat tersebut adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada kawasan sawah yang ada sekarang dan juga kawasan-kawasan yang baharu. Pada akhir tahun 1975 adalah kawasan pertanian seluas 215,000 ekar telah mendapat kemudahan-kemudahan saluran. Rancangan-rancangan besar termasuklah rancangan Seberang Perak Peringkat Kedua dan Ketiga, Sabak Bernam—Kuala Selangor, Bagan Datuk dan juga Johor Barat.

Berkenaan dengan rancangan-rancangan perairan sebanyak 93 buah rancangan perairan telah dirancang untuk pelaksanaan tempoh rancangan lima tahun yang kedua. Jumlah anggaran sebanyak \$168,34 juta untuk memberi kemudahan perairan kepada bendang lebih kurang 381,000 ekar dan dianggarkan seluas 330,000 ekar telah mendapat kemudahan-kemudahan perairan pada akhir tahun 1975. Matlamat besar ini adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada penanaman padi dua kali setahun yang meliputi 250,000 ekar bendang. Rancangan-rancangan besar termasuklah Rancangan Perairan Muda, Rancangan Perairan Kemubu, Rancangan Perairan Besut dan Rancangan Perairan Krian. Ini semuanya adalah membuktikan satu kemajuan yang besar dan kejayaan yang telah dicapai oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Kemajuan yang telah dicapai dibandingkan daripada tahun 1971 hingga tahun 1974 bagi keluaran tawaran padi dua kali setahun adalah seperti berikut:

Kawasan tanaman padi dua kali setahun

1971	...	...	393.8 ribu ekar
1972	...	...	487.9 ribu ekar
1973	...	...	524.5 ribu ekar
1974	...	...	536.3 ribu ekar

Ini adalah menunjukkan satu kemajuan yang sangat-sangat mengalakkan.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ini satu perkara yang khas berkenaan dengan janji Menteri Pertanian membuat perjanjian untuk memberi kemudahan di Negeri Trengganu, sehingga sekarang ini tidak ada sampai wang yang dijanjikan. Saya dengan sukacitanya ingin mendapat tahu dengan lebih lanjut daripada Yang Berhormat berhubung perkara ini supaya saya dapat menyiasat bagaimana kedudukan yang sebenarnya dengan perkara ini supaya dapat diatasi dengan seberapa segera. Saya percaya perkara ini tentulah ada satu-satu masalah yang menjadi halangan yang menyebabkan perkara ini tidak dapat disempurnakan.

Berhubung dengan masalah kenaikan harga baja, ini memang kita sedia maklum, masalah harga baja ini yang mana bahan-bahan membuat baja ini adalah mengalami harga yang tinggi. Oleh kerana itulah, maka Kerajaan telah mengadakan subsidi baja urea kepada petani-petani. Tetapi buat masa ini harga baja urea telahpun turun keparas yang rendah dan harga subsidi juga telahpun diturunkan oleh pihak Kerajaan.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berhubung dengan kesusahan nelayan-nelayan ini memanglah semua kita maklum, nelayan-nelayan di dalam negara kita mengalami kesusahan oleh kerana disebabkan jumlah nelayan-nelayan ini bertambah pada tiap-tiap tahun. Sebagaimana yang kita sedia maklum, tahun 1971 jumlah nelayan ialah 67,961 orang, tetapi pada tahun 1974 telah meningkat kepada 70,805 orang. Walau bagaimanapun, Kementerian ini suka menasihatkan kepada keluarga-keluarga nelayan ini selain daripada mendapatkan kemudahan daripada MAJUIKAN ataupun Jabatan Perikanan Keluarga nelayan itu

supaya dapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengubah mata pencarian mereka di dalam bidang pertanian. Jika sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai kawasan-kawasan tanah yang sesuai sangatlah baik nelayan-nelayan ini dapat dimasukkan di dalam Rancangan-rancangan tanah. Sebagaimana yang saya difahamkan, Kerajaan Negeri Trengganu. Sedang mengambil tindakan-tindakan bagi mengubah pendapatan nelayan-nelayan ini kepada projek-projek pembukaan tanah.

Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga menyentuh berhubung dengan pembersihan taliair yang tidak sempurna, ini saya berpendapat adalah perkara yang boleh dibawa di dalam mesyuarat-mesyuarat pembangunan luar bandar Daerah dan perkara ini boleh diatasi dengan seberapa segera oleh Jurutera-jurutera Alirair Daerah masing-masing.

Berkenaan pandangan lain yang tidak saya jawab di dalam Dewan ini bermakna sedang di dalam tindakan Kementerian saya dan juga di dalam perhatian Kementerian saya. Walau bagaimanapun, segala rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh Kementerian saya akan dibentangkan lagi di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang tidak berapa lama lagi. Oleh yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas perhatian berat Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya, mudah-mudahan dengan pandangan serta teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan membawa kemajuan yang lebih pesat lagi bagi menambah hasil pertanian negara dan menambah pendapatan petani-petani dalam negara ini.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memuat teguran dan syor-syor atas beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pertahanan khususnya dan persoalan keselamatan amnya. Semua teguran-teguran dan syor-syor itu telahpun diambil ingatan dan saya percaya tiap-tiap anggota Angkatan Tentera berasa begitu bersemangat dengan adanya titikberat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap mereka. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menimbulkan tentang kegunaan kapalterbang jet pejuang T.U.D.M. Tuan Yang di-Pertua, jet-jet pejuang T.U.D.M. bukanlah digunakan untuk mengebom sasaran-sasaran di Asahan sahaja dan pembelian kapalterbang pejuang ini tidaklah bermakna Kerajaan mengeneppikan atau menafikan perlunya helikopter. Perkembangan yang seimbang sentiasa diawasi di dalam Tentera Udara Di Raja Malaysia kita dan kedua alatan ini iaitu kapalterbang jet dan helikopter adalah penting dalam perancangan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh tentang Kerajaan Malaysia bersikap sepi terhadap pembongkaran bertulis tentang Northrop dan beliau telah bertanya samada siasatan dibuat seolah-olah hanya untuk memberi satu jawapan sahaja selepas soalan-soalan diketahui dikemukakan dalam sidang Parlimen ini. Berbeza dengan cara bertindak dan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan adalah teliti dalam hal ini. Jikalau Kerajaan tidak membuat kenyataan berkenaan dengan perkara ini tidaklah bermakna Kerajaan berdiam diri. Kerajaan tidak memerlukan atau menunggukan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dalam hal ini untuk mengambil tindakan. Banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah memandang berat perkara pembelian kapalterbang ini. Bezanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak menunggu sidang Parlimen untuk memberikan teguran mereka. Pandangan ikhlas dari mereka itu iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional disampaikan kepada saya lebih awal lagi. Walau bagaimanapun, keputusan Kementerian Pertahanan untuk menyerahkan siasatan kepada B.S.N. telah dibuat sebelum Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sempat hendak menuliskan soalan-soalan beliau untuk sidang Parlimen sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bachok, Ledang, Baling, Kangar dan Sungai Siput telah secara amnya menyentuh tentang perkara tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan anggota-anggota Angkatan Tentera. Sukacita saya menerangkan bahawa Kerajaan telahpun mula menjalankan kajian perkara-perkara yang dimaksudkan itu. Oleh kerana dalam menjalankan

kajian atas perkara ini berbagai implikasi yang mungkin timbul perlu juga diperhatikan, Kerajaan terpaksa berhati-hati. Kementerian Pertahanan sendiri memang memandang berat perkara ini dan suka saya menegaskan bahawa segala tindakan yang perlu sedang diambil oleh Kementerian ini untuk menyelesaikan perkara ini dengan seberapa segera yang mungkin.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dan Baling telah membangkitkan perkara perumahan bagi anggota-anggota Tentera. Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan bahawa Kerajaan hendaklah membina lebih banyak lagi rumah-rumah kelamin bagi Anggota-anggota Tentera supaya keluarga-keluarga Anggota Tentera dapat menginap di kediaman-kediaman yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah-rumah kelamin bagi anggota tentera. Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan jangka panjang untuk menempatkan semua keluarga anggota-anggota tentera di rumah-rumah kelamin. Oleh kerana pembinaan bilangan rumah-rumah yang mencukupi bagi memenuhi hasrat ini akan mengambil masa yang agak lama, Kementerian Pertahanan telahpun mengambil tindakan-tindakan berikut sebagai langkah sementara:

- (a) Menyewa rumah secara berkelompok. Pada masa ini Kementerian Pertahanan telah menyewa 1,411 buah rumah untuk anggota-anggota tentera.
- (b) Membina rumah-rumah murah kayu.
- (c) Membeli rumah-rumah pangsa.

Selain daripada rancangan-rancangan tersebut di atas usaha Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan pihak J.K.R. untuk menyempurnakan pembinaan 7,818 yunit rumah kelamin juga sedang diteruskan dengan giatnya. Bagi menentukan bahawa anggota-anggota tentera yang tidak dapat peruntukan rumah kelamin dapat menyewa rumah yang sesuai, Kementerian Pertahanan juga membayar elaun rumah kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mengesyurkan supaya kekuatan angkatan tentera secara amnya ditambah untuk mengawasi ancaman yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah mencadangkan supaya Pasukan Askar Wataniah diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telahpun menyediakan rancangan-rancangan untuk memperbesarkan Pasukan-pasukan Tentera kita termasuk Pasukan Askar Wataniah. Kesemua rancangan-rancangan itu telahpun dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibincangkan kelak di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bachok dan Rantau Panjang telah juga menegaskan keperluan menguatkan iman para perajurit kita. Sebenarnya, pihak Kementerian Pertahanan juga memang sedar perkara ini dan telahpun menyediakan kemudahan-kemudahan agama bagi para perajurit kita untuk membentuk kerohanian para perajurit-perajurit, kelas-kelas agama selalu diadakan bukan sahaja untuk anggota-anggota tentera bahkan juga untuk keluarga mereka. Kelas-kelas ini adalah dijalankan oleh guru-guru agama yang ditempatkan di tiap-tiap yunit tentera, di samping itu kemudahan untuk sembahyang juga disediakan di mana-mana sahaja mereka berada dan keperluan-keperluan agama yang lainnya adalah diberi keutamaan. Anggota-anggota tentera kita sentiasa bersemangat untuk berjuang dan berani berkorban untuk bangsa dan negara. Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk memperbaiki lagi ajaran-ajaran agama ini akan dibuat dari semasa ke semasa seperti yang diharapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyatakan bahawa anggota-anggota tentera khasnya mereka yang berkhidmat di kawasan-kawasan sempadan hendaklah bekerjasama dengan sepenuhnya dan ikhlas dengan rakyat di kampung. Mungkin ada berlakunya sesuatu perkara terpencil yang tidak diingini oleh pihak tentera, tetapi ini tidaklah bermakna pandangan menyeluruh boleh dibuat terhadap mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat anggota-anggota tentera yang bertugas di perbatasan selalu diingatkan supaya memberi layanan yang baik serta berbudi bahasa dengan orang-orang kampung supaya dapat kerjasama mereka.

Selain daripada itu, pasukan tentera juga menjalankan projek-projek jiwa murni untuk menawan hati orang-orang kampung dan juga mendapat kerjasama mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyuarakan rasa bimbangnyanya atas kedudukan negeri Perlis. Kerajaan sememangnya faham atas ancaman yang dihadapi oleh negeri Perlis. Dalam langkah-langkah keselamatan yang diambil perhatian yang sewajarnya telahpun diberi kepada keselamatan negeri Perlis serta juga lain-lain negeri di utara. Bagi mencegah penyusupan anasir-anasir komunis dan juga penyeludupan-penyeludupan, pasukan keselamatan sentiasa menjalankan tugas rondaan ke kawasan-kawasan yang disyaki sebagai jalan masuk bagi anasir-anasir itu. Keadaan keselamatan negeri-negeri di sempadan adalah sentiasa di dalam perhatian Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah mengesyurkan agar tender-tender Kementerian Pertanian dipecah-pecahkan untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra untuk mendapatkan tender-tender itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sudah mula mengamalkan dasar memecah-mecahkan tender yang besar di mana yang boleh untuk membolehkan lebih ramai lagi peniaga-peniaga kecil khasnya peniaga-peniaga bumiputra untuk mendapatkan tender-tender itu. Amalan ini dijalankan bagi tender-tender untuk perkhidmatan jahitan, pembekalan makanan dan sebagainya. Kajian-kajian sedang juga dijalankan untuk menentukan jika ada tender-tender lain yang boleh juga dipecahkan khasnya bagi consumable items seperti pakaian, setor am dan sebagainya. Bagi tender-tender yang melibatkan pembelian barang-barang kelengkapan (capital equipment) adalah sukar sedikit bagi memecahkan tender itu oleh kerana pentingnya diperolehi sejenis atau dua contoh (model) barang-barang tersebut supaya menyenangkan penyelenggaraan dan pembelian tambahan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan yang saya tidak berkesempatan memberi jawapan satu persatu dan saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa kesemua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya sentuh dalam jawapan saya tadi akan diambil perhatian.

6.26 *ptg.*

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan syur-syur mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menyatakan harapan beliau supaya pembangunan Wilayah Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah akan tercapai selaras dengan hasrat Allahyarham Tun Abdul Razak. Buat beberapa masa ini ada beberapa cara telah diadakan untuk mengawasi serta menyusun pelaksanaan objektif dan projek-projek perbadanan pembangunan wilayah seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah. Misalnya, dalam ketiga-tiga Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan ini telah ada dilantik sekurang-kurangnya dua orang pegawai kanan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah bertujuan untuk membantu dan menasihati sambil mengawasi perjalanan perbadanan-perbadanan tersebut supaya ianya tidak menyeleweng daripada objektif untuk menubuhkan badan-badan wilayah tersebut dan khususnya prinsip-prinsip yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru.

Pada tahun 1973 Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengarahkan supaya suatu jawatankuasa penyelaras hendaklah ditubuhkan untuk Perbadanan Pembangunan Wilayah. Tugas-tugasnya adalah seperti berikut:

- (1) Menyelaras kegiatan-kegiatan perbadanan-perbadanan Pembangunan Wilayah untuk mengelakkan duplikasi dan menentukan supaya kepakaran dan scarce resources dapat dipusatkan.
- (2) Menentukan supaya pengetahuan dan kepakaran dapat digunakan untuk faedah bersama.
- (3) Menentukan supaya tujuan menyusun semula masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru dipatuhi dalam menyediakan dan melaksanakan projek-projek dalam wilayah pembangunan.
- (4) Menentukan supaya di dalam masing-masing wilayah pembangunan bergerak kearah matlamat yang betul dan seimbang.

- (5) Melapurkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kemajuan perbadanan-perbadanan itu dari masa kesemasa.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh ketiga-tiga Pembangunan Wilayah dan Urusetianya ialah Bahagian Penyelaras, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tujuh kali semenjak ditubuhkan. Untuk menentukan objektif Pahang Tenggara ini tercapai adalah perlu Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara itu sendiri memainkan peranan yang positif dalam pembangunan wilayah tersebut dan saya yakin Lembaga ini menjalankan tugasnya dengan aktif. Dengan perombakan Kabinet baru-baru ini semua Perbadanan Pembangunan Wilayah adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat itu telah merayu kepada sector swasta supaya menyertai dalam pembangunan wilayah Pahang Tenggara. Mengenai perkara ini Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara telah menubuhkan satu sector yang dipanggil Bahagian Pelaburan dan Penggalakan. Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk menggalakan sektor swasta samada bumiputra ataupun bukan bumiputra untuk menyertai di dalam pembangunan Pahang Tenggara. Pada masa ini telah diadakan 10 projek usaha-bersama Pahang Tenggara dan juga pihak swasta. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara bersama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) juga ditugaskan untuk menggalakkan penyertaan swasta di dalam kawasan DARA. Yang Berhormat juga telah berharap supaya dengan pembangunan Pahang Tenggara matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru akan tercapai. Mengenai perkara ini ianya akan diuruskan selaras dengan hasrat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam pembangunan wilayah Pahang Tenggara.

Yang Berhormat dari Pekan juga telah membangkitkan tentang kemungkinan membangunkan Tasik Chini menjadi natural reserve seperti Yellowstone National Park di Amerika Syarikat. Berkenaan dengan Tasik Chini ini saya telah difahamkan ianya adalah di luar kawasan hutan simpan dan terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang untuk membangunkan Tasik ini untuk menjadi natural reserve seperti Yellowstone

National Park. Pihak Jabatan Perhutanan menyokong pada dasarnya untuk menjadikan kawasan ini sebagai natural reserve.

Yang Berhormat dari Dungun telah menyentuh tentang keadaan yang rumit dan sempit di kalangan kaum nelayan dengan membangkitkan soal permohonan daripada kaum nelayan untuk menyertai rancangan Felda tetapi tidak berjaya. Pada masa ini bagi seluruh negeri Trengganu jumlah calun-calun yang telah berjaya dalam temuduga dan dimasukkan dalam senarai menunggu untuk menyertai rancangan tanah Felda ialah 2,373 orang dan ini termasuk kaum-kaum nelayan. Daripada jumlah tersebut 85 orang dari calun akan dipelawa untuk menyertai rancangan tanah Felda Chaluk Barat, Trengganu tidak berapa lama lagi. Pada masa ini rancangan di Trengganu yang sedang diusahakan oleh Felda ialah di Rasau Kertik yang mana kawasan perkampungan masih dalam proses pembangunan, sebaik-baik sahaja kawasan perkampungan ini siap kelak calun-calun yang berjaya akan dipelawa masuk ke rancangan tersebut.

Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah mengambil tindakan memusnah dan memecahkan rumah-rumah tanpa izin di Kuala Selangor. Dalam masaalah ini saya telah difahamkan bahawa pihak Pejabat Tanah Kuala Selangor belum lagi menjalankan tindakan ini, tetapi telah memutuskan untuk mengambil tindakan ini selepas dirunding dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Tanah Daerah yang dianggotai, bukan sahaja oleh pegawai-pegawai Kerajaan tetapi juga oleh Wakil-wakil Rakyat daerah ini. Tindakan pihak Kerajaan terhadap rumah-rumah tanpa izin ini bukanlah diambil dengan tujuan untuk menganiayai rakyat tetapi bertujuan mengatasi masaalah yang begitu buruk yang ada kalanya menghalang pihak Kerajaan mengadakan projek-projek pembangunan. Pihak Kerajaan ada mempunyai bukti-bukti bahawa setengah-setengah daripada rumah-rumah tanpa izin ini bukanlah didirikan dan diduduki oleh betul-betul oleh orang yang tidak ada harta dan yang memerlukan tetapi orang-orang yang berada yang cuba mengambil keuntungan sahaja.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat dari Kuala Selangor bahawa pihak Pejabat Tanah telah melambatkan kelulusan

pemberian tanah kepada orang ramai tetapi telah mengutamakan permohonan daripada saudagar-saudagar besar bagi tanah di Bukit Cheraka ini adalah tidak tepat. Kerana saya telah difahamkan bahawa kawasan ini yang berkeluasan lebih kurang 7,000 ekar telah dipersetujui supaya dimajukan bagi pertanian oleh orang ramai dan juga untuk pihak-pihak swasta berkongsi dengan pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Cara mana kawasan ini akan dimajukan telahpun diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada satu badan perunding (consultant firm) bagi menyediakannya. Selepas Kerajaan Negeri menerima laporan ini barulah permohonan-permohonan untuk kawasan ini akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan menggunakan computer bagi mengatasi masaalah berlakunya tanah atau rumah diluluskan kepada mereka yang berada. Ini adalah satu cadangan yang baik bagaimana-pun perkara ini sememangnya sedang dalam kajian pihak Kementerian ini dengan kerjasama dari Universiti Sains Pulau Pinang dan INTAN satu cadangan akan diangkat bagi pertimbangan pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah membangkitkan keadaan lot-lot pertanian yang begitu kecil yang dikerjakan oleh petani-petani dan mengesyorkan supaya Kerajaan membuka lebih tanah secara lease ataupun berkelompok. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu telah maklum boleh dikatakan kebanyakan lot-lot pekebun-pekebun kecil sekarang adalah tanah-tanah yang diwarisi dan yang telah dibuka di zaman penjajah dahulu dan di kala mana rakyat tidak ada kemampuan bagi menjayakan tanah yang luas, tetapi sejak negara kita mencapai kemerdekaan pihak Kerajaan telahpun membuka tanah bagi faedah rakyat berdasarkan lot yang ekonomik. Sebagai contoh lot-lot yang disediakan oleh Felda adalah tidak kurang daripada 10 ekar bagi tiap-tiap satu. Dalam pada itu pihak Kerajaan melalui Kementerian-kementerian yang tertentu telah juga mengadakan rancangan-rancangan bagi menjayakan kawasan-kawasan tanah yang sempit ini supaya boleh diusahakan secara intensive yang boleh melipatgandakan pengeluarannya.

Berhubung dengan tegoran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mengenai pemulihan kawasan tanaman oleh

Felcra di Hilir Perak, adalah dimaklumkan bahawa rancangan tanah yang berkenaan adalah dikhaskan untuk bekas mata-mata khas seramai 125 orang dan jumlah luas kawasan ialah 1,000 ekar. Kawasan ini telah dibuka pada tahun 1963 oleh Kerajaan Negeri Perak. Peserta-peserta telah diberi \$1,500 seorang bagi mendirikan rumah dan menjayakan rancangan tersebut malangnya oleh beberapa sebab yang tertentu rancangan ini telah menemui kegagalan melainkan beberapa lot sahaja. Felcra telah diminta untuk memajukan atau memulihkan rancangan yang gagal ini dan pada mulanya Lembaga bercadang akan memulihkan rancangan ini pada tahun 1973. Tetapi, oleh kerana timbulnya beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, maka tarikh pemulihan ini terpaksa ditunda. Mengikut jadual Felcra akan memajukan rancangan ini pada tahun 1976 dengan tanaman getah. Memandangkan kepada beberapa faktor yang tertentu seperti kesesuaian tanah, harga dan kemudahan-kemudahan seperti kilang-kilang kelapa sawit yang ada berhampiran didapati adalah lebih elok kawasan itu ditanam dengan kelapa sawit. Dengan demikian Lembaga telah membuat kajian semula berdasarkan kepada pertukaran jenis tanaman ini dan terpaksa mengubahsuaikan anggaran-anggaran yang disediakan bagi tanaman getah. Usaha-usaha sedang giat dijalankan bagi mengesahkan supaya rancangan ini dapat dibuka sebagaimana yang dirancang dan adalah dijangka rancangan ini akan dibuka dalam tahun 1976-1977. Lembaga pada masa ini sedang mengatur satu perjumpaan dengan para peserta bagi rancangan ini di mana akan dapat diperterangkan kepada peserta-peserta tersebut akan usaha-usaha Felcra dan perkara yang berkaitan dengan kemajuan rancangan ini.

Sekianlah sahaja ulasan saya dan perkara-perkara yang tidak saya jawab di sini saya kan ambil perhatian.

6.39 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi jawapan-jawapan yang ringkas berkenaan dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Dungun dan Rantau Panjang telah menyentuh secara umum mengenai pembinaan jalanraya. Perlulah saya jelaskan bahawa pembinaan jalanraya adalah dikendalikan oleh dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bagi jalan-jalan raya Persekutuan keutamaan pada biasanya diberikan bergantung kepada kehendak dan keperluan yang segera. Dan di dalam peruntukan kewangan selalunya dititik-beratkan kepada Negeri-negeri yang mana kerja-kerja pembinaan jalanrayanya sangatlah merosot.

Berkenaan dengan jalanraya-jalanraya yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri pula adalah dengan cara langsung tertakluk di bawah jagaan Negeri-negeri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun telah menjadi kebiasaan dari masa ke semasa Negeri-negeri diberi bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk peruntukan separuh atau sepenuhnya untuk melaksanakan projek Negeri tersebut dan biasanya perhatian yang sewajarnya adalah diberi terhadap permintaan-permintaan ini, terutamanya daripada Negeri-negeri yang masih mundur dalam pembangunan jalanrayanya.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyebut berkenaan dengan pembinaan jalan-jalan raya luar bandar negeri di Perak terutamanya di kawasan beliau. Perlu juga di jelaskan bahawa program bagi pembinaan jalan-jalan luar bandar adalah ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri. Kerajaan Pusat hanya akan memberi peruntukan tertentu bagi pembinaan jalan-jalan luar bandar ini yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu jika Ahli Yang Berhormat berminat dalam perkara ini saya syorkan Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kepada Majlis Tindakan Negeri Perak untuk tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyatakan bahawa Majlis Tindakan Daerah dan Majlis Tindakan Negeri Perak telah bersetuju hendak membina jalan-jalan di kawasannya sementara kelulusan ataupun peruntukan daripada Kerajaan Pusat sedang ditunggu. Teguran ini terlalu umum oleh kerana setakat yang diketahui tidak ada apa-apa persetujuan di antara Kementerian saya dengan Kerajaan Negeri mengenai pembinaan jalan-jalan ini.

Berhubung dengan perkara pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Kinta bagi menggantikan perkhidmatan feri yang ada sekarang ini, saya suka lah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa projek ini adalah satu projek Kerajaan Negeri sepenuhnya. Oleh itu Kerajaan Persekutuan tidak akan memberikan apa-apa sumbangan dari segi perbelanjaan untuk pembinaan jambatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah menggesa Kerajaan membina lebih banyak jalan-jalan raya di negeri Sarawak. Perkara ini telah diambil perhatian dan saya diberi tahu oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa Kerajaan Negeri itu akan melaksanakan lebih banyak lagi jalan-jalan penghantar dan jalan-jalan pembangunan yang akan memberikan kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk luar bandar dan juga kawasan-kawasan pembukaan tanah dan pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah memperkatakan berkenaan kelewatan mendirikan beberapa buah sekolah di negeri Perak. Beliau menyatakan bahawa sebab utama kelambatan itu adalah disebabkan kekurangan kakitangan dari Jabatan Kerja Raya. Beliau minta supaya sebuah unit khas dibentuk untuk mendirikan sekolah-sekolah di Kementerian Pelajaran. Sebuah unit khas sebenarnya telah ditubuhkan di bawah Jabatan Kerja Raya untuk mengendalikan hal ehwal pembinaan sekolah. Unit ini yang dikenali sebagai Cawangan Pelajaran; Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya adalah menjalankan kerja-kerja merancang, menyelia kerja-kerja pembinaan dan rancangan-rancangan pembangunan Kementerian Pelajaran. Cawangan Pelajaran ini telah menghantar kakitangan-kakitangan teknikal kesemua Negeri. Di Negeri Perak sahaja Cawangan Pelajaran, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya telah menghantar 21 kakitangan teknikal dan perkeranian bagi merancang dan menyelia kerja-kerja pembangunan Kementerian Pelajaran di Negeri itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah mencadangkan supaya dasar dalam pembiayaan projek bekalan letrik luar bandar digunakan sekarang diubah. Pada masa sekarang pembiayaan projek-projek ini adalah dibahagi sama rata di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Lembaga

Letrik Negara. Beliau meminta supaya Kerajaan Negeri digugurkan dari memberikan sumbangan 1/3 ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa dasar Kerajaan Pusat mengenai perbekalan letrik luar bandar ialah pada biasanya pada tiap-tiap pihak dikehendaki membayar 1/3 dari perbelanjaan itu. Walau bagaimanapun bagi Negeri-negeri yang dianggap sebagai deficit, Kerajaan Pusat boleh mengecualikan mereka daripada pembayaran 1/3 tersebut. Ini akan bermakna Kerajaan Pusat akan menanggung 2/3 daripada perbelanjaan dan bakinya oleh Lembaga Letrik Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Parit pula meminta supaya bekalan letrik diadakan di kawasan Tanjong Belanja dan kawasan berhampiran. Kementerian saya baharu sahaja mengambil alih hal ehwal bekalan letrik ini dan akan mengambil perhatian berkenaan dengan permintaan Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menyatakan bahawa pungutan tol di Jambatan Batu Pahat dan Muar telah menghalang pembangunan di kedua-dua kawasan tersebut. Beliau merayu supaya hal ini dikaji semula memandangkan perbelanjaan membina kedua-dua jambatan tersebut telah pun cukup dikutip oleh Kerajaan. Kerajaan belum bercadang hendak menghentikan kutipan tol di kedua-dua Jambatan Muar dan Batu Pahat. Memang benar bahawa kutipan tol di Jambatan Muar telah melebihi kos pembinaan jambatan itu, tidak termasuk kos mengurus. Walau bagaimanapun adalah tidak benar dikatakan bahawa kutipan tol di Jambatan Batu Pahat telah melebihi kos pembinaan jambatan tersebut. Berkenaan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa kutipan tol telah menjadikan halangan kepada pembangunan di kedua-dua kawasan tersebut, Kementerian saya akan membuat kajian mengenai perkara tersebut dan tindakan atau langkah-langkah sewajarnya akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul berhubung dengan kutipan tol tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah mengulangi sekali lagi aduannya mengenai kelambatan dalam pembinaan Setor Perubatan di Bukit Mertajam. Sebagaimana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri pada persidangan Parlimen yang lepas langkah telah diambil untuk memanggil semula tender untuk projek tersebut. Saya

sukalah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pemborong yang kedua sekarang telah meneruskan kerja-kerja tersebut. Jika tidak ada apa-apa halangan projek tersebut akan siap dalam tempoh lebih kurang satu tahun.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 5 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 6.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Usul atas nama Tuan Ariffin bin Haji Daud, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti dipersempahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Per-

sidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.”

disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti dipersempahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 8hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.